




# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013

Aktiviti Jabatan/Agensi Dan  
Pengurusan Syarikat Kerajaan  
**NEGERI JOHOR**

SIRI 2



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA





# **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013**

---

Aktiviti Jabatan/Agensi  
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan  
**NEGERI JOHOR**

**SIRI 2**

**JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA**





---

## KANDUNGAN



# KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>KATA PENDAHULUAN</b>	vii
<b>INTISARI LAPORAN</b>	xi
<b>AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI</b>	
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR	3
PEJABAT TANAH DAN GALIAN JOHOR	
Pengurusan Kenderaan	
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR	21
Program Taman Kekal Pengeluaran Makanan	
MAJLIS BANDAR RAYA JOHOR BAHRU	46
MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGGAM	
Pengurusan Perolehan	
MAJLIS PERBANDARAN KLUANG	64
MAJLIS DAERAH PONTIAN	
Pengurusan Pungutan Cukai Taksiran	
PERBADANAN JOHOR	85
Johor Foods Sdn. Bhd.	
<b>PENUTUP</b>	101





---

## KATA PENDAHULUAN



# KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri. Manakala perkara 107, Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan hasil pengauditan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor menitahkan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Negeri Johor.
2. Pada tahun 2014 Jabatan Audit Negara akan meneruskan pelaksanaan inisiatif di bawah GTP2.0: NKRA Antirasuah dengan mengemukakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk dibentangkan di Parlimen/Dewan Undangan Negeri setiap kali sesi Parlimen/Dewan Undangan Negeri bersidang. Jabatan Audit Negara juga akan terus menyokong Dasar Transformasi Negara dan terus membantu Jabatan/Agensi Kerajaan melakukan penambahbaikan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan memberikan pandangan serta syor melalui pengauditan yang dijalankan. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Johor Tahun 2013 Siri 2 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepetimana yang dihasratkan oleh Kerajaan.
3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 3 Jabatan, 4 Agensi dan satu Syarikat Kerajaan Negeri. Pengauditan terhadap aktiviti Jabatan/Agensi Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Manakala pengauditan terhadap pengurusan syarikat adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan sesebuah syarikat adalah baik, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan serta mencapai objektif penubuhannya.

4. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Menteri Besar/Setiausaha Kerajaan Negeri Johor. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 13 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi berkenaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Johor yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

30 April 2014



---

## INTISARI LAPORAN



# INTISARI LAPORAN

## AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

### 1. PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR

#### PEJABAT TANAH DAN GALIAN JOHOR

##### - Pengurusan Kenderaan

1.1. Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Pengurusan (Pejabat SUK (Pengurusan)) merupakan pejabat yang bertanggungjawab untuk menguruskan kenderaan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO), Pegawai Kerajaan yang menjadi Ahli EXCO Kerajaan Negeri dan juga kenderaan gunasama. Sehingga bulan Disember 2013, Pejabat SUK (Pengurusan) menguruskan 81 unit pelbagai jenis kenderaan. Manakala, Pejabat Tanah Dan Galian Johor (PTG) pula bertanggungjawab untuk menguruskan kenderaan gunasama jabatan dan kenderaan bagi aktiviti penguatkuasaan. Bagi tempoh antara tahun 2011 hingga 2013, sejumlah RM3.82 juta telah dibelanjakan bagi tujuan penyenggaraan kenderaan di mana Pejabat SUK (Pengurusan) membelanjakan sejumlah RM2.78 juta manakala PTG pula membelanjakan sejumlah RM1.04 juta. Penyenggaraan terhadap kenderaan meliputi *minor service*, *major service* dan membaiki/menukar alat ganti mengikut kerosakan.

1.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2013 mendapati Pejabat SUK (Pengurusan) dan PTG telah menyediakan prosedur pengurusan kenderaan yang baik dan teratur. Bagaimanapun, Audit mendapati dari aspek pelaksanaan dan pemantauan berkaitan pengurusan kenderaan adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan berikut:

- Rekod pendaftaran bagi 72 kenderaan wujud di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) tetapi tiada dalam senarai rekod Pejabat SUK (Pengurusan) disebabkan kenderaan tersebut didaftarkan oleh pejabat lain menggunakan kod pengenalan yang sama dengan Pejabat SUK (Pengurusan).
- Kos senggaraan yang tinggi bagi tahun 2011 hingga 2013 iaitu antara 59% hingga 141% bagi PTG dan 39% hingga 95% bagi Pejabat SUK (Pengurusan).
- Pemantauan yang lemah di mana pembaikan kenderaan tidak mengikut prosedur.
- Pengurusan rekod tidak diselenggara dengan kemas kini di Pejabat SUK (Pengurusan) dan PTG.
- Perbelanjaan penyenggaraan kenderaan yang berulang pada jarak masa yang singkat.
- Pengisian bahan api 2 kali bagi kad inden minyak yang sama dalam tempoh masa yang singkat dengan jarak masa antara satu hingga 94 minit di Pejabat SUK (Pengurusan) dan 2 hingga 36 minit di PTG.

- Kenderaan yang mengalami kemalangan dan tidak ekonomik untuk dibaiki belum dilupuskan.

**1.3.** Bagi menambah baik pengurusan kenderaan Jabatan, disyorkan Pejabat SUK (Pengurusan) dan PTG melaksanakan perkara berikut:

**1.3.1.** Memastikan pemandu dan bengkel panel swasta mematuhi prosedur penyenggaraan yang telah ditetapkan.

**1.3.2.** Memantau perbelanjaan penyenggaraan bagi setiap kenderaan bagi mengelakkan perbelanjaan berulang dan memastikan setiap pembaikan yang akan dibuat diluluskan oleh pegawai yang bertanggungjawab.

**1.3.3.** Semakan secara terperinci perlu dilakukan ke atas penggunaan bahan api pada setiap bulan sebelum pembayaran dibuat.

## **2. JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

### **- Program Taman Kekal Pengeluaran Makanan**

**2.1.** Program Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dahulu dikenali sebagai Projek Padang Ragut merupakan salah satu program di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor (Jabatan) untuk meningkatkan pengeluaran makanan. Di bawah program TKPM ini, Jabatan berperanan menyediakan kawasan untuk penternakan, membuat pengukuran persempadanan kawasan, menyediakan jalan serta parit asas dan memberi bantuan peralatan seperti tiang batu, kawat duri serta mesin perincih rumput ternakan. Jabatan juga memberikan bantuan penanaman rumput, benih rumput, baja serta memberikan latihan mengenai cara pengurusan dan pemakanan ternakan. Manakala peserta yang dipilih pula perlu menyediakan haiwan ternakan yang akan diusahakan seperti lembu, kambing, kerbau, rusa dan ayam, sumber kewangan serta tenaga kerja bagi mengusahakan ternakan di kawasan TKPM. Sehingga tahun 2013, sebanyak 35 TKPM telah dibangunkan melibatkan kawasan ternakan seluas 3,272.04 hektar dan diusahakan oleh 163 peserta.

**2.2.** Pengauditan yang dilaksanakan pada bulan Mei hingga Oktober 2013 mendapati Jabatan telah memberi peluang kepada peserta program TKPM untuk mengembangkan aktiviti penternakan mereka dengan menyediakan kemudahan kawasan dan prasarana. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati dari aspek pelaksanaan dan pemantauan berkaitan program TKPM adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Tiada pelan perancangan jangka panjang bagi pembangunan program TKPM.

- Prestasi pencapaian jumlah ternakan peserta TKPM pada tahun 2011 serta sasaran pendapatan peserta RM3,000 sebulan tidak dapat dinilai kerana rekod berkaitan tidak diselenggarakan oleh Jabatan.
- Sebanyak 22 plot kawasan ternakan TKPM di Daerah Muar, Segamat dan Ledang tidak diusahakan dan terdapat kawasan ternakan tidak disenggarakan dengan sempurna.
- Sebanyak 4 kawasan ternakan di TKPM Balai Badang, Segamat dan satu kawasan ternakan di TKPM Teluk Rimba, Ledang telah diceroboh dan ditanam pokok kelapa sawit dan pokok getah serta digunakan untuk menternak lembu dan kerbau tanpa kelulusan.
- Seramai 35 peserta TKPM di Daerah Muar, Segamat dan Ledang telah melanggar syarat perjanjian kerana menanam pokok kelapa sawit melebihi 5 batang dan tanaman kontan di kawasan TKPM.
- Berlaku pertindihan keluasan kawasan ternakan di TKPM Tebing Tinggi, Segamat dan TKPM Kesang Tasek, Ledang selepas pengukuran semula dibuat oleh juruukur berlesen yang dilantik oleh Jabatan.

**2.3.** Bagi menambah baik pelaksanaan program TKPM, adalah disyorkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor mengambil tindakan seperti berikut:

**2.3.1.** Mengkaji semula pelaksanaan program TKPM dengan menyediakan pelan perancangan pembangunan jangka panjang bagi memastikan objektif asal program tercapai.

**2.3.2.** Memastikan pokok kelapa sawit asal ditebang terlebih dahulu sebelum kawasan TKPM diagihkan kepada peserta yang baru.

**2.3.3.** Memastikan surat perjanjian disediakan dengan lengkap dan mengkaji semula syarat perjanjian dengan memasukkan syarat berkaitan pencapaian ternakan, tempoh peserta perlu memulakan penternakan serta menjelaskan sewa.

### **3. MAJLIS BANDAR RAYA JOHOR BAHRU MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGGAM - Pengurusan Perolehan**

**3.1.** Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dan Majlis Daerah Simpang Renggam (MDSR) merupakan 2 daripada 15 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Johor yang diwujudkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Bagi tahun 2011 hingga 2013, MBJB telah melaksanakan sebanyak 6962 transaksi perolehan yang terdiri daripada pembelian terus, sebut harga dan tender melibatkan kos berjumlah RM275.52 juta. Manakala MDSR pula, bagi tahun 2011 hingga 2013 telah membelanjakan sejumlah RM40.93 juta bagi pembelian terus, sebut harga dan tender yang melibatkan 525 transaksi.

**3.2.** Pengauditan yang dilaksanakan antara bulan November 2013 hingga Februari 2014 mendapati tatacara perolehan secara sebut harga serta tender yang dilaksanakan di MBJB dan MDSR adalah memuaskan di mana perolehan telah dibuat mengikut kehendak Arahan Perbendaharaan, Akta Kerajaan Tempatan 1976, Pekeliling serta Surat Pekeliling berkaitan. Bagaimanapun, berlaku beberapa kelemahan di MBJB dan MDSR berkaitan pelaksanaan perolehan bangunan; gerai; serta pasar tidak digunakan sepenuhnya dan disenggara dengan sempurna. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- Kerja disiapkan melebihi tempoh yang ditetapkan.
- Kerja dilaksanakan tidak mengikut spesifikasi.
- Kualiti kerja pembinaan kurang memuaskan.
- Perolehan ditempatkan di lokasi yang kurang sesuai.
- Pembangunan Taman Ekologi terbiar dan tidak digunakan serta gerai dan pasar tiada penyewa.

**3.3.** Bagi menambah baik pelaksanaan perolehan dan memastikan pengurusan perolehan dapat dilaksanakan dengan teratur dan berhemat serta Majlis mendapat *value for money* bagi perbelanjaan wang awam yang dibelanjakan, MBJB dan MDSR disyorkan mempertimbangkan perkara berikut:

**3.3.1.** Membuat pemantauan secara berterusan semasa pelaksanaan projek sedang berjalan bagi memastikan pihak kontraktor melaksanakan kerja mengikut spesifikasi kontrak.

**3.3.2.** Memastikan pelarasian harga dibuat terhadap kesilapan/ketidakpatuhan kerja yang tidak dilaksanakan sebelum pembayaran dijelaskan.

**3.3.3.** Memastikan kemudahan dan bangunan yang dibina tidak terbiar sebaliknya boleh dimanfaatkan oleh orang awam.

#### **4. MAJLIS PERBANDARAN KLUANG**

##### **MAJLIS DAERAH PONTIAN**

###### **- Pengurusan Pungutan Cukai Taksiran**

**4.1.** Majlis Perbandaran Kluang (MPK) dan Majlis Daerah Pontian (MDP) merupakan 2 daripada 15 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Johor yang diwujudkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Hasil utama setiap PBT terdiri daripada terimaan cukai taksiran, pelesenan dan sewaan. Bagaimanapun, cukai taksiran merupakan terimaan hasil yang tertinggi di setiap PBT. Cukai taksiran yang juga dikenali dengan cukai harta atau cukai pintu ialah cukai yang dikenakan terhadap semua hartanah di dalam kawasan PBT. Semua pemilik hartanah seperti rumah kediaman, kedai, harta perniagaan, perusahaan, hotel, kilang, tanah kosong dan semua premis yang didirikan di dalam kawasan pentadbiran

PBT perlu membayar cukai taksiran. Kadar cukai taksiran yang dikenakan adalah berbeza mengikut jenis harta pegangan dan lokasi harta pegangan. Semua PBT di Negeri Johor menggunakan kaedah asas kadar nilai tambah bagi pengiraan kenaan cukai taksiran. Sehingga tahun 2013 bilangan pegangan yang telah dikenakan cukai taksiran adalah sebanyak 64,614 bagi MPK dan 27,962 bagi MDP. Bagi tahun 2011 hingga 2013, cukai taksiran semasa yang telah dipungut adalah berjumlah RM48.75 juta bagi MPK manakala jumlah tunggakan cukai taksiran sehingga Disember 2013 berjumlah RM11.46 juta. Pungutan cukai taksiran semasa MDP bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah berjumlah RM32.25 juta manakala jumlah tunggakan cukai taksiran sehingga Disember 2013 berjumlah RM4.82 juta.

**4.2.** Pengauditan yang dilaksanakan pada bulan Mei hingga September 2013 mendapati pelaksanaan pengurusan pungutan cukai taksiran di MPK dan MDP adalah memuaskan dari segi pencapaian pungutan cukai taksiran semasa, kaedah pembayaran cukai yang disediakan dan kelulusan senarai nilai. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan yang ditemui seperti berikut:

- Jumlah tunggakan cukai taksiran semakin meningkat.
- Rekod dan sistem pungutan cukai taksiran tidak lengkap dan tidak tepat.
- Senarai kadar cukai taksiran berbeza dan peluasan kawasan baru lewat dikenakan cukai.

**4.3.** Bagi memastikan matlamat perkhidmatan yang akan diberi tidak terjejas dan mempertingkatkan hasil pungutan cukai taksiran yang menjadi sumber utama, MPK dan MDP perlu mempergiatkan usaha memungut hasil cukai taksiran dan mengurangkan tunggakannya serta meningkatkan pengurusan rekod berkomputer sistem cukai taksiran. Untuk tujuan itu, syor berikut boleh dipertimbangkan oleh MPK dan MDP:

**4.3.1.** Menyelaras peranan setiap bahagian melalui Jawatankuasa Khas Tunggakan Cukai Taksiran dan mengambil tindakan tegas seperti penyitaan terhadap pemilik harta pegangan yang gagal menyelesaikan tunggakan cukai taksiran.

**4.3.2.** Mengemaskini maklumat pemilik pegangan dalam sistem komputer terutama alamat penuh pemilik harta pegangan, kadar cukai taksiran, jenis pegangan dan status pemilikan sebenar harta.

## **5. PERBADANAN JOHOR**

- Johor Foods Sdn. Bhd.

**5.1.** Johor Foods Sdn. Bhd. (JFSB) atau pada awal penubuhannya dikenali sebagai Palong Cocoa Sdn. Bhd. telah ditubuhkan pada 31 Mac 1980 di bawah Seksyen 16(4) Akta Syarikat 1965 dan merupakan anak syarikat 100% milik Perbadanan Johor. Aktiviti utama syarikat JFSB adalah dalam bidang perniagaan pemilikan pelaburan, perladangan dan pengilangan kelapa sawit. Sehingga 31 Disember 2012, modal saham dibenarkan dan modal saham berbayar JFSB masing-masing berjumlah RM26 juta.

**5.2.** Pengauditan yang dijalankan antara Julai hingga Oktober 2013 mendapati prestasi kewangan JFSB adalah memuaskan di mana JFSB mencatat keuntungan sebelum cukai bagi tahun 2010 hingga 2012. Keuntungan terkumpul JFSB pada akhir tahun 2012 adalah berjumlah RM205.51 juta. Pengurusan aktiviti utama iaitu perladangan dan kilang kelapa sawit adalah memuaskan manakala aktiviti pengurusan pemilikan pelaburan didapati kurang memuaskan. Selain itu, tadbir urus korporat bagi tahun 2010 hingga 2012 juga adalah memuaskan. Sungguhpun begitu, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat iaitu seperti berikut:

- Pulangan yang rendah bagi perniagaan pemilikan pelaburan yang disebabkan oleh prestasi kewangan syarikat-syarikat yang dilabur tidak memuaskan. Rosot nilai pelaburan serta hutang syarikat yang ketara telah diperuntukkan.
- Tiada rancangan jangka pendek dan panjang untuk memajukan tanah di Metro Larkin 1 dan Bukit Resam yang diambil alih pada tahun 2004. Perolehan harta tanah tanpa perancangan pembangunan adalah kurang memuaskan.
- Tidak menyediakan perancangan strategik bagi menentukan hala tuju syarikat untuk menjana keuntungan seterusnya setelah penjualan ladang dan kilang kelapa sawit.
- Bayaran dividen tidak diisyiharkan walaupun JFSB telah mencatat keuntungan selepas cukai bagi 3 tahun berturut-turut.

**5.3.** Bagi memastikan objektif penubuhan JFSB dicapai dan Perbadanan Johor sebagai pemegang ekuiti mendapat *value for money*, beberapa aspek pengurusan syarikat perlu dipertingkatkan dengan memberi pertimbangan kepada syor-syor berikut:

**5.3.1.** Mengadakan Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah mengikut ketetapan bagi memantau perjalanan JFSB.

**5.3.2.** Menceburi bidang perniagaan alternatif supaya JFSB mempunyai landasan untuk terus menjana keuntungan memandangkan ladang serta kilang kelapa sawit telah dijual.



---

## **AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**



# PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR

## PEJABAT TANAH DAN GALIAN JOHOR

### 1. PENGURUSAN KENDERAAN

#### 1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Kenderaan merupakan aset penting yang wajar diberi keutamaan bagi melancarkan perjalanan aktiviti Jabatan. Kenderaan Jabatan bermaksud kenderaan yang berada di bawah kawalan Kerajaan sama ada ianya dibeli/disewa dengan menggunakan wang Kerajaan, diterima melalui sumbangan atau hadiah untuk kegunaan sebagai kenderaan rasmi dan kenderaan Jabatan.

1.1.2. Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Pengurusan (Pejabat SUK (Pengurusan) ) merupakan pejabat yang bertanggungjawab untuk menguruskan kenderaan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO), Pegawai Kerajaan yang menjadi Ahli EXCO Kerajaan Negeri dan juga kenderaan gunasama. Sehingga bulan Disember 2013, Pejabat SUK (Pengurusan) menguruskan 81 unit pelbagai jenis kenderaan. Manakala, Pejabat Tanah Dan Galian Johor (PTG) pula bertanggungjawab untuk menguruskan kenderaan gunasama jabatan dan kenderaan bagi aktiviti penguatkuasaan. Sehingga bulan Disember 2013, PTG mempunyai 23 unit pelbagai jenis kenderaan. Maklumat kenderaan bagi Pejabat SUK (Pengurusan) dan PTG adalah seperti di **Jadual 1.1**.

**Jadual 1.1**  
**Maklumat Kenderaan Bagi Pejabat SUK (Pengurusan) Dan PTG**  
**Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

Bil.	Jenis Kenderaan	Bilangan Kenderaan (Unit)	
		Pejabat SUK (Pengurusan)	PTG
1.	Kereta (Proton Perdana, Proton Waja, Mercedes Benz)	38	2
2.	Jip (Nissan X-Trail, Mitsubishi Pajero, Toyota Fortuner, Honda CRV, Isuzu Trooper, Perodua Kembara)	25	16
3.	MPV (Naza Ria)	1	-
4.	Van	1	-
5.	Pick-up (Toyota Hilux)	1	4
6.	Motorsikal	13	1
7.	Lori	1	-
8.	Bas	1	-
<b>Jumlah</b>		<b>81</b>	<b>23</b>

Sumber: Pejabat SUK (Pengurusan) Dan PTG

1.1.3. Bagi tempoh antara tahun 2011 hingga 2013, sejumlah RM3.82 juta telah dibelanjakan bagi tujuan penyenggaraan kenderaan di mana Pejabat SUK (Pengurusan) membelanjakan sejumlah RM2.78 juta manakala PTG pula membelanjakan sejumlah

RM1.04 juta seperti di **Jadual 1.2**. Penyenggaraan terhadap kenderaan meliputi *minor service*, *major service* dan membaiki/menukar alat ganti mengikut kerosakan.

**Jadual 1.2**  
**Perbelanjaan Penyenggaraan Kenderaan Tahunan**  
**Di Pejabat SUK (Pengurusan) Dan PTG**  
**Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

Tahun	Perbelanjaan Penyelenggaraan (RM Juta)	
	Pejabat SUK (Pengurusan)	PTG
2011	0.97	0.37
2012	0.82	0.41
2013	0.99	0.26
<b>Jumlah</b>	<b>2.78</b>	<b>1.04</b>

Sumber: Pejabat SUK (Pengurusan) Dan PTG

## 1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dilaksanakan adalah untuk menilai sama ada pengurusan kenderaan dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berhemat serta dipantau dengan berkesan selaras dengan kehendak undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

## 1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan merangkumi pengurusan kenderaan dari tahun 2011 hingga 2013 bagi Pejabat SUK (Pengurusan) dan PTG. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis data yang berkaitan dengan aktiviti pengurusan kenderaan. Selain itu, pemeriksaan fizikal terhadap kenderaan dan lawatan ke lokasi penyimpanan kenderaan serta temu bual dengan pegawai yang berkaitan turut diadakan.

## 1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2013 mendapati Pejabat SUK (Pengurusan) dan PTG telah menyediakan prosedur pengurusan kenderaan yang lengkap dan teratur. Bagaimanapun, beberapa aspek pelaksanaan dan pemantauan berkaitan pengurusan kenderaan adalah kurang memuaskan kerana terdapat kelemahan seperti berikut:

- Rekod pendaftaran bagi 72 kenderaan wujud di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) tetapi tiada dalam senarai rekod Pejabat SUK (Pengurusan) disebabkan kenderaan tersebut didaftarkan oleh pejabat lain menggunakan kod pengenalan yang sama dengan Pejabat SUK (Pengurusan).
- Kos senggaraan yang tinggi bagi tahun 2011 hingga 2013 iaitu antara 59% hingga 141% bagi PTG dan 39% hingga 95% bagi Pejabat SUK (Pengurusan).
- Pemantauan yang lemah di mana pembaikan kenderaan tidak mengikut prosedur.

- Pengurusan rekod tidak diselenggara dengan kemas kini di Pejabat SUK (Pengurusan) dan PTG.
- Perbelanjaan penyenggaraan kenderaan yang berulang pada jarak masa yang singkat.
- Pengisian bahan api 2 kali bagi kad inden minyak yang sama dalam tempoh masa yang singkat dengan jarak masa antara satu hingga 94 minit di Pejabat SUK (Pengurusan) dan 2 hingga 36 minit di PTG.
- Kenderaan yang mengalami kemalangan dan tidak ekonomik untuk dibaiki belum dilupuskan.

#### **1.4.1. Perolehan Dan Pendaftaran Kenderaan**

Seksyen 10(5) Akta 333, Akta Pengangkutan Jalan 1987 menetapkan setiap kenderaan baru hendaklah didaftarkan atas nama Ketua Jabatan untuk mengesahkan pemilikannya yang sebenar. Ia bertujuan untuk memudahkan pegawai yang bertanggungjawab mengambil tindakan yang sewajarnya sekiranya berlaku kemalangan atau kehilangan. Jabatan hendaklah mengemas kini rekod maklumat di pejabat sebagaimana pendaftaran di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bagi tujuan kawalan kenderaan di bawah seliaannya. Perenggan 12.4.6 Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1980 mengenai Peraturan Penggunaan, Pengurusan Dan Penyenggaraan Kenderaan Kerajaan menyatakan sekiranya berlaku pelupusan terhadap sesuatu kenderaan, pihak JPJ perlulah dimaklumkan supaya pendaftaran kenderaan Jabatan itu boleh dibatalkan.

##### **1.4.1.1. Pejabat SUK (Pengurusan)**

###### **a. Rekod Kenderaan Di JPJ Tiada Dalam Senarai Rekod Pejabat**

Semakan Audit terhadap rekod pendaftaran kenderaan Pejabat SUK (Pengurusan) di JPJ mendapati sebanyak 154 kenderaan telah didaftarkan atas 3 kod pengenalan iaitu 410000 (Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor), 404014 (Setiausaha Kerajaan Johor) dan 414101 (Setiausaha Kerajaan Negeri Johor). Bagaimanapun, semakan Audit terhadap rekod Pejabat SUK (Pengurusan) mendapati hanya 81 kenderaan yang telah didaftarkan manakala sebanyak 72 kenderaan yang direkodkan di JPJ tiada dalam rekod Pejabat SUK (Pengurusan) seperti **Jadual 1.3**.

**Jadual 1.3****Rekod Kenderaan Di JPJ Tiada Dalam Senarai Rekod Pejabat SUK (Pengurusan)**

Bil.	No. Pendaftaran								
1.	JAK 19	16.	JMB 262	31.	JBW 8452	46.	JHR 1	61.	JNA 9000
2.	JBK 3043	17.	JMS 707	32.	JBY 4141	47.	JHR 9090	62.	JNE 7659
3.	JBN 4000	18.	JMT 4645	33.	JCB 2299	48.	JHV 4223	63.	JNP 4466
4.	JPB 4747	19.	JMT 4647	34.	JCE 6234	49.	JHX 9000	64.	JNS 1
5.	JCJ 6855	20.	JNF 2662	35.	JCH 4422	50.	JJB 1010	65.	JNU 1705
6.	JCN 2002	21.	JNL 70	36.	JCM 131	51.	JJC 7678	66.	JNW 2882
7.	JDJ 4983	22.	JNM 6597	37.	JEU 775	52.	JKB 15	67.	JNX 62
8.	JDW 5802	23.	JNM 6634	38.	JFM 7070	53.	JKH 6060	68.	JPK 2626
9.	JGJ 7070	24.	JNU 262	39.	JFW 75	54.	JKR 797	69.	JPK 6060
10.	JHW 2767	25.	JNW 262	40.	JFY 2276	55.	JLH 9000	70.	WGF 645
11.	JHH 7070	26.	JPH 272	41.	JFY 60	56.	JJL 6660	71.	WHP 2535
12.	JJR 707	27.	JPH 2772	42.	JGU 7678	57.	JMG 262	72.	WHP 2541
13.	JKS 262	28.	JAE 6161	43.	JHB 57	58.	JMK 5151		
14.	JLC 90	29.	JAK 5760	44.	JHP 9814	59.	JMM 765		
15.	JLX 7272	30.	JBW 9090	45.	JHQ 1100	60.	JMQ 810		

Sumber: JPJ

- b. Antara sebab rekod kenderaan tiada dalam senarai kenderaan Pejabat SUK (Pengurusan) adalah seperti berikut.

**i. Kenderaan Pejabat Lain Didaftarkan Atas Kod Pengenalan Yang Sama Dengan Pejabat SUK (Pengurusan)**

- Semakan Audit mendapati pembelian kenderaan oleh pejabat lain yang menggunakan peruntukan kewangan pejabat masing-masing telah didaftarkan atas kod pengenalan yang sama dengan Pejabat SUK (Pengurusan). Antara pejabat yang terlibat adalah Pejabat Menteri Besar, Pejabat Setiausaha Kerajaan Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Bahagian Perumahan, Unit Sains, Teknologi Dan ICT Negeri Johor, Majlis Sukan Negeri Johor, Pejabat Jurutulis, Perbadanan Taman Negara, Yayasan Warisan Johor dan Jabatan Belia Dan Sukan.

**ii. Kenderaan Yang Telah Dilupuskan Tidak Ditukar Nama Hakmilik**

- Semakan Audit seterusnya turut mendapati Pejabat SUK (Pengurusan) telah melupuskan 3 buah kenderaan dengan nombor pendaftaran JHX 9000, JNE 7659 dan JGA 5656 secara hadiah kepada Yayasan Pelajaran Johor (YPJ). Bagaimanapun, rekod pendaftaran atas nama Jabatan di JPJ bagi kenderaan tersebut masih belum dibatalkan. Maklumat mengenai kenderaan yang telah dilupuskan tetapi tidak ditukar nama hakmilik adalah seperti di **Jadual 1.4.**

**Jadual 1.4**

**Kenderaan Pejabat SUK (Pengurusan) Yang Telah Dilupuskan  
Tetapi Tidak Ditukar Nama Hakmilik**

No. Pendaftaran	Jenis	Kaedah Pelupusan	Tarikh Pelupusan
JHX 9000	Isuzu Trooper	Hadiah Kepada Yayasan Pelajaran Johor (YPJ)	20 Februari 2013
JNE 7659	Bas Mercedes Benz		
JGA 5656	Mitsubishi Pajero		

Sumber: Pejabat SUK (Pengurusan)

- c. **Maklum balas Pejabat SUK (Pengurusan) pada 20 Januari 2014, surat kepada JPJ telah dihantar untuk proses penukaran penggunaan nama Setiausaha Kerajaan Johor pada Perakuan Pendaftaran Kenderaan (Geran) dengan mewujudkan kod pengenalan lain atas nama pejabat/jabatan yang berkenaan. Bagi kenderaan yang telah dilupuskan tetapi tidak dibatalkan pendaftaran, Jabatan akan memaklumkan kepada YPJ supaya mengambil tindakan menukar hak milik pendaftaran kenderaan tersebut.**

#### 1.4.2. Prestasi Perbelanjaan Penyenggaraan Kenderaan

Penyenggaraan kenderaan bertujuan untuk memastikan kenderaan dapat berfungsi dengan lancar, selamat digunakan, memelihara dan memanjangkan jangka hayat, meningkatkan keupayaan, mengurangkan kerosakan serta menjimatkan perbelanjaan Kerajaan. Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1995 dan Bab D Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 mengenai Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan, menetapkan penyenggaraan terbahagi kepada 2 jenis iaitu Penyenggaraan Pencegahan dan Penyenggaraan Pemulihan. Penyenggaraan Pencegahan adalah tindakan penyenggaraan berjadual yang diambil untuk memeriksa, membaiki atau mengganti komponen atau sumber fizikal secara teratur supaya kenderaan dapat berfungsi dengan lancar secara berterusan. Manakala, Penyenggaraan Pemulihan ialah tindakan membaiki atau mengganti komponen atau sumber fizikal supaya kenderaan dapat berfungsi mengikut standard yang ditetapkan.

##### 1.4.2.1. Kos Penyenggaraan Yang Tinggi

###### a. Pejabat Tanah Dan Galian

- Semakan Audit ke atas perbelanjaan penyenggaraan kenderaan bagi PTG antara tahun 2011 hingga Oktober 2013 mendapati kos penyenggaraan berbanding kos perolehan bagi 12 daripada 23 buah kenderaan adalah di antara 59% hingga 141%.
- Analisis Audit mendapati perbelanjaan terbesar melibatkan penyenggaraan bagi 9 buah kenderaan jenis Mitsubishi Pajero yang berusia antara 9 hingga 21 tahun dengan bacaan odometer antara 387,109 km hingga 726,847 km. Kos senggaraan berbanding perolehan kenderaan bagi tahun 2011 hingga Oktober 2013 adalah seperti di **Jadual 1.5**.

**Jadual 1.5**  
**Kos Senggaraan Berbanding Perolehan Kenderaan PTG Bagi Tahun 2011 Hingga Oktober 2013**

Bil.	No. Pendaftaran (Jenis Kenderaan)	Jumlah Kos Senggaraan (RM)	Kos Perolehan (RM)	Peratus Kos Senggara Berbanding Kos Perolehan (%)	Usia Kenderaan (Tahun)	Bacaan Odometer Terkini (km)
1.	JED 6280 (Mitsubishi Pajero)	58,476	41,570	141	17	566,958
2.	JED 6277 (Mitsubishi Pajero)	53,869	41,563	130	17	443,257
3.	JHF 7474 (Mitsubishi Pajero)	102,417	89,743	114	10	479,737
4.	JED 6283 (Mitsubishi Pajero)	46,867	41,563	113	17	529,835
5.	JGT 74 (Mitsubishi Pajero)	86,769	83,953	103	11	518,165
6.	JLF 14 (Nissan X-trail)	93,986	94,236	100	5	246,100
7.	JEU 2511 (Mitsubishi Pajero)	40,189	41,563	97	16	454,897
8.	JHR 7474 (Mitsubishi Pajero)	77,676	89,743	87	9	387,109
9.	JJX 74 (Perodua Kembara)	48,082	55,000	87	7	157,194
10.	JCS 7117 (Mitsubishi Pajero)	34,157	41,563	82	21	726,847
11.	JDB 2020 (Mitsubishi Pajero)	28,669	41,563	69	21	616,107
12.	JJM 100 (Proton Perdana)	44,217	75,324	59	7	224,768

Sumber: PTG

- iii. Berdasarkan analisis Audit, sebanyak 51% daripada perbelanjaan penyenggaraan adalah merupakan pembaikan pemulihan, 26% pembaikan pencegahan iaitu penukaran minyak hitam dan 23% merupakan perbelanjaan untuk lain-lain pembaikan akibat kemalangan seperti mengecat kenderaan dan pembelian aksesori.
- iv. **Maklum balas PTG bertarikh 20 Januari 2014, Jabatan sedang menguruskan proses pelupusan bagi kenderaan dengan nombor pendaftaran JED 6280, JED 6277 serta JED 6283 dan perakuan pelupusan daripada JKR bagi kenderaan tersebut telah diperoleh. Manakala, kenderaan dengan nombor pendaftaran JDB 2020, JCS 7117 serta JEU 2511 telah pun dilupuskan dan dalam proses penukaran nama hak milik. Pemilihan kenderaan yang dilupuskan adalah berdasarkan usia kenderaan dan jarak perjalanan dengan mengambil kira kos penyenggaraan yang tinggi.**

**b. Pejabat SUK (Pengurusan)**

- i. Semakan Audit terhadap daftar perbelanjaan penyenggaraan kenderaan bagi Pejabat SUK (Pengurusan) antara tahun 2011 hingga bulan Jun 2013 mendapat

kos penyenggaraan berbanding kos perolehan bagi 12 daripada 81 buah kenderaan adalah di antara 39% hingga 95%. Kos senggaraan berbanding perolehan kenderaan bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 1.6**.

**Jadual 1.6**

**Kos Senggaraan Berbanding Perolehan Kenderaan Pejabat SUK (Pengurusan)  
Bagi Tahun 2011 Hingga Jun 2013**

Bil.	No. Pendaftaran (Jenis Kenderaan)	Jumlah Kos Senggaraan (RM)	Kos Perolehan (RM)	Peratus Kos Senggara Berbanding Kos Perolehan (%)	Usia Kenderaan (Tahun)	Bacaan Odometer Terkini (km)
1.	JDT 11 (Perdana 2.0 V6 Exec.)	111,179	117,026	95	9	681,324
2.	JDT 12 (Perdana 2.0 V6 Exec.)	94,068	117,026	80	9	639,608
3.	JFW 49 (Perdana 2.0 V6 Exec.)	95,537	117,298	81	13	462,361
4.	JKA 9000 (Perdana 2.0 V6)	53,569	74,873	72	8	283,224
5.	JHF 1000 (Perdana 2.0 V6)	54,113	74,873	72	10	336,239
6.	JDT 8 (Perdana 2.0 V6 Exec.)	69,695	117,026	60	9	584,465
7.	JDT 9 (Perdana 2.0 V6 Exec.)	73,557	117,026	63	9	501,071
8.	JJR 1000 (Perdana 2.0 V6)	42,196	75,324	56	7	280,588
9.	JHM 7700 (Perdana 2.0 V6 Exec.)	60,031	117,298	51	13	448,711
10.	JHV 1000 (Perdana 2.0 V6)	34,749	68,046	51	9	379,280
11.	JCS 1 (Perdana 2.0 V6 Exec.)	57,786	124,610	46	7	256,574
12.	JDT 2 (Perdana 2.0 V6 Exec.)	57,847	117,477	49	9	463,611
13.	JDT 5 (Perdana 2.0 V6 Exec.)	46,312	117,477	39	9	474,675

Sumber: Pejabat SUK (Pengurusan)

- ii. Analisis Audit mendapati kos penyenggaraan yang tinggi melibatkan 13 buah kenderaan jenis Proton Perdana 2.0 V6/Perdana 2.0 V6 Executive. Sehingga tarikh pengauditan, usia kenderaan berkiraan adalah di antara 7 hingga 13 tahun. Manakala bacaan odometer setakat September 2013 adalah antara 256,574 km hingga 681,324 km.
- iii. Analisis Audit selanjutnya ke atas sampel baucar bayaran penyenggaraan kenderaan mendapati, sejumlah RM122,804 atau 15% daripada perbelanjaan melibatkan penyenggaraan pencegahan. Manakala sejumlah RM570,797 atau 70% telah dibelanjakan untuk penyenggaraan pemulihan. Selain itu, pihak Audit mendapati Pejabat SUK (Pengurusan) turut membelanjakan sejumlah RM118,686 bagi tujuan penukaran *sport rim*, *leather seat*, mengecat kereta, menukar *bumper*, pembelian CD/DVD Player dan lain-lain perbelanjaan aksesori.

- iv. Maklum balas Pejabat SUK (Pengurusan) pada 20 Januari 2014, Jabatan akan membuat tindakan pelupusan bagi kenderaan yang berusia 8 tahun ke atas. Bagaimanapun, proses pelupusan ini akan dilaksanakan selepas menerima kenderaan baru jenis Honda Accord yang telah ditempah bagi kegunaan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan penyenggaraan kenderaan bagi PTG dan Pejabat SUK (Pengurusan) adalah kurang memuaskan kerana kos penyenggaraan yang tinggi dan Jabatan membelanjakan sebahagian besar peruntukan bagi penyenggaraan pemulihan. Ini menunjukkan kenderaan berada dalam keadaan kurang memuaskan. Selain itu kos penyenggaraan yang tinggi iaitu rata-ratanya melebihi 50% hingga 141% bagi tempoh 3 tahun berbanding kos asal perolehan menunjukkan perbelanjaan yang sudah tidak ekonomi bagi kenderaan tersebut.

#### **1.4.3. Pemantauan Yang Lemah**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menyatakan penyenggaraan aset Kerajaan antaranya adalah bertujuan untuk menjimatkan perbelanjaan Kerajaan dan mengurangkan kerosakan. Justeru itu, Jabatan hendaklah memantau rekod dan perbelanjaan berkaitan kenderaan dengan memastikan rekod dikemas kini dan perbelanjaan yang dibuat adalah berhemah. Audit mendapati aspek pemantauan bagi Pejabat SUK (Pengurusan) adalah kurang memuaskan kerana perkara seperti berikut.

##### **1.4.3.1. Prosedur Penyenggaraan Tidak Dipatuhi**

###### **a. Pembaikan Kenderaan Tidak Mengikut Prosedur**

- i. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 menetapkan mengenai keperluan menyediakan Manual Prosedur Kerja bagi membolehkan sesuatu kerja itu dilaksanakan dengan tepat, cekap, teratur dan sempurna untuk dijadikan panduan serta rujukan oleh pegawai bertanggungjawab.
- ii. Proses penyenggaraan kenderaan bermula dengan pengisian Borang Permohonan Servis/Pembaikan Kenderaan apabila kenderaan mencapai tempoh penyenggaraan/mengalami kerosakan. Analisis Audit mendapati antara tahun 2011 hingga Jun 2013 sebanyak 390 kerja penyenggaraan kenderaan telah dilaksanakan oleh Pejabat SUK (Pengurusan) bagi 13 buah kenderaan. Bagaimanapun hanya 13 kerja yang dibuat mengikut prosedur iaitu mengisi Borang Permohonan Servis/Pembaikan Kenderaan. Pihak Audit difahamkan perkara ini berlaku kerana terdapat kerja penyenggaraan kenderaan yang terus dibawa ke bengkel panel swasta tanpa mengisi borang permohonan pembaikan kenderaan dan pegawai kenderaan kemudianya dimaklumkan melalui panggilan telefon. Selain itu, tiada bukti menunjukkan laporan kerja siap


disediakan oleh pegawai bertanggungjawab setiap kali kerja penyenggaraan dilaksanakan.

- iii. **Maklum balas Pejabat SUK (Pengurusan) bertarikh 11 Februari 2014, satu perjumpaan dengan pemandu kenderaan jabatan telah diadakan untuk memberi taklimat berkaitan prosedur penyenggaraan kenderaan. Selain itu, pemantauan akan dibuat dari semasa ke semasa untuk memastikan prosedur penyenggaraan dipatuhi.**

b. Rekod Odometer Tidak Dicatatkan


- i. Merujuk kepada syarat yang ditetapkan dalam surat perjanjian pelantikan bengkel panel swasta, pihak bengkel hendaklah menyatakan bacaan odometer kenderaan setiap kali kerja-kerja penyenggaraan/pembaikan dilaksanakan.
- ii. Semakan Audit ke atas invois penyenggaraan kenderaan Pejabat SUK (Pengurusan) menunjukkan terdapat bengkel panel swasta yang telah dilantik tidak mematuhi syarat yang telah ditetapkan kerana tidak merekodkan bacaan odometer pada invois/sebut harga yang telah dikeluarkan. Tiada apa-apa tindakan diambil oleh pegawai yang bertanggungjawab bagi memastikan prosedur ini dipatuhi. Kesannya, pegawai kenderaan yang bertanggungjawab memantau penyenggaraan sukar untuk menjalankan pemantauan penyenggaraan/pembaikan yang telah dibuat. Analisis Audit mengenai tahap pematuhan bengkel panel swasta terhadap syarat Jabatan untuk merekodkan odometer kenderaan adalah seperti di **Carta 1.1**.

**Carta 1.1**  
**Maklumat Odometer Dinyatakan Oleh Bengkel Swasta Ketika Penyelenggaraan Dilaksanakan**



Sumber: Pejabat SUK (Pengurusan)

- iii. Maklum balas Pejabat SUK (Pengurusan) bertarikh 11 Februari 2014, Jabatan telah mengeluarkan surat kepada bengkel panel swasta pada 31 Oktober 2011 untuk melengkapkan tarikh dan bacaan odometer kenderaan di invois penyenggaraan kenderaan. Selain itu, satu perjumpaan dengan bengkel panel swasta akan diadakan pada tahun ini untuk menyelaras tahap kualiti dan perkhidmatan yang disediakan.
- iv. Manakala bagi PTG pula, pihak Audit mendapati antara 53% hingga 98% kerja penyenggaraan kenderaan telah dicatatkan maklumat odometer oleh bengkel panel swasta yang dilantik. Perkara ini memudahkan pegawai yang bertanggungjawab untuk memantau dan merancang kerja penyenggaraan kenderaan. **Carta 1.2** adalah berkaitan.



Sumber: PTG

Pada pendapat Audit, pematuhan terhadap prosedur penyenggaraan di Pejabat SUK (Pengurusan) adalah kurang memuaskan kerana ketidakpatuhan pemandu dan bengkel panel swasta terhadap prosedur penyenggaraan kenderaan menyebabkan pemantauan tidak dapat dilaksanakan dengan baik.

#### 1.4.3.2. Pengurusan Rekod Yang Tidak Lengkap/Tidak Dikemas Kini

##### a. Fail Sejarah Tidak Lengkap

- i. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 menetapkan setiap kenderaan baru perlu dibuka fail sejarah untuk menyimpan segala butiran penting berkaitan kenderaan tersebut. Fail sejarah perlu mengandungi data yang lengkap dan kemas kini untuk memudahkan urusan penyenggaraan, pelupusan dan penggantian kenderaan. Semakan Audit mendapati:

- Fail sejarah bagi setiap kenderaan di PTG ada disediakan. Fail tersebut mengandungi data pembelian kenderaan, maklumat penyenggaraan kenderaan dan lain-lain maklumat yang berkaitan.
  - Fail sejarah ada dibuka bagi setiap kenderaan di Pejabat SUK (Pengurusan), bagaimanapun fail tersebut hanya dilengkapi maklumat terkini perbelanjaan penyenggaraan kenderaan. Manakala maklumat awal berkaitan pembelian dan pendaftaran kenderaan seperti geran kenderaan tidak dimasukkan ke dalam fail untuk tujuan rujukan.
- ii. **Maklum balas Pejabat SUK (Pengurusan) bertarikh 11 Februari 2014, Unit Bangunan dan Aset Pejabat SUK (Pengurusan) ditubuhkan pada tahun 2008, justeru itu kenderaan yang didaftarkan sebelum tahun tersebut tidak mempunyai maklumat yang lengkap. Bagaimanapun, Jabatan akan mengemas kini fail sejarah bagi setiap kenderaan dengan melengkapkan dokumen yang berkaitan dari semasa ke semasa.**

b. **Buku Log Kenderaan Tidak Dikemas Kini**

- i. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 menetapkan Buku Log perlu diselenggara dengan lengkap, teratur dan kemas kini. Adalah menjadi tanggungjawab Pegawai Kenderaan atau Pegawai Yang Menjaga Kenderaan untuk memastikan Buku Log disediakan bagi semua kenderaan di bawah jagaannya. Buku Log ini hendaklah merekodkan butiran dan maksud perjalanan, penggunaan bahan api atau bahan pelincir dan butir-butir mengenai kenderaan serta jumlah jarak perjalanan yang kemas kini. Semakan Audit mendapati Buku Log Kenderaan Pejabat SUK (Pengurusan) tidak diselenggarakan dengan lengkap antara tahun 2010 hingga 2012, di mana ruangan ‘Nama dan Tandatangan Pegawai Yang Memberi Kuasa’ dan ‘Nama dan Tandatangan Pegawai Yang Mengguna’ tidak ditandatangani. Selain itu, Cerakinan Penggunaan Bahan Api bulanan juga tidak disediakan. Pejabat SUK (Pengurusan) hanya mulai mengemas kini Buku Log Kenderaan mulai bulan April 2013 iaitu selepas teguran Audit melalui pengauditan Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan Tahun 2012.

**Pada pendapat Audit, pengurusan pemantauan rekod dan penyelenggaraan rekod fail sejarah dan buku log kenderaan di Pejabat SUK (Pengurusan) adalah kurang memuaskan. Penyelenggaraan rekod yang lengkap dan kemas kini membolehkan Jabatan mendapatkan maklumat segera berkaitan penyenggaraan, pelupusan dan penggantian kenderaan.**

### 1.4.3.3. Perbelanjaan Penyenggaraan Berulang

#### a. Kekerapan Penggantian Tayar

i. Analisis Audit terhadap baucar bayaran Pejabat SUK (Pengurusan) mendapati kekerapan penggantian tayar bagi 6 buah kenderaan antara tahun 2011 hingga 2013 adalah antara satu hingga 12 bulan berjumlah RM49,440. Temu bual Audit dengan pemilik sebuah bengkel panel swasta dimaklumkan penukaran tayar bagi kenderaan perlu dibuat apabila jarak perjalanan mencapai odometer antara 30,000 km hingga 50,000 km. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menjalankan analisis kekerapan penggantian tayar berbanding jarak perjalanan kerana bacaan odometer kenderaan di buku log/invois tidak dikemas kini. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 1.7**.

**Jadual 1.7**  
Kekerapan Penggantian Tayar Di Pejabat SUK (Pengurusan)  
Bagi Tahun 2011 Hingga Jun 2013

Tarikh Penggantian	No. Baucar	Jarak Perjalanan/ Odometer	Tempoh (Bulan)	Jenis Tayar/ Bilangan (Biji)	Jumlah (RM)
<b>No. Pendaftaran JCS 1</b>					
31.05.11	V0004240	TM	-	Michellin/4	2,780
07.09.11	V0006633		4	Michellin/2	1,390
27.04.12	V0004619		7	Michellin/4	2,740
26.04.13	V0002412		12	Michellin/4	2,660
<b>No. Pendaftaran JDT 11</b>					
19.07.11	V0004845	TM	-	Toyo Proxes/4	2,480
09.11.11	V0008002		4	Toyo Proxes/2	1,280
09.01.12	V0000795		2	Toyo Proxes/2	1,280
12.03.12	V0001536		2	Toyo Proxes/2	1,280
09.04.12	V0002603	579,488	1	Toyo Proxes/2	1,280
29.08.12	V0006252	TM	4	Toyo Proxes/4	2,700
07.08.13	V0004977		12	Toyo Proxes/4	2,560
<b>No. Pendaftaran JFW 49</b>					
22.03.11	V0002146	TM	-	Yokohama/2	1,350
14.06.11	V0004251		3	Michellin/2	1,390
07.03.12	V0001532		9	Michellin/2	1,390
29.05.12	V0004627		TM	Michellin/2	1,370
03.04.13	V0002240		TM	Michellin/4	2,600
<b>No. Pendaftaran JDT 8</b>					
11.03.11	V0001226	429,825	-	Toyo Proxes/2	1,240
19.09.11	V0006640	TM	6	Michellin/4	2,780
14.06.12	V0004667	515,335	9	Michellin/4	2,780
<b>No. Pendaftaran JDT 9</b>					
24.01.11	V0001094	361,854	-	Toyo Proxes/2	1,160
10.03.11	V0001230	370,020	2	Toyo Proxes/2	1,240
19.12.11	V0008279	TM	9	Toyo Proxes/4	2,560
20.11.12	V0007424	TM	11	Toyo Proxes/4	2,560
<b>No. Pendaftaran JHM 7700</b>					
25.10.11	V0008214	TM	-	Michellin/2	1,390
09.01.12	V0000793	TM	3	Toyo Proxes/4	2,560
07.03.12	V0001540	TM	2	Toyo Proxes/1	640
<b>Jumlah</b>					<b>49,440</b>

Sumber: Pejabat SUK (Pengurusan)

Nota: TM - Tiada Maklumat

- ii. **Maklum balas Pejabat SUK (Pengurusan) bertarikh 15 Januari 2014, satu perjumpaan dengan pemandu kenderaan jabatan telah diadakan untuk memberi taklimat berkaitan perkara ini dan kekerapan penukaran tayar akan dipantau dengan lebih teliti.**

#### **b. Pembaikan Kenderaan Yang Berulang**

- i. Semakan Audit terhadap baucar bayaran Pejabat SUK (Pengurusan) mendapati perbelanjaan penukaran *tinted* yang berulang bagi 4 buah kenderaan yang sama antara tahun 2011 hingga Jun 2013 bernilai RM14,240 seperti di **Jadual 1.8**.

**Jadual 1.8**

**Senarai Perbelanjaan Berulang Di Pejabat SUK (Pengurusan) Bagi Tahun 2011 Hingga Jun 2013**

No. Pendaftaran	Tahun	No. Baucar	Jenis Kerja	Jumlah (RM)
JFW 49	2012	V0004639	<i>Front Windscreen, Tinted Sahara X, Tinted Sun X</i>	1,563
	2013	V0006292	<i>Tinted Power Cool Pyramid X (F/R)</i>	2,265
		<b>Jumlah</b>		<b>3,828</b>
JKA 9000	2013	V0001024	<i>Windscreen Front, Tinted Front Windscreen</i>	1,960
	2013	V0004106	<i>Tinted Front Upper Screen, Tinted Front Screen</i>	625
		<b>Jumlah</b>		<b>2,585</b>
JHF 1000	2012	V0004620	<i>Tinted Sahara X</i>	1,850
	2013	V0004122	<i>Front Windscreen, Tinted Front Windscreen</i>	2,890
		<b>Jumlah</b>		<b>4,740</b>
JHM 7700	2011	V0003155	<i>Piramid Solar Control Film Tinted</i>	745
	2013	V0000628	<i>Tinted Power Cool</i>	2,342
		<b>Jumlah</b>		<b>3,087</b>
		<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>14,240</b>

Sumber: Pejabat SUK (Pengurusan)

**Pada pendapat Audit, kawalan terhadap penggantian tayar kenderaan dan penukaran *tinted* adalah tidak memuaskan kerana penggantian yang terlalu kerap.**

#### **1.4.4. Pengurusan Kad Inden Minyak**

Perenggan 7.4 Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 1999 menghendaki buku rekod pergerakan Kad Inden diselenggarakan sebagai rekod kawalan. Buku ini hendaklah dikemas kini dan diperiksa oleh Ketua Jabatan atau pegawai yang diberi kuasa dari semasa ke semasa. Perenggan 7.1, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 1999, menetapkan kad inden bagi Pegawai Kanan JUSA C dan ke atas akan menyimpan sendiri kad inden yang dibekalkan, manakala bagi lain-lain pemandu kad inden hendaklah disimpan oleh pegawai yang bertanggungjawab menyelia kenderaan dan minyak bagi memastikan ia tidak disalahgunakan.

##### **1.4.4.1. Daftar Kad Inden Minyak Tidak Dikemas Kini**

- a. Semakan Audit mendapati daftar kad inden minyak bagi Pejabat SUK (Pengurusan) ada disediakan, bagaimanapun daftar tersebut tidak dikemas kini bagi tahun 2011

hingga 2013 kerana hanya merekodkan senarai edaran kad inden minyak bagi setiap bulan. Perkara ini disebabkan kad inden minyak disimpan pemandu, oleh itu tiada catatan menunjukkan bahawa kad telah diambil dan dipulangkan oleh pemandu.

- b. **Maklum balas Pejabat SUK (Pengurusan) bertarikh 11 Februari 2014, kad inden minyak disimpan oleh pemandu dan hanya dipulangkan sementara apabila pemandu berkenaan bercuti dan diserahkan sepenuhnya apabila mereka menamatkan perkhidmatan. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2013 berkaitan perolehan, penggunaan dan kawalan kad inden minyak tidak dapat dilaksanakan berdasarkan kekerapan penggunaan kenderaan dan kekangan masa untuk memulangkan kad.**

#### **1.4.4.2. Pengisian Bahan Api Dalam Tempoh Masa Yang Singkat**

- a. Semakan Audit terhadap laporan butiran belian bahan api Pejabat SUK (Pengurusan) bagi tahun 2011 hingga Jun 2013 mendapati sebanyak 35 kes pengisian bahan api dua kali menggunakan kad inden minyak yang sama dalam tempoh masa yang singkat. Tempoh pengisian minyak adalah antara satu minit hingga 94 minit dengan jumlah perolehan RM8,937 melibatkan 16 kad inden minyak seperti di **Jadual 1.9**. Analisis Audit mendapati kad inden minyak yang paling kerap digunakan untuk pengisian bahan api dua kali dalam tempoh masa yang singkat adalah bagi nombor kad 700284-132150-8001205 iaitu sebanyak 13 kes dengan jarak masa antara 2 hingga 61 minit dengan nilai perolehan bahan api berjumlah RM4,290.

**Jadual 1.9**

**Pengisian Bahan Api Dua Kali Menggunakan Kad Inden Minyak Yang Sama Dalam Tempoh Masa Yang Singkat Di Pejabat SUK (Pengurusan)**

Bil.	No. Kad Inden	Bilangan Kes	Jarak Masa (Minit)	Jumlah (RM)
1.	700284-132150-8001205	13	2 hingga 61 minit	4,290
2.	700284-132150-8001197	3	3 hingga 8 minit	481
3.	700284-132150-8001940	2	2 dan 17 minit	337
4.	700284-132150-8001882	2	4 dan 94 minit	471
5.	700284-132150-8001734	2	5 dan 19 minit	454
6.	700284-132150-8001635	2	33 dan 34 minit	605
7.	700284-132150-8001601	2	47 dan 51 minit	440
8.	700284-132150-8001841	1	1 minit	240
9.	700284-132150-8001171	1	3 minit	120
10.	700284-132150-8001866	1	3 minit	131
11.	700284-132150-8001650	1	5 minit	193
12.	700284-132150-8001122	1	17 minit	212
13.	700284-132150-8001301	1	20 minit	255
14.	700284-132150-8001528	1	46 minit	233
15.	700284-132150-8001874	1	47 minit	230
16.	700284-132150-8001726	1	56 minit	245
<b>Jumlah</b>		<b>35</b>		<b>8,937</b>

Sumber: Pejabat SUK (Pengurusan)

- b. **Maklum balas Pejabat SUK (Pengurusan) bertarikh 20 Februari 2014**, kenderaan yang terlibat adalah kenderaan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang diperuntukkan 2 buah kenderaan setiap seorang tetapi mempunyai satu kad inden minyak. Pengisian minyak oleh pemandu ke atas kedua-dua buah kenderaan dibuat bersekali.
- c. Semakan Audit terhadap laporan butiran belian bahan api PTG bagi tahun 2011 hingga Jun 2013 turut mendapati sebanyak 7 kes pengisian bahan api dua kali menggunakan kad inden minyak yang sama dalam tempoh masa yang singkat. Tempoh pengisian bahan api adalah antara 2 minit hingga 36 minit dengan jumlah perolehan RM1,161. Maklumat mengenai pengisian bahan api dalam tempoh masa yang singkat bagi PTG adalah seperti di **Jadual 1.10**.

**Jadual 1.10**

**Pengisian Bahan Api Dua Kali Menggunakan Kad Inden Minyak Yang Sama Dalam Tempoh Masa Yang Singkat Di PTG**

Bil.	No. Kad Inden	Bilangan Kes	Jarak Masa (Minit)	Jumlah (RM)
1.	708381-736840-63650	2	2 dan 6 minit	436
2.	708381-732662-09218	2	113 dan 30 minit	244
3.	708381-738560-13541	1	5 minit	131
4.	708381-735101-12747	1	8 minit	200
5.	708381-732329-77815	1	36 minit	150
<b>Jumlah</b>		<b>7</b>		<b>1,161</b>

Sumber: PTG

- d. **Maklum balas PTG bertarikh 20 Januari 2014**, menyatakan pengisian bahan api 2 kali dalam tempoh yang singkat menggunakan kad inden minyak yang sama tetapi bukan untuk kenderaan yang sama. Ini kerana kad inden minyak yang ada pada masa tersebut tidak mencukupi. Namun begitu, bagi tujuan kawalan pihak PTG telah menyediakan kad inden minyak untuk setiap kenderaan Jabatan mulai tahun 2014.

#### **1.4.4.3. Pembelian Bahan Api Tidak Direkodkan Ke Dalam Buku Log**

- a. Semakan Audit terhadap laporan butiran belian bahan api bulanan dan buku log bagi sampel 9 buah kenderaan PTG antara tahun 2011 hingga 2013 mendapati sejumlah RM26,077 pembelian bahan api tidak direkodkan di buku log kenderaan. Pembelian bahan api yang tidak direkodkan ini menyebabkan cerakinan penggunaan minyak bulanan yang disediakan tidak menunjukkan penggunaan minyak sebenar sesebuah kenderaan. Senarai pembelian bahan api yang tidak direkodkan adalah seperti di **Jadual 1.11**.

**Jadual 1.11**  
**Pembelian Minyak Di PTG Yang Tidak Dikemaskini Dalam Buku Log**  
**Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

Bil.	No. Pendaftaran	Pembelian Minyak Di PTG Yang Tidak Dikemaskini (RM)			Jumlah (RM)
		2011	2012	2013	
1.	JEU 2511	925	677	4,292	5,894
2.	JDB 2020	1,994	TM	1,310	3,304
3.	JNB 100	TM	TM	211	211
4.	JLG 74	103	TM	TM	103
5.	JMY 7474	TM	218	69	287
6.	JED 6277	1,230	4,476	1,757	7,463
7.	JED 6283	432	1,385	670	2,487
8.	JGT 74	TM	4,276	1,604	5,880
9.	JLG 14	200	248	TM	448
<b>Jumlah</b>		<b>4,884</b>	<b>11,280</b>	<b>9,913</b>	<b>26,077</b>

Sumber: PTG

Nota: TM - Tiada Maklumat/Buku Log Tidak Disertakan

- b. **Maklum balas PTG bertarikh 20 Januari 2014, menyatakan Jabatan mengambil maklum dengan teguran Audit dan akan memastikan setiap pembelian bahan api dicatatkan di dalam buku log.**

Pada pendapat Audit, kawalan terhadap pembelian bahan api di Pejabat SUK (Pengurusan) dan PTG adalah kurang memuaskan kerana berlaku pembelian bahan api dua kali menggunakan kad inden minyak yang sama dalam masa yang singkat. Pegawai yang bertanggungjawab perlu meningkatkan pemantauan melalui semakan penyata pembelian memandangkan kad inden minyak disimpan sendiri oleh pemandu kenderaan dan boleh disalahgunakan.

#### 1.4.5. Pengurusan Pelupusan

1.4.5.1. Proses pelupusan dilakukan bagi mengeluarkan kenderaan daripada milikan dan kawalan sesebuah Jabatan/Pejabat/Agenzi mengikut prosedur/kaedah yang ditetapkan. Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan menetapkan, bagi nilai perolehan asal aset melebihi RM50,000 atau jumlah keseluruhan melebihi RM500,000 kuasa untuk meluluskan pelupusan adalah Perbendaharaan/Pegawai Kewangan Negeri. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 menyatakan kenderaan-kenderaan Jabatan hendaklah diperiksa dan peraturan hendaklah dibuat bagi kenderaan yang tidak ekonomik disenggarakan atau tidak boleh digunakan lagi diperiksa dengan segera oleh Lembaga Pemeriksa.

#### 1.4.5.2. Kereta Kemalangan Yang Belum Dilupuskan

- a. Perenggan 27.5 Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan nilai semasa aset di Perakuan Pelupusan (PEP) Aset Alih Kerajaan hanya sah digunakan untuk tempoh satu tahun sahaja. Sekiranya melebihi tempoh tersebut, Jabatan perlu mendapat pengesahan nilai semasa yang baru. Semakan Audit mendapati 2 buah

kenderaan jenis Proton Perdana V6 Executive yang rosak teruk akibat kemalangan pada tahun 2008 dan 2010 iaitu JDT 4 dan JDT 7 masih belum dilupuskan walaupun Jabatan Kerja Raya Cawangan Kejuruteraan Mekanikal Negeri Johor (JKR) telah mengeluarkan PEP pada 19 Mac 2012. PEP yang disahkan oleh JKR menyatakan keseluruhan bahagian kenderaan kedua-dua kenderaan ini remuk, keseluruhan komponen enjin bahagian dalaman pecah dan casis kenderaan bengkok. Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor pada 21 Jun 2012 telah bersetuju untuk melupuskan kedua-dua kenderaan ini dengan kaedah dijual secara jualan sisa (*scrap*) memandangkan aset tersebut tidak boleh digunakan lagi. Nilai sisa yang dicadangkan oleh JKR adalah RM200 bagi setiap kenderaan. Kelewatan pelupusan kenderaan ini menyebabkan nilai semasa kenderaan berkurangan dan penggantian kenderaan baru tidak dapat dibuat. **Gambar 1.1** hingga **Gambar 1.4** adalah berkaitan.

**Gambar 1.1**  
**Kenderaan JDT 4 Dan JDT 7 Yang Terlibat Dengan Kemalangan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Parking Lot, CS2, Nusajaya  
Tarikh: 3 Oktober 2013

**Gambar 1.2**  
**Kenderaan JDT 4 Dan JDT 7 Yang Terlibat Dengan Kemalangan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Parking Lot, CS2, Nusajaya  
Tarikh: 3 Oktober 2013

**Gambar 1.3**  
**Kenderaan JDT 4 Yang Terlibat Dengan Kemalangan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Parking Lot, CS2, Nusajaya  
Tarikh: 3 Oktober 2013

**Gambar 1.4**  
**Kenderaan JDT 7 Yang Terlibat Dengan Kemalangan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Parking Lot, CS2, Nusajaya  
Tarikh: 3 Oktober 2013

- b. **Pejabat SUK (Pengurusan) memaklumkan pada 20 Januari 2014, pelupusan tersebut akan dibuat setelah kenderaan baru untuk kegunaan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor diterima daripada pembekal berikut nombor pendaftaran JDT 4 dan JDT 7 akan diguna pakai semula.**

Pada pendapat Audit, pengurusan pelupusan bagi kenderaan rosak dan yang telah dikeluarkan Perakuan Pelupusan adalah tidak memuaskan. Tindakan pelupusan perlu dilakukan dengan segera bagi membolehkan penggantian kenderaan baru dibuat.

## 1.5. SYOR AUDIT

Bagi menambah baik pengurusan kenderaan Jabatan, disyorkan Pejabat SUK (Pengurusan) dan PTG melaksanakan perkara berikut:

- 1.5.1. Memastikan pemandu dan bengkel panel swasta mematuhi prosedur penyenggaraan yang telah ditetapkan.
- 1.5.2. Memantau perbelanjaan penyenggaraan bagi setiap kenderaan bagi mengelakkan perbelanjaan berulang dan memastikan setiap pembaikan yang akan dibuat diluluskan oleh pegawai yang bertanggungjawab.
- 1.5.3. Semakan secara terperinci perlu dilakukan ke atas penggunaan bahan api pada setiap bulan sebelum pembayaran dibuat.

## JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

### 2. PROGRAM TAMAN KEKAL PENGELOUARAN MAKANAN

#### 2.1. LATAR BELAKANG

**2.1.1.** Program Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) merupakan salah satu program di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor (Jabatan) untuk meningkatkan pengeluaran makanan. Program TKPM ini dahulunya dikenali sebagai Projek Padang Ragut di mana rizab kawasan padang ragut berkenaan telah diwartakan sebagai TKPM pada tahun 2003 melalui keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bil. 2165/2003. Objektif program TKPM adalah untuk mewujudkan zon pengeluaran makanan yang kekal serta menggalakkan penyertaan usahawan tani dan swasta dalam pengeluaran makanan ternakan. Selain itu, ia juga bertujuan menggalakkan aktiviti penternakan yang terancang dan terkawal di samping menempatkan ternakan bagi mengatasi isu ternakan berkeliaran.

**2.1.2.** Di bawah program TKPM ini, Jabatan berperanan menyediakan kawasan untuk penternakan, membuat pengukuran persempadanan kawasan, menyediakan jalan serta parit asas dan memberi bantuan peralatan seperti tiang batu, kawat duri serta mesin perincih rumput ternakan. Selain itu, Jabatan juga memberikan bantuan penanaman rumput, benih rumput, baja serta memberikan latihan mengenai cara pengurusan dan pemakanan ternakan. Manakala peserta yang dipilih pula perlu menyediakan haiwan ternakan yang akan diusahakan seperti lembu, kambing, kerbau, rusa dan ayam, sumber kewangan serta tenaga kerja bagi mengusahakan ternakan di bawah program TKPM ini. Bagi tahun 2011 hingga 2013, peruntukan berjumlah RM3.44 juta diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dan daripada itu sejumlah RM3.09 juta atau 89.8% telah dibelanjakan bagi program ini.

**2.1.3.** Sehingga bulan Disember 2013, sebanyak 35 TKPM telah dibangunkan melibatkan kawasan ternakan seluas 3,272.04 hektar dan diusahakan oleh 163 peserta. Maklumat lanjut mengenai TKPM di Negeri Johor adalah seperti di **Jadual 2.1**.

**Jadual 2.1**  
**Maklumat TKPM Di Negeri Johor**

Bil.	Daerah	Bilangan TKPM	Keluasan Tanah (Hektar)	Jumlah Peserta
1.	Segamat	15	1,141.44	49
2.	Muar	4	824.39	51
3.	Ledang	3	436.08	10
4.	Mersing	5	402.71	19
5.	Kota Tinggi	2	205.00	6
6.	Kluang	5	195.72	23
7.	Batu Pahat	1	66.70	5
<b>Jumlah</b>		<b>35</b>	<b>3,272.04</b>	<b>163</b>

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar

## **2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan program Program Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) telah diuruskan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat ditetapkan.

## **2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Skop pengauditan meliputi program TKPM yang dilaksanakan di Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor serta 3 Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah iaitu Muar, Segamat dan Ledang bagi tahun 2011 hingga 2013. Pengauditan dilaksanakan dengan menyemak rekod, dokumen berkaitan serta lawatan ke 12 kawasan TKPM di daerah berkenaan. Selain itu, temu bual dengan pegawai yang terlibat telah diadakan bagi mendapatkan maklum balas dan pengesahan.

## **2.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dilaksanakan pada bulan Mei hingga Oktober 2013 mendapati Jabatan telah memberi peluang kepada peserta program TKPM untuk mengembangkan aktiviti penternakan mereka dengan menyediakan kemudahan kawasan dan prasarana. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati dari aspek pelaksanaan dan pemantauan berkaitan program TKPM adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan berikut:

- Tiada pelan perancangan jangka panjang bagi pembangunan program TKPM.
- Prestasi pencapaian jumlah ternakan peserta TKPM pada tahun 2011 serta sasaran pendapatan peserta RM3,000 sebulan tidak dapat dinilai kerana rekod berkaitan tidak diselenggarakan oleh Jabatan.
- Sebanyak 22 plot kawasan ternakan TKPM di Daerah Muar, Segamat dan Ledang tidak diusahakan dan terdapat kawasan ternakan tidak disenggarakan dengan sempurna.
- Sebanyak 4 kawasan ternakan di TKPM Balai Badang, Segamat dan satu kawasan ternakan di TKPM Teluk Rimba, Ledang telah diceroboh dan ditanam pokok kelapa sawit dan pokok getah serta digunakan untuk menternak lembu dan kerbau tanpa kelulusan.
- Seramai 35 peserta TKPM di Daerah Muar, Segamat dan Ledang telah melanggar syarat perjanjian kerana menanam pokok kelapa sawit melebihi 5 batang dan tanaman kontan di kawasan TKPM.
- Berlaku pertindihan keluasan kawasan ternakan di TKPM Tebing Tinggi, Segamat dan TKPM Kesang Tasek, Ledang selepas pengukuran semula dibuat oleh juruukur berlesen yang dilantik oleh Jabatan.

## **2.4.1. Prestasi Program TKPM**

### **2.4.1.1. Perancangan Jangka Panjang Pembangunan Program TKPM Tidak Disediakan**

- a. Semakan Audit mendapati Jabatan tidak mempunyai pelan perancangan jangka panjang bagi pembangunan program TKPM. Pelan perancangan jangka panjang ini sepatutnya antara lain menyatakan secara spesifik sasaran pengeluaran ternakan, sasaran jumlah kluasan tanah TKPM yang dibangunkan berserta bilangan peserta dan sasaran kadar kelahiran ternakan. Selain itu pelan itu juga sepatutnya merangka pembangunan kemudahan prasarana TKPM seperti menaik taraf kemudahan asas, jalan ladang, sistem pengairan dan saliran, membina atau menaik taraf kandang ternakan termasuk sesi latihan yang akan diadakan. Tanpa pelan perancangan jangka panjang ini, pihak Audit tidak dapat mengukur prestasi sebenar pembangunan program TKPM bagi tahun 2011 hingga 2013.
- b. **Menurut maklum balas Jabatan bertarikh 30 Mac 2014, Jabatan tidak merancang pelaksanaan program TKPM secara menyeluruh di peringkat awal. Bagaimanapun, Jabatan akan merancang dengan teliti pelaksanaan program TKPM berpandukan kepada peruntukan yang diterima.**

### **2.4.1.2. Prestasi Jumlah Ternakan Peserta TKPM**

- a. Jabatan mensasarkan jumlah ternakan peserta pada setiap tahun hendaklah melebihi jumlah ternakan semasa kemasukan sebagaimana mengikut surat perjanjian. Semakan Audit mendapati prestasi jumlah ternakan peserta TKPM pada tahun 2011 tidak dapat dinilai kerana Jabatan tidak mempunyai rekod pengembangan ternakan dan pemantauan secara menyeluruh tidak dibuat dalam tempoh tersebut. Bagaimanapun, Jabatan telah membuat pemantauan bagi menilai prestasi ternakan peserta TKPM mulai tahun 2012. Prestasi pencapaian jumlah ternakan peserta TKPM bagi ternakan yang paling banyak diusahakan iaitu lembu pedaging, lembu tenusu serta kambing pada tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 2.2**.

**Jadual 2.2**  
**Prestasi Pencapaian Jumlah Ternakan Peserta TKPM**  
**Pada Tahun 2012 Dan 2013**

Jenis Ternakan	Daerah	Bil. Peserta	Penternak Tradisional			Penternak Komersial		
			Perjanjian (Ekor)	Pencapaian (Ekor)	Perbezaan (Ekor)	Perjanjian (Ekor)	Pencapaian (Ekor)	Perbezaan (Ekor)
<b>2012</b>								
Lembu Pedaging	Segamat	41	1,968	1,629	-339	700	-	-700
	Muar	38	870	1,072	202	1,200	12	-1,188
	Ledang	6	265	273	8	200	119	-81
	Mersing	9	290	194	-96	-	-	-
	Kota Tinggi	4	200	25	-175	-	-	-
	Kluang	-	-	-	-	-	-	-
	Batu Pahat	-	-	-	-	-	-	-
<b>Jumlah</b>		<b>98</b>	<b>3,593</b>	<b>3,193</b>	<b>-400</b>	<b>2,100</b>	<b>131</b>	<b>-1,969</b>
Lembu Tenusu	Segamat	2	75	14	-61	-	-	-
	Muar	1	30	12	-18	-	-	-
	Ledang	-	-	-	-	-	-	-
	Mersing	1	-	-	-	100	-	-100
	Kota Tinggi	-	-	-	-	-	-	-
	Kluang	-	-	-	-	-	-	-
	Batu Pahat	-	-	-	-	-	-	-
<b>Jumlah</b>		<b>4</b>	<b>105</b>	<b>26</b>	<b>-79</b>	<b>100</b>	<b>-</b>	<b>-100</b>
Kambing	Segamat	5	275	159	-116	1,500	-	-1,500
	Muar	10	2,200	110	-2,090	1,501	300	-1,201
	Ledang	-	-	-	-	-	-	-
	Mersing	2	600	270	-330	-	-	-
	Kota Tinggi	3	280	-	-280	-	-	-
	Kluang	-	-	-	-	-	-	-
	Batu Pahat	1	120	-	-120	-	-	-
<b>Jumlah</b>		<b>21</b>	<b>3,475</b>	<b>539</b>	<b>-2,936</b>	<b>3,001</b>	<b>300</b>	<b>-2,701</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>123</b>	<b>7,173</b>	<b>3,758</b>	<b>-3,415</b>	<b>5,201</b>	<b>431</b>	<b>-4,770</b>
<b>2013</b>								
Lembu Pedaging	Segamat	40	874	1,652	778	900	624	-276
	Muar	37	1,409	1,055	-354	1,200	38	-1,162
	Ledang	6	245	198	-47	200	130	-70
	Mersing	14	245	197	-48	250	150	-100
	Kota Tinggi	5	250	200	-50	-	-	-
	Kluang	5	100	-	-100	-	-	-
	Batu Pahat	-	-	-	-	-	-	-
<b>Jumlah</b>		<b>107</b>	<b>3,123</b>	<b>3,302</b>	<b>179</b>	<b>2,550</b>	<b>942</b>	<b>-1,608</b>
Lembu Tenusu	Segamat	3	86	105	19	-	-	-
	Muar	1	30	25	-5	-	-	-
	Ledang	-	-	-	-	-	-	-
	Mersing	1	-	-	-	100	50	-50
	Kota Tinggi	1	50	50	-	-	-	-
	Kluang	15	300	490	190	-	-	-
	Batu Pahat	-	-	-	-	-	-	-
<b>Jumlah</b>		<b>21</b>	<b>466</b>	<b>670</b>	<b>204</b>	<b>100</b>	<b>50</b>	<b>-50</b>
Kambing	Segamat	3	175	93	-82	-	-	-
	Muar	10	2,900	344	-2,556	501	109	-392
	Ledang	-	-	-	-	-	-	-
	Mersing	1	-	-	-	525	-	-525
	Kota Tinggi	-	-	-	-	-	-	-
	Kluang	2	100	-	-100	-	-	-
	Batu Pahat	4	500	242	-258	-	-	-
<b>Jumlah</b>		<b>20</b>	<b>3,675</b>	<b>679</b>	<b>-2,996</b>	<b>1,026</b>	<b>109</b>	<b>-917</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>148</b>	<b>7,264</b>	<b>4,651</b>	<b>-2,613</b>	<b>3,676</b>	<b>1,101</b>	<b>-2,575</b>

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar

- b. Berdasarkan **Jadual 2.2**, peserta TKPM dibahagikan kepada 2 kategori penternakan iaitu sama ada secara tradisional atau komersial sebagaimana ditetapkan dalam perjanjian yang ditandatangani antara tahun 2007 hingga 2012. Peserta

dikategorikan sebagai penternak tradisional apabila jumlah ternakan lembu pedaging kurang daripada 100 ekor induk, lembu tenusu kurang 50 ekor induk dan kambing kurang daripada 500 ekor induk. Sekiranya jumlah ternakan lembu pedaging, lembu tenusu dan kambing yang diusahakan melebihi daripada jumlah tersebut, peserta dikategorikan sebagai penternak komersial. Analisis Audit mendapati secara keseluruhan prestasi pencapaian jumlah ternakan peserta TKPM di semua daerah bagi ternakan lembu pedaging, lembu tenusu dan kambing untuk kedua-dua kategori penternakan pada tahun 2012 adalah tidak melebihi jumlah ternakan semasa kemasukan mengikut perjanjian. Jumlah ternakan lembu pedaging dihasilkan oleh penternak tradisional adalah sebanyak 3,193 ekor atau 88.9% berbanding 3,593 ekor semasa kemasukan dan penternak komersial sebanyak 131 ekor atau 6.2% berbanding 2,100 ekor pada tahun 2012. Pencapaian jumlah ternakan lembu tenusu bagi kedua-dua kategori penternakan pada tahun 2012 adalah sebanyak 26 ekor atau 12.7% berbanding 205 ekor. Manakala pencapaian jumlah ternakan kambing bagi penternak tradisional pada tahun 2012 adalah sebanyak 539 ekor atau 15.5% dan bagi penternak komersial sebanyak 300 ekor atau 10% berbanding semasa kemasukan.

- c. Analisis Audit selanjutnya mendapati pencapaian jumlah ternakan lembu pedaging bagi penternak tradisional pada tahun 2013 adalah melebihi jumlah ternakan semasa kemasukan iaitu sebanyak 3,302 ekor atau 5.7% berbanding 3,123 ekor. Manakala bagi penternak komersial, hanya 942 ekor lembu pedaging atau 36.9% dihasilkan berbanding 2,550 ekor. Jumlah ternakan lembu tenusu berjaya dihasilkan oleh penternak tradisional adalah sebanyak 670 ekor atau 143.8% berbanding 466 ekor semasa kemasukan pada tahun 2013. Namun begitu, penternak komersial hanya menghasilkan sebanyak 50 ekor lembu tenusu atau 50% berbanding 100 ekor pada tahun yang sama. Pencapaian jumlah ternakan kambing bagi kedua-dua kategori penternakan juga tidak melebihi jumlah ternakan semasa kemasukan iaitu sebanyak 679 ekor atau 18.5% bagi penternak tradisional dan sebanyak 109 ekor atau 10.6% bagi penternak komersial pada tahun 2013.
- d. Antara faktor yang menyebabkan jumlah ternakan tidak dapat melebihi jumlah ternakan semasa kemasukan adalah kerana peserta tidak menggunakan kawasan penternakan yang disediakan sepenuhnya. Selain itu, sikap peserta yang kurang komited, kekurangan modal pusingan, ternakan dicuri serta bencana banjir yang tidak dijangka mengakibatkan jumlah ternakan dihasilkan berkurangan.

#### **2.4.1.3. Prestasi Peserta TKPM**

- a. Analisis Audit terhadap prestasi peserta TKPM mendapati seramai 35 peserta atau 28.5% pada tahun 2012 telah berjaya mempunyai jumlah ternakan melebihi jumlah ternakan semasa kemasukan mengikut perjanjian dan meningkat seramai 52 peserta atau 35.1% pada tahun 2013. Bagi tempoh 2 tahun berkenaan, seramai 15 peserta telah mempunyai jumlah ternakan bersamaan dengan jumlah ternakan semasa

kemasukan manakala 84 peserta mempunyai jumlah ternakan kurang berbanding semasa kemasukan. Selain itu, terdapat seramai 85 peserta yang langsung tidak mempunyai jumlah ternakan di lapangan pada tahun 2012 dan 2013. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan tempoh sebenar peserta tersebut tidak mempunyai ternakan di lapangan atau tidak aktif kerana laporan status terkini program TKPM bagi sesuatu tempoh tidak disediakan oleh Jabatan. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 2.3**.

**Jadual 2.3**

**Jumlah Ternakan Peserta Berbanding Jumlah Ternakan Semasa Kemasukan Mengikut Perjanjian Pada Tahun 2012 Dan 2013**

Bil.	Daerah	Jumlah Peserta	Jumlah Ternakan Peserta			Peserta Tiada Ternakan
			Melebihi Perjanjian	Sama Dengan Perjanjian	Kurang Dari Perjanjian	
<b>2012</b>						
1.	Segamat	48	14	3	11	20
2.	Muar	49	15	1	16	17
3.	Ledang	6	2	1	3	-
4.	Mersing	12	4	-	5	3
5.	Kota Tinggi	7	-	-	2	5
6.	Kluang	-	-	-	-	-
7.	Batu Pahat	1	-	-	-	1
<b>Jumlah</b>		<b>123</b>	<b>35</b>	<b>5</b>	<b>37</b>	<b>46</b>
<b>2013</b>						
1.	Segamat	46	27	2	17	-
2.	Muar	48	16	1	22	9
3.	Ledang	6	2	1	2	1
4.	Mersing	16	4	4	3	5
5.	Kota Tinggi	6	1	2	-	3
6.	Kluang	22	2	-	-	20
7.	Batu Pahat	4	-	-	3	1
<b>Jumlah</b>		<b>148</b>	<b>52</b>	<b>10</b>	<b>47</b>	<b>39</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>271</b>	<b>87</b>	<b>15</b>	<b>84</b>	<b>85</b>

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar

- b. Semakan Audit selanjutnya mendapati daripada 35 peserta yang berjaya mempunyai jumlah ternakan melebihi jumlah ternakan semasa kemasukan pada tahun 2012, seramai 34 peserta bagi kategori penternak tradisional telah menghasilkan sebanyak 2,538 ekor lembu pedaging iaitu melebihi 1,567 ekor atau 161.4% berbanding 971 ekor. Manakala baki seorang peserta menghasilkan sebanyak 121 ekor ternakan kambing iaitu melebihi 21 ekor atau 21% berbanding 100 ekor. Bagi ternakan lembu tenusu, tiada peserta mencatatkan pencapaian jumlah ternakan melebihi jumlah ternakan semasa kemasukan. Sementara itu, daripada 52 peserta yang mempunyai jumlah ternakan melebihi jumlah ternakan semasa kemasukan pada tahun 2013, seramai 47 peserta bagi penternak tradisional telah berjaya menghasilkan sebanyak 2,799 ekor lembu pedaging iaitu melebihi 1,612 ekor atau 135.8% berbanding 1,187 ekor. Seramai 4 peserta bagi penternak tradisional menghasilkan sebanyak 563 ekor lembu tenusu iaitu melebihi 487 ekor atau 640.8% berbanding 76 ekor semasa kemasukan pada tahun 2013. Selain itu, seorang peserta bagi kategori penternak tradisional menghasilkan sebanyak 270 ekor kambing iaitu melebihi 30 ekor atau

12.5% berbanding 240 ekor. Manakala kategori penternakan komersial pula, tiada peserta mencatatkan jumlah ternakan bagi lembu pedaging, lembu tenusu dan kambing melebihi jumlah ternakan semasa kemasukan pada tahun 2012 dan 2013. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.4**.

**Jadual 2.4**

**Prestasi Ternakan Peserta Berbanding Jumlah Kemasukan Bagi Ternakan Lembu Pedaging, Lembu Tenusu Dan Kambing Pada Tahun 2012 Dan 2013**

Jenis Ternakan	Daerah	Penternak Tradisional							
		Tahun 2012				Tahun 2013			
		Bil. Peserta	Perjanjian (Ekor)	Pencapaian (Ekor)	Beza (Ekor)	Bil. Peserta	Perjanjian (Ekor)	Pencapaian (Ekor)	Beza (Ekor)
Lembu Pedaging	Segamat	13	482	1,301	819	25	729	1,596	867
	Muar	15	325	908	583	15	299	835	536
	Ledang	2	110	183	73	2	55	98	43
	Mersing	4	54	146	92	4	54	120	66
	Kota Tinggi	-	-	-	-	1	50	150	100
	Kluang	-	-	-	-	-	-	-	-
	Batu Pahat	-	-	-	-	-	-	-	-
<b>Jumlah</b>		<b>34</b>	<b>971</b>	<b>2,538</b>	<b>1,567</b>	<b>47</b>	<b>1,187</b>	<b>2,799</b>	<b>1,612</b>
Lembu Tenusu	Segamat	-	-	-	-	2	36	73	37
	Muar	-	-	-	-	-	-	-	-
	Ledang	-	-	-	-	-	-	-	-
	Mersing	-	-	-	-	-	-	-	-
	Kota Tinggi	-	-	-	-	-	-	-	-
	Kluang	-	-	-	-	2	40	490	450
	Batu Pahat	-	-	-	-	-	-	-	-
<b>Jumlah</b>		<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>4</b>	<b>76</b>	<b>563</b>	<b>487</b>
Kambing	Segamat	1	100	121	21	-	-	-	-
	Muar	-	-	-	-	1	240	270	30
	Ledang	-	-	-	-	-	-	-	-
	Mersing	-	-	-	-	-	-	-	-
	Kota Tinggi	-	-	-	-	-	-	-	-
	Kluang	-	-	-	-	-	-	-	-
	Batu Pahat	-	-	-	-	-	-	-	-
<b>Jumlah</b>		<b>1</b>	<b>100</b>	<b>121</b>	<b>21</b>	<b>1</b>	<b>240</b>	<b>270</b>	<b>30</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>35</b>	<b>1,071</b>	<b>2,659</b>	<b>1,588</b>	<b>52</b>	<b>1,503</b>	<b>3,632</b>	<b>2,129</b>

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar

Nota: Tiada Peserta Bagi Kategori Penternak Komersial Mencatatkan Jumlah Ternakan Melebihi Syarat Perjanjian

#### 2.4.1.4. Prestasi Pendapatan Peserta TKPM Tidak Dapat Diukur

- Jabatan mensasarkan purata pendapatan bersih sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan bagi setiap peserta TKPM. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan purata pendapatan yang diperoleh bagi tahun 2011 sehingga bulan Ogos 2013 kerana peserta TKPM tidak menyelenggarakan rekod ternakan yang lengkap seperti maklumat jualan, kelahiran serta kematian ternakan. Selain itu, Jabatan juga tidak menyimpan maklumat pengeluaran ternakan dan pendapatan peserta. Perkara ini mengakibatkan pencapaian sebenar pendapatan peserta TKPM tidak dapat diukur.
- Menurut maklum balas Jabatan bertarikh 30 Mac 2014, sasaran pendapatan melebihi RM3,000 sebulan yang ditetapkan adalah berdasarkan kepada garis panduan bagi mengurangkan kadar kemiskinan. Bagaimanapun, Jabatan tidak meneliti secara menyeluruh keupayaan peserta TKPM di peringkat lapangan bagi mencapai sasaran pendapatan ditetapkan.**

Pada pendapat Audit, prestasi program TKPM adalah kurang memuaskan kerana pelan jangka panjang pembangunan TKPM tidak disediakan serta jumlah ternakan telah berkurangan berbanding jumlah ternakan semasa kemasukan dalam perjanjian. Selain itu, prestasi pendapatan juga tidak dapat dinilai kerana Jabatan tidak menyimpan rekod pengeluaran ternakan dan pendapatan peserta TKPM.

#### **2.4.2. Pelaksanaan Program TKPM**

Kejayaan program TKPM juga dinilai berdasarkan komitmen peserta dalam mengusahakan plot kawasan ternakan yang disewakan. Peserta yang telah menandatangani surat perjanjian dikehendaki melaksanakan projek ternakan dan mengusahakan plot kawasan ternakan mengikut jenis ternakan yang ditetapkan dalam perjanjian.

##### **2.4.2.1. Plot Kawasan Ternakan Terbiar Tidak Diusahakan**

- Semakan Audit terhadap laporan kemajuan mendapati sebanyak 22 plot atau 18.0% seluas 191.3 hektar daripada 122 plot kawasan ternakan TKPM di Daerah Muar, Segamat dan Ledang tidak diusahakan sehingga bulan Ogos 2013 seperti di **Jadual 2.5**. Lawatan Audit ke tapak TKPM yang dipilih di ketiga-tiga daerah berkenaan antara bulan Jun hingga Oktober 2013 mendapati keadaan plot kawasan ternakan yang tidak diusahakan adalah seperti di **Gambar 2.1** hingga **Gambar 2.3**.

**Jadual 2.5**

**Plot Kawasan Ternakan TKPM Bagi Daerah Muar, Segamat Dan Ledang Yang Tidak Diusahakan Sehingga Bulan Ogos 2013**

Bil.	TKPM	Daerah	Jumlah Plot Kawasan	Plot Kawasan Diusahakan	Kawasan Tidak Diusahakan
1.	Lubuk Bakul	Muar	32	21	11
2.	Ulu Bakri		8	5	3
3.	Tulang Gajah		5	4	1
4.	Kampung Tui		6	4	2
<b>Jumlah</b>			<b>51</b>	<b>34</b>	<b>17</b>
5.	Peta Temalik	Segamat	11	10	1
6.	Redong		4	4	-
7.	Kepoh		3	2	1
8.	Bangas		7	7	-
9.	Tungku Tiga		8	7	1
10.	Pogoh II		10	10	-
11.	Bukit Mentaus		6	6	-
12.	Balai Badang		1	1	-
13.	Tebing Tinggi		3	2	1
14.	Jejah		1	1	-
15.	Awat I		1	1	-
16.	Awat II		1	1	-
17.	Pudu		1	1	-
18.	Pogoh III		2	2	-
19.	Kuing Patah		2	2	-
<b>Jumlah</b>			<b>61</b>	<b>57</b>	<b>4</b>
20.	Teluk Rimba	Ledang	4	3	1
21.	Durian Chondong		5	5	-
22.	Kesang Tasek		1	1	-
<b>Jumlah</b>			<b>10</b>	<b>9</b>	<b>1</b>
<b>Jumlah Besar</b>			<b>122</b>	<b>100</b>	<b>22</b>
					<b>191.3</b>

Sumber: Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Muar, Segamat Dan Ledang

**Gambar 2.1**  
**Plot Kawasan Ternakan Terbiar Tidak Diusahakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: TKPM Kampung Tui, Muar  
Tarikh: 20 Jun 2013

**Gambar 2.2**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: TKPM Tebing Tinggi, Segamat  
Tarikh: 26 Ogos 2013



**Gambar 2.3**  
**Plot Kawasan Ternakan Terbiar Tidak Diusahakan**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: TKPM Teluk Rimba, Ledang  
Tarikh: 9 Oktober 2013

- b. Semakan Audit seterusnya mendapati sebanyak 22 plot kawasan ternakan yang tidak diusahakan melibatkan 22 peserta di TKPM di Daerah Muar, Segamat dan Ledang. Daripada jumlah tersebut, seramai 15 peserta atau 68.2% telah menandatangani surat perjanjian antara tempoh tahun 2007 hingga 2012. Pihak Audit mendapati Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan notis peringatan kepada peserta terbabit supaya mengusahakan plot kawasan ternakan secara aktif sejak tahun 2010. Bagaimanapun, terdapat peserta yang tidak dapat memberikan komitmen sepenuhnya serta tidak mampu untuk menampung kos pembersihan kawasan ternakan. Aktiviti penternakan yang tidak dijalankan secara aktif ini mengakibatkan plot kawasan ternakan terbiar, dipenuhi semak samun dan kawasan penternakan tidak dapat dimanfaatkan secara optimum.
- c. **Menurut maklum balas Jabatan bertarikh 30 Mac 2014, pemilihan peserta dibuat berdasarkan keputusan temu duga dan kertas kerja yang menunjukkan kemampuan peserta untuk menyediakan modal bagi menyertai program TKPM. Namun, terdapat peserta yang telah dicadangkan oleh pihak ketiga untuk menyertai program TKPM tetapi tidak berupaya menyediakan modal yang diperlukan. Notis peringatan juga telah dikeluarkan kepada peserta terlibat dan**

terdapat peserta yang mengemukakan rayuan untuk terus mengusahakan kawasan TKPM.

#### 2.4.2.2. Plot Kawasan Ternakan Tidak Disenggarakan

- Mengikut Perenggan 2(d) surat perjanjian, peserta dikehendaki menyenggara serta memastikan kawasan ternakan sentiasa berada dalam keadaan baik seperti dibersihkan dan di pagar bagi menjamin keselamatan haiwan ternakan. Lawatan Audit ke 12 kawasan TKPM di Daerah Muar, Segamat dan Ledang antara bulan Jun hingga Oktober 2013 mendapati sebahagian kawasan ternakan tidak diurus dengan sempurna kerana ditumbuhinya pokok liar dan dipenuhi semak samun. Antara kawasan ternakan yang tidak diurus sepenuhnya adalah seperti di **Gambar 2.4** hingga **Gambar 2.7**.

**Gambar 2.4**  
**Sebahagian Kawasan Ternakan Tidak Diusahakan Ditumbuhinya Pokok Liar**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: TKPM Kampung Tui, Muar  
Tarikh: 20 Jun 2013

**Gambar 2.5**  
**Kawasan Ternakan Tidak Diusahakan Ditumbuhinya Pokok Liar**




Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: TKPM Teluk Rimba, Ledang  
Tarikh: 9 Oktober 2013

**Gambar 2.6**  
**Kawasan Ternakan Dipenuhi Semak Samun**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: TKPM Kampung Tui, Muar  
Tarikh: 20 Jun 2013

**Gambar 2.7**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: TKPM Kesang Tasek, Ledang  
Tarikh: 9 Oktober 2013

- Temu bual dengan pegawai veterinar yang bertanggungjawab terhadap program TKPM menjelaskan kawasan ternakan tidak disenggarakan kerana terdapat peserta

menghadapi masalah kekurangan modal untuk menyenggarakan keseluruhan kawasan yang diperoleh serta plot kawasan ternakan sering dilanda banjir. Selain itu, sikap peserta yang kurang komited terhadap penternakan yang diusahakan mengakibatkan pengeluaran hasil ternakan terjejas.

- c. **Menurut maklum balas Jabatan bertarikh 30 Mac 2014, sebahagian kawasan TKPM tidak sesuai untuk aktiviti penternakan disebabkan berada di kawasan banjir dan berbukit tinggi.**

#### 2.4.2.3. Kawasan Tanah TKPM Diceroboh

- a. Pengusaha atau individu yang berminat untuk menternak di kawasan TKPM hendaklah mengikut syarat dan proses yang ditetapkan seperti membuat permohonan, menyediakan kertas kerja serta menghadiri sesi temu duga sebelum menerima surat tawaran dan kelulusan oleh Jabatan. Lawatan Audit ke TKPM Balai Badang, Segamat pada bulan Ogos 2013 mendapati 4 kawasan ternakan di TKPM berkenaan telah diceroboh oleh 4 orang individu yang bukan peserta TKPM. Salah seorang daripadanya telah menanam anggaran 50 batang pokok kelapa sawit yang kini berusia antara 5 hingga 6 tahun, 200 batang pokok getah berusia lebih kurang 4 tahun serta menternak kerbau. Temu bual Audit dengan pegawai veterinar mendapati pencerobohan tersebut berlaku di kawasan ternakan bagi seorang peserta TKPM yang telah ditamatkan perjanjian pada 17 Mei 2013 kerana tidak menjalankan aktiviti penternakan. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati individu terbabit masih belum membuat permohonan kepada Jabatan. Manakala baki 3 orang individu lagi telah menceroboh kawasan TKPM yang belum dibuat pengagihan kepada peserta baru dengan menternak lembu dan kerbau di 3 kawasan yang berlainan. Pihak Audit difahamkan 2 daripada 3 individu berkenaan telah mengemukakan permohonan untuk mengusahakan kawasan tersebut kepada pihak Jabatan. Keadaan kawasan TKPM Balai Badang, Segamat yang telah diceroboh adalah seperti di **Gambar 2.8** hingga **Gambar 2.10**.



**Gambar 2.8**  
**Penternakan Lembu Tanpa**  
**Kelulusan Di Kawasan TKPM**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: TKPM Balai Badang, Segamat  
Tarikh: 26 Ogos 2013

**Gambar 2.9**  
**Kawasan TKPM Diceroboh Dan**  
**Ditanam Pokok Kelapa Sawit**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: TKPM Balai Badang, Segamat  
Tarikh: 26 Ogos 2013

**Gambar 2.10**  
**Kawasan TKPM Diceroboh Dan**  
**Ditanam Pokok Getah**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: TKPM Balai Badang, Segamat  
Tarikh: 26 Ogos 2013

- b. Berdasarkan maklum balas Jabatan bertarikh 30 Mac 2014, pada awalnya Jabatan tidak dapat memastikan pencerobohan tersebut berlaku sama ada di kawasan TKPM Balai Badang, Segamat atau di kawasan tanah bersebelahan milik persendirian. Selepas pengukuran persempadanan dilakukan pada akhir tahun 2013, didapati pencerobohan tersebut berlaku di atas tanah TKPM dan Jabatan telah mencadangkan kesemua individu terlibat supaya memohon menyertai program TKPM.
- c. Sementara itu, lawatan Audit ke TKPM Teluk Rimba, Ledang mendapati seorang individu sedang menternak 50 ekor lembu di kawasan TKPM berkenaan yang masih belum dibuat pengagihan kepada peserta baru seperti di **Gambar 2.11**. Hasil temu bual Audit dengan individu terbabit mendapati beliau telah mengusahakan kawasan yang diceroboh melebihi 5 tahun. Bagaimanapun, permohonan untuk mengusahakan kawasan tersebut hanya dibuat pada bulan Mei 2013. Pihak Audit mendapati pencerobohan kawasan TKPM berlaku disebabkan pemantauan yang dilaksanakan oleh pihak Jabatan adalah kurang berkesan. Keadaan ini mengakibatkan objektif utama program TKPM bagi memastikan aktiviti penternakan yang terancang dan terkawal tidak tercapai.



**Gambar 2.11**  
**Penternakan Lembu Tanpa**  
**Kelulusan Di Kawasan TKPM**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: TKPM Teluk Rimba, Ledang  
Tarikh: 9 Oktober 2013

- d. **Menurut maklum balas Jabatan bertarikh 30 Mac 2014, individu yang menceroboh TKPM Teluk Rimba, Ledang diberi tawaran menyertai program TKPM dan surat perjanjian telah ditandatangani.**

#### **2.4.2.4. Kawasan TKPM Ditanam Pokok Kelapa Sawit**

- a. Mengikut Perenggan 1(b) surat perjanjian, penggunaan tanah TKPM adalah dikhaskan untuk projek ternakan. Manakala Perenggan 2(l) surat perjanjian pula menetapkan peserta tidak dibenarkan menanam apa-apa tanaman kekal atau komersial dalam kawasan tanah TKPM kecuali setelah mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor. Selain itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor (MMK) yang bermesyuarat pada 15 Februari 2012 telah memutuskan perkara seperti berikut:
- i. Semua tanaman kelapa sawit di kawasan TKPM tanpa mengira usia pokok hendaklah dimusnahkan bagi memaksimumkan penggunaan tanah dalam sektor penternakan.
  - ii. Dibenarkan tanaman 5 batang pokok kelapa sawit seekar sebagai pokok teduhan manakala baki pokok kelapa sawit yang lain perlu ditebang.
  - iii. Sekiranya peserta melanggar syarat ditetapkan, Jabatan hendaklah mengambil tindakan segera menamatkan surat perjanjian dan membuat pemilihan peserta baru. Kerja pemusnahan pokok kelapa sawit tersebut perlu ditanggung oleh peserta TKPM yang baru.
  - iv. Bagi peserta yang melaksanakan penternakan mengikut syarat perjanjian tetapi menanam pokok kelapa sawit melebihi 5 batang pokok seekar, Jabatan hendaklah mengeluarkan arahan kepada peserta supaya menebang sendiri pokok kelapa sawit yang melebihi 5 batang seekar berkenaan dalam tempoh ditetapkan.
- b. Semakan Audit terhadap laporan pemantauan pada tahun 2012 mendapati seramai 35 peserta atau 27.1% daripada 129 peserta TKPM di Daerah Muar, Segamat dan Ledang telah melanggar syarat perjanjian ditetapkan kerana menanam pokok kelapa sawit melebihi 5 batang dan tanaman kontan seperti pokok pisang, ubi tapai, limau kasturi dan nanas serta tanaman buah-buahan seperti betik di kawasan TKPM seperti di **Jadual 2.6**.

Jadual 2.6

Tanaman Pokok Kelapa Sawit Dan Tanaman Kontan  
Di TKPM Daerah Muar, Segamat Dan Ledang Pada Tahun 2012

Bil.	Daerah	Jumlah Peserta	Jumlah Peserta Melanggar Syarat Perjanjian	Jenis Tanaman
1.	Muar	59	21	Kelapa sawit, pisang, limau kasturi, nanas, keladi, jambu batu dan betik
2.	Segamat	60	9	Kelapa sawit
3.	Ledang	10	5	Kelapa sawit, ubi tapai dan pisang
<b>Jumlah</b>		<b>129</b>	<b>35</b>	

Sumber: Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Muar, Segamat Dan Ledang

- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati peserta yang melanggar syarat perjanjian berkenaan telah diberi surat peringatan supaya memusnahkan tanaman tersebut. Jabatan juga telah mengeluarkan Notis Pelanjutan Perjanjian pada bulan Ogos 2012 kepada peserta yang melanggar syarat supaya memusnahkan pokok kelapa sawit berkenaan dalam tempoh 2 bulan dan dibenarkan hanya 5 batang pokok seekar ditinggalkan untuk dijadikan pokok teduhan. Sekiranya peserta gagal memusnahkan pokok kelapa sawit tersebut, Jabatan boleh mengambil tindakan menamatkan perjanjian peserta terbabit sebagaimana dinyatakan di Perenggan 5 dalam surat perjanjian.
- d. Bagaimanapun, lawatan Audit ke TKPM di Daerah Muar, Segamat dan Ledang mendapati peserta terlibat tidak memusnahkan pokok kelapa sawit sebagaimana yang telah diarahkan. Selain itu, terdapat 13 peserta TKPM di ketiga-tiga daerah berkenaan yang tidak memusnahkan pokok kelapa sawit telah diberi penyambungan semula perjanjian secara bersyarat di mana pokok tersebut hendaklah ditebang memandangkan peserta masih mengusahakan ternakan di kawasan TKPM. Temu bual Audit dengan pegawai veterinar dan peserta TKPM mendapati pokok kelapa sawit tersebut tidak dimusnahkan kerana telah mengeluarkan hasil serta kos untuk menebang pokok kelapa sawit berkenaan adalah tinggi. Peserta TKPM juga telah mengemukakan rayuan bagi menambah bilangan pokok kelapa sawit melebihi daripada 5 pokok kelapa sawit seekar kerana bilangan pokok yang dibenarkan tidak mencukupi untuk ternakan lembu berteduh terutamanya ketika musim kemarau. Namun begitu, pihak Jabatan memaklumkan kesemua peserta TKPM yang melanggar syarat telah dikeluarkan notis dan peringatan secara lisan diberikan dari semasa ke semasa supaya memusnahkan tanaman kelapa sawit berkenaan. Contoh tanaman pokok kelapa sawit di kawasan TKPM yang masih belum dimusnahkan adalah seperti di **Gambar 2.12** dan **Gambar 2.13**.

**Gambar 2.12**

**Pokok Kelapa Sawit Belum Dimusnahkan  
Kerana Telah Mengeluarkan Hasil**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: TKPM Lubuk Bakul, Muar  
Tarikh: 20 Jun 2013

**Gambar 2.13**

**Pokok Kelapa Sawit Di Kawasan TKPM  
Belum Dimusnahkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: TKPM Lubuk Bakul, Muar  
Tarikh: 20 Jun 2013

- e. Sementara itu, lawatan Audit ke TKPM Redong, Segamat pada bulan Ogos 2013 mendapati sebanyak 2 plot kawasan di TKPM berkenaan yang telah diagihkan kepada 2 peserta pada tahun 2007 dan 2009 mempunyai anggaran 500 pokok kelapa sawit berusia lebih kurang 12 tahun. Tinjauan Audit mendapati kesemua pokok kelapa sawit berkenaan ditanam oleh peserta TKPM terdahulu yang telah ditamatkan perjanjian oleh Jabatan. Bagaimanapun, didapati kedua-dua peserta baru terbabit masih belum memusnahkan pokok kelapa sawit berkenaan sebagaimana yang ditetapkan iaitu melebihi tempoh 4 tahun. Keadaan pokok kelapa sawit sedia ada semasa peserta menyertai program TKPM Redong, Segamat tetapi masih belum dimusnahkan sehingga kini adalah seperti di **Gambar 2.14** dan **Gambar 2.15**. Pemantauan yang kurang berkesan oleh pihak Jabatan terhadap kawasan TKPM yang ditanam pokok kelapa sawit ini menyebabkan peserta TKPM kurang fokus terhadap bidang penternakan. Keadaan ini mengakibatkan tanah di kawasan TKPM tidak dapat digunakan secara optimum untuk penternakan.

**Gambar 2.14**

**Pokok Kelapa Sawit Sedia Ada Di Kawasan TKPM Yang Belum Dimusnahkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: TKPM Redong, Segamat  
Tarikh: 27 Ogos 2013

**Gambar 2.15**

**Pokok Kelapa Sawit Sedia Ada Di Kawasan TKPM Yang Belum Dimusnahkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: TKPM Redong, Segamat  
Tarikh: 27 Ogos 2013

- f. Menurut maklum balas Jabatan bertarikh 30 Mac 2014, tindakan penguatkuasaan telah diambil dan Jabatan akan melantik syarikat untuk kerja pemusnahan pokok kelapa sawit bergantung kepada kelulusan peruntukan oleh Kerajaan Negeri.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan program TKPM adalah kurang memuaskan kerana terdapat kawasan ternakan yang tidak diusahakan, terbiar dan dipenuhi semak samun. Selain itu, terdapat kes pencerobohan serta tanaman pokok kelapa sawit di kawasan TKPM.

#### **2.4.3. Kelemahan Kemudahan Prasarana Program TKPM**

**2.4.3.1.** Jabatan menyediakan kemudahan prasarana ladang kepada peserta program TKPM untuk menjalankan aktiviti penternakan. Antara kemudahan yang disediakan ialah jalan dan parit asas serta membuat pengukuran persempadanan kawasan TKPM mulai tahun 2012. Selain itu, Jabatan juga menyediakan bantuan peralatan kepada peserta TKPM dan peserta di luar kawasan program TKPM seperti mesin perincih rumput ternakan, tiang batu dan kawat duri, bantuan baja, benih rumput serta penanaman rumput *napiere* seluas 0.5 hingga 2.0 hektar bagi memudahkan peserta menjalankan aktiviti penternakan. Di samping itu, Jabatan juga memberikan latihan cara pengurusan dan pemakanan ternakan kepada peserta. Semakan Audit mendapati Jabatan telah membelanjakan sejumlah RM2.73 juta daripada peruntukan yang diterima bagi tahun 2011 hingga 2013 untuk membiayai kemudahan prasarana program TKPM.

##### **a. Jalan Masuk TKPM Tidak Sempurna**

- i. Semakan Audit mendapati sejumlah RM0.41 juta telah dibelanjakan bagi membina dan menyenggara jalan ladang iaitu di kawasan TKPM Ulu Bakri dan TKPM Lubuk Bakul di Muar, TKPM Tungku Tiga di Segamat, TKPM Kampung Lukut di Kota Tinggi, TKPM Kahang Barat dan TKPM Kahang di Kluang serta TKPM Sungai Mengkuang dan TKPM Pengkalan Batu di Mersing bagi tahun 2011 hingga 2013. Bagaimanapun, lawatan Audit ke 12 TKPM di Daerah Muar, Segamat dan Ledang mendapati tiada jalan masuk dibina di TKPM Balai Badang, Segamat. Peserta terpaksa menggunakan jalan dalam kawasan ladang estet berhampiran sebagai laluan keluar masuk seperti di **Gambar 2.16** dan **Gambar 2.17**.

**Gambar 2.16**

Jalan Dalam Kawasan Ladang Digunakan Untuk Ke Kawasan Ternakan



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: TKPM Balai Badang, Segamat  
Tarikh: 26 Ogos 2013

**Gambar 2.17**

Jalan Masuk TKPM Balai Badang Menggunakan Jalan Ladang Persendirian



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: TKPM Balai Badang, Segamat  
Tarikh: 26 Ogos 2013

- ii. Selain itu, lawatan Audit juga mendapati jalan masuk ke TKPM Kampung Tui, Muar adalah tidak sempurna di mana jalan tanah merah tidak disenggara seperti di **Gambar 2.18** dan **Gambar 2.19**. Pihak Audit mendapati kekangan peruntukan menyebabkan Jabatan hanya dapat membina dan menyenggara jalan di kawasan TKPM mengikut keperluan dan keutamaan. Ketiadaan jalan masuk yang sempurna menyebabkan peserta mengalami kesukaran untuk mengusahakan kawasan ternakan dan membawa keluar hasil ternakan.

**Gambar 2.18**

Jalan Masuk Tidak Disenggara Dengan Sempurna



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: TKPM Kampung Tui, Muar  
Tarikh: 20 Jun 2013

**Gambar 2.19**

Jalan Masuk Tidak Disenggara Dengan Sempurna



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: TKPM Kampung Tui, Muar  
Tarikh: 20 Jun 2013

- iii. **Menurut maklum balas Jabatan bertarikh 30 Mac 2014, sebahagian besar kawasan TKPM adalah terpencil dan jauh di pedalaman. Oleh itu, jalan masuk ke kawasan TKPM perlu melalui jalan sedia ada kerana Jabatan tidak mempunyai peruntukan khusus dan mencukupi untuk membina jalan masuk serta menyenggara jalan.**

**b. Kawasan TKPM Sering Dilanda Banjir**

- i. Sistem pengairan dan saliran yang sistematik dan efisien merupakan aspek penting dalam melaksanakan program TKPM. Semakan Audit mendapati sejumlah RM0.09 juta telah dibelanjakan bagi pembinaan perparitan di kawasan TKPM bagi tempoh 3 tahun. Bagaimanapun, temu bual Audit dengan peserta semasa lawatan Audit ke 12 kawasan TKPM di Daerah Muar, Segamat dan Ledang mendapati sebanyak 8 TKPM sering dilanda banjir dan keadaan ini menjelaskan prestasi ternakan peserta. Kawasan TKPM yang kerap dilanda banjir adalah seperti di **Jadual 2.7**.

**Jadual 2.7**  
**Kawasan TKPM Yang Kerap Dilanda Banjir**

Bil.	Nama TKPM	Daerah
1.	TKPM Kampung Tui	Muar
2.	TKPM Tungku Tiga	
3.	TKPM Redong	Segamat
4.	TKPM Balai Badang	
5.	TKPM Bangas	
6.	TKPM Teluk Rimba	Ledang
7.	TKPM Durian Chondong	
8.	TKPM Kesang Tasek	

Sumber: Hasil Temu Bual Audit Dengan Peserta TKPM

- ii. Pemeriksaan Audit mendapati 8 TKPM berkenaan sering dilanda banjir disebabkan kawasan tanah yang terlalu rendah dan mudah dinaiki air selain terletak berhampiran dengan sungai. Di samping itu, mendapan tanah akibat hakisan tebing sungai berdekatan menyebabkan kawasan ternakan ditenggelami air sungai sekiranya berlaku hujan lebat atau musim banjir. Perkara ini mengakibatkan peserta terpaksa mengalihkan ternakan yang diusahakan ke tempat selamat dan menanggung kerugian kerana ternakan mati. Tanaman rumput *napier* yang diusahakan oleh peserta juga turut terjejas kerana air bertakung di dalam kawasan penternakan. Contoh keadaan kawasan TKPM yang sering dilanda banjir adalah seperti di **Gambar 2.20** dan **Gambar 2.21**.

**Gambar 2.20**  
**Kawasan Ternakan Berhampiran Dengan Anak Sungai**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: TKPM Kampung Tui, Muar  
Tarikh: 20 Jun 2013

**Gambar 2.21**  
**Hakisan Tebing Sungai Di Kawasan Ternakan Peserta**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: TKPM Bangas, Segamat  
Tarikh: 27 Ogos 2013

- iii. **Berdasarkan maklum balas Jabatan bertarikh 30 Mac 2014, kebanyakan kawasan TKPM yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri adalah terpencil dan bermasalah kerana berdekatan dengan sungai, paya serta sering dinaiki air apabila hujan.**

**c. Pertindihan Keluasan Kawasan Ternakan Selepas Pengukuran Semula**

- i. Semakan Audit mendapati peserta yang berjaya dipilih menyertai program TKPM dikehendaki melantik sendiri juruukur berlesen bagi membuat kerja pengukuran kawasan ternakan sebelum surat perjanjian ditandatangani. Bagaimanapun, mulai tahun 2012, Jabatan telah melantik juruukur berlesen supaya membuat pengukuran semula kawasan TKPM serta pecahan plot kawasan ternakan peserta bagi mendapatkan ukuran keluasan kawasan sebenar yang lebih tepat. Pada tahun 2011 hingga 2013, sejumlah RM0.84 juta telah dibelanjakan untuk membiayai bayaran juruukur berlesen bagi kerja pengukuran, pembahagian plot, penandaan sempadan dan penyediaan pelan yang melibatkan kawasan TKPM di Daerah Muar, Segamat, Ledang, Kluang, Kota Tinggi dan Mersing.
- ii. Lawatan Audit ke beberapa kawasan TKPM di Daerah Muar, Segamat dan Ledang yang telah selesai dibuat pengukuran semula mendapati pengukuran kawasan ternakan yang dibuat oleh peserta asal adalah kurang tepat dan tidak menyeluruh. Selain itu, didapati pembahagian asal pecahan plot kawasan ternakan yang dibuat oleh Jabatan adalah tidak sistematik. Ini kerana selepas pengukuran semula dilakukan, terdapat sebahagian tanah seorang peserta di TKPM Tebing Tinggi, Segamat yang diluluskan seluas 8 hektar bertindih dengan tanah bersebelahan milik individu persendirian. Keadaan sebahagian kawasan tanah yang bertindih dan mempunyai pokok kelapa sawit yang ditanam oleh pemilik asal tanah berkenaan adalah seperti di **Gambar 2.22** dan **Gambar 2.23**. Temu bual Audit dengan peserta terbabit mendapati rundingan dengan pemilik

tanah asal sedang dibuat sebelum menebang pokok kelapa sawit yang berada di kawasan ternakan berkenaan.

**Gambar 2.22**  
**Kayu Sempadan Selepas Pengukuran**  
**Semula Kawasan TKPM**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: TKPM Tebing Tinggi, Segamat  
Tarikh: 26 Ogos 2013

**Gambar 2.23**  
**Sebahagian Kawasan TKPM Bertindih**  
**Dengan Tanah Bersebelahan Milik**  
**Persendirian**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: TKPM Tebing Tinggi, Segamat  
Tarikh: 26 Ogos 2013

- iii. Selain itu, semakan Audit mendapati TKPM Kesang Tasek, Ledang mempunyai kawasan ternakan seluas 11.5 hektar dan diusahakan oleh seorang peserta. Selepas pengukuran semula dibuat, pihak Jabatan mendapati luas kawasan sebenar TKPM Kesang Tasek, Ledang adalah 24.4 hektar dan boleh dibahagikan kepada 3 plot kawasan ternakan. Bagaimanapun, baki kawasan tanah sebenar iaitu seluas 12.9 hektar yang terletak bersebelahan tanah TKPM merupakan kawasan sawah padi dan diusahakan oleh peserta di bawah program Jabatan Pertanian Negeri Johor melebihi tempoh 5 tahun. Menurut Jabatan, perbincangan mengenainya sedang dibuat bagi mencari jalan penyelesaian. Keadaan kawasan sawah padi di kawasan TKPM Kesang Tasek, Ledang adalah seperti di **Gambar 2.24**. Pertindihan kawasan dengan pokok kelapa sawit dan sawah padi ini mengakibatkan kawasan TKPM tidak dapat digunakan untuk aktiviti penternakan.

**Gambar 2.24**  
**Kayu Sempadan Selepas Pengukuran Semula Kawasan TKPM**  
**Terletak Di Kawasan Sawah Padi**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: TKPM Kesang Tasek, Ledang  
Tarikh: 9 Oktober 2013

- iv. **Menurut maklum balas Jabatan bertarikh 30 Mac 2014, Jabatan akan mengambil tindakan mengemas kini kawasan yang bertindih di TKPM Tebing Tinggi, Segamat mengikut keluasan sebenar selepas pengukuran semula dibuat. Manakala bagi kawasan di TKPM Kesang Tasek, Ledang, Jabatan bercadang untuk menyerahkan kawasan tersebut kepada Jabatan Pertanian Negeri Johor memandangkan kawasan berkenaan telah diusahakan dengan tanaman padi.**

Pada pendapat Audit, pengurusan kemudahan prasarana program TKPM adalah kurang memuaskan kerana tiada jalan masuk ke kawasan TKPM dan berlaku pertindihan keluasan kawasan ternakan TKPM selepas pengukuran semula dibuat.

#### **2.4.4. Kelemahan Pengurusan Surat Perjanjian**

##### **2.4.4.1. Syarat Dalam Surat Perjanjian Tidak Lengkap**

- a. Surat perjanjian merupakan dokumen perundangan yang sah dan peserta TKPM perlu menandatangani surat perjanjian sebelum mengusahakan kawasan ternakan bagi melindungi kepentingan Kerajaan Negeri. Semakan Audit mendapati sebanyak 120 surat perjanjian telah dikeluarkan kepada peserta TKPM di Daerah Muar, Segamat dan Ledang pada tahun 2012. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati beberapa perkara penting tidak diliputi dalam surat perjanjian yang ditandatangani antara pihak Jabatan dengan peserta program TKPM seperti berikut:
  - i. Sasaran pengeluaran ternakan yang perlu dihasilkan oleh peserta mengikut tempoh masa ditetapkan berdasarkan keluasan tanah tidak diperincikan dengan jelas.

- ii. Tempoh peserta perlu mula mengusahakan kawasan ternakan dari tarikh surat perjanjian ditandatangani tidak ditetapkan.
  - iii. Tarikh peserta perlu membayar sewa tahunan mengikut keluasan dan kategori penternakan iaitu secara tradisional sebanyak RM25 sehektar setahun dan komersial sebanyak RM50 sehektar setahun tidak dinyatakan.
- b. Ketiadaan syarat seperti di atas menyebabkan peserta tidak komited mengusahakan kawasan ternakan kerana sasaran pengeluaran tidak ditetapkan oleh Jabatan. Selain itu, kelewatan peserta untuk mengusahakan kawasan ternakan selepas surat perjanjian ditandatangani telah mengakibatkan kawasan TKPM terbiar serta penggunaan tanah tidak dapat dimaksimumkan untuk penternakan.
- c. **Berdasarkan maklum balas Jabatan bertarikh 30 Mac 2014, Jabatan tidak mengambil kira secara menyeluruh perkara-perkara tersebut di peringkat perancangan pelaksanaan program TKPM. Jabatan mengakui syarat dalam surat perjanjian agak longgar kerana ingin menarik lebih ramai bilangan peserta menyertai program TKPM di peringkat awal.**

#### **2.4.4.2. Kelewatan Proses Penamatan Peserta TKPM**

- a. Mengikut Perenggan 3 surat perjanjian, sekiranya peserta gagal untuk memajukan atau melaksanakan projek ternakan atau ingkar mematuhi syarat perjanjian ditetapkan, Kerajaan Negeri berhak menamatkan perjanjian dengan memberikan notis satu bulan secara bertulis kepada peserta. Semakan Audit mendapati proses penamatan 17 peserta TKPM di Daerah Muar yang tidak aktif mengambil masa antara 5 hingga 6 bulan iaitu dari notis pembangunan terakhir dikeluarkan sehingga peserta ditamatkan Manakala bagi TKPM di Daerah Segamat dan Ledang, pihak Audit tidak dapat menentukan tempoh kelewatan dalam proses penamatan 10 peserta yang tidak aktif kerana tiada notis pembangunan atau surat peringatan dikeluarkan sebelum peserta ditamatkan. Bagaimanapun, menurut pegawai veterinar Daerah Segamat, arahan secara lisan telah diberikan dari semasa ke semasa kepada peserta terlibat supaya membangunkan kawasan ternakan sebelum perjanjian ditamatkan. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 2.8**.

**Jadual 2.8**

**Kelewatan Proses Penamatan Peserta TKPM**

Bil.	Nama Peserta	TKPM	Tarikh Notis Pembangunan	Tarikh Notis Penamatan	Tempoh (Bulan)
<b>Daerah Muar</b>					
1.	Peserta 1 *	TKPM Lubuk Bakul	28 Mac 2012	27 Ogos 2012	5
2.	Peserta 2		17 Februari 2012	27 Ogos 2012	6
3.	Peserta 3 *		28 Mac 2012	27 Ogos 2012	5
4.	Peserta 4 *		28 Mac 2012	27 Ogos 2012	5
5.	Peserta 5 *		28 Mac 2012	27 Ogos 2012	5
6.	Peserta 6		17 Februari 2012	27 Ogos 2012	6
7.	Peserta 1	TKPM Ulu Bakri	17 Februari 2012	27 Ogos 2012	6
8.	Peserta 2		17 Februari 2012	27 Ogos 2012	6
9.	Peserta 1	TKPM Tulang Gajah	28 Mac 2012	27 Ogos 2012	5
10.	Peserta 2		28 Mac 2012	27 Ogos 2012	5
11.	Peserta 3		28 Mac 2012	27 Ogos 2012	5
12.	Peserta 4		28 Mac 2012	27 Ogos 2012	5
13.	Peserta 1	TKPM Kampung Tui	28 Mac 2012	27 Ogos 2012	5
14.	Peserta 2		28 Mac 2012	27 Ogos 2012	5
15.	Peserta 3 *		28 Mac 2012	27 Ogos 2012	5
16.	Peserta 4		28 Mac 2012	27 Ogos 2012	5
17.	Peserta 5		28 Mac 2012	27 Ogos 2012	5
<b>Daerah Segamat</b>					
18.	Peserta 1	TKPM Kepoh	Tiada maklumat	27 Ogos 2012	-
19.	Peserta 1	TKPM Bangas	Tiada maklumat	17 Mei 2013	-
20.	Peserta 2		Tiada maklumat	27 Ogos 2012	-
21.	Peserta 3		Tiada maklumat	27 Ogos 2012	-
22.	Peserta 4		Tiada maklumat	27 Ogos 2012	-
23.	Peserta 5		Tiada maklumat	27 Ogos 2012	-
24.	Peserta 1	TKPM Pogoh II	Tiada maklumat	17 Mei 2013	-
25.	Peserta 1	TKPM Balai Badang	Tiada maklumat	13 September 2012	-
26.	Peserta 2		Tiada maklumat	20 September 2012	-
<b>Daerah Ledang</b>					
27.	Peserta 1	TKPM Durian Chondong	Tiada maklumat	27 Ogos 2012	-

Sumber: Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Muar, Segamat Dan Ledang

Nota: \* - Tempoh Penamatan Perjanjian Peserta Dilanjutkan

- b. Berdasarkan **Jadual 2.8**, semakan Audit mendapati seramai 4 peserta di TKPM Lubuk Bakul, Muar dan seorang peserta di TKPM Kampung Tui, Muar yang ditamatkan perjanjian telah diberi tempoh lanjutan penamatan perjanjian iaitu sehingga 31 Disember 2013 selepas mengemukakan rayuan kepada Jabatan. Pihak Audit mendapati peserta yang tidak aktif mengusahakan kawasan ternakan lewat ditamatkan dari program TKPM kerana Jabatan masih memberi peluang kepada peserta berkenaan untuk meneruskan aktiviti penternakan. Selain itu, Jabatan juga mempertimbangkan rayuan yang dikemukakan kerana mengambil kira kos yang ditanggung oleh peserta bagi membersihkan kawasan TKPM di peringkat awal kemasukan. Kesannya, kawasan ternakan yang disediakan oleh Jabatan tidak dapat digunakan sepenuhnya bagi mencapai objektif TKPM.
  
- c. **Menurut maklum balas Jabatan bertarikh 30 Mac 2014, walaupun tempoh proses penamatan 10 peserta yang tidak aktif di TKPM di Daerah Segamat dan Ledang tidak dapat ditentukan, seramai 8 peserta tersebut telah ditamatkan**

perjanjian. Manakala seorang peserta telah ditukar milik dan baki seorang peserta lagi diberi lanjutan tempoh untuk penambahbaikan.

#### 2.4.4.3. Kutipan Dan Tuggakan Sewa TKPM

Mengikut Perenggan 2(n) surat perjanjian, semua peserta TKPM diwajibkan membayar sewa tahunan mengikut keluasan dan kategori penternakan iaitu secara tradisional sebanyak RM25 sehektar setahun dan komersial sebanyak RM50 sehektar setahun. Semakan Audit terhadap kutipan dan tuggakan sewa adalah seperti berikut:

##### a. Prestasi Kutipan Dan Tuggakan Sewa TKPM

- i. Semakan Audit mendapati prestasi kutipan sewa tahunan bagi TKPM di Daerah Muar, Segamat dan Ledang dari mula perjanjian ditandatangani sehingga 31 Ogos 2013 adalah antara 27.0% hingga 85.1% seperti di **Jadual 2.9**.

**Jadual 2.9**

**Kutipan Dan Tuggakan Sewa TKPM Sehingga Bulan Ogos 2013**

Bil.	Daerah	Bilangan TKPM	Jumlah Peserta	Kutipan Sewa Tahunan				Tempoh Tuggakan
				Sepatut Terima (RM)	Telah Terima (RM)	Peratus Kutipan (%)	Jumlah Tuggakan (RM)	
1.	Muar	4	59	75,953	47,806	62.9	28,147	2007 - 2013
2.	Segamat	15	68	93,820	79,880	85.1	13,940	2009 - 2013
3.	Ledang	3	13	44,675	12,050	27.0	32,625	2007 - 2013
<b>Jumlah</b>		<b>22</b>	<b>140</b>	<b>214,448</b>	<b>139,736</b>	<b>65.2</b>	<b>74,712</b>	

Sumber: Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Muar, Segamat Dan Ledang

- ii. Semakan Audit selanjutnya mendapati sejumlah RM139,736 atau 65.2% bayaran sewa tahunan telah dikutip manakala sejumlah RM74,712 atau 34.8% masih lagi tertunggak sehingga kini. Tempoh tuggakan sewa adalah antara tahun 2007 hingga Ogos 2013. Pihak Audit mendapati surat peringatan ada dikeluarkan oleh Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Muar, Segamat dan Ledang bagi menuntut tuggakan bayaran sewa TKPM. Bagaimanapun, tiada bukti menunjukkan surat peringatan ada dikeluarkan kepada seorang peserta di TKPM Teluk Rimba, Ledang yang mempunyai tuggakan berjumlah RM20,505 sejak tahun 2009 hingga bulan Ogos 2013. Temu bual Audit dengan pegawai Jabatan mendapati antara sebab peserta TKPM tidak membayar sewa tahunan adalah kerana peserta menghadapi kekurangan modal pusingan projek dan terdapat peserta yang tidak aktif dalam ternakan. Kesannya, tuggakan sewa tahunan telah meningkat setiap tahun serta mendatangkan kerugian hasil kepada Kerajaan Negeri.
- iii. **Menurut maklum balas Jabatan bertarikh 30 Mac 2014, terdapat peserta TKPM yang ditamatkan perjanjian tetapi masih mempunyai tuggakan sewa. Jabatan juga telah mengeluarkan notis peringatan kepada peserta bagi menuntut tuggakan sewa.**

**Pada pendapat Audit, pengurusan peserta TKPM adalah kurang memuaskan kerana syarat dalam surat perjanjian tidak lengkap. Selain itu, kelewatan penamatan peserta boleh menjelaskan matlamat program TKPM untuk meningkatkan pengeluaran makanan.**

## **2.5. SYOR AUDIT**

Bagi menambah baik pelaksanaan program Program Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), adalah disyorkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor mengambil tindakan seperti berikut:

- 2.5.1.** Mengkaji semula pelaksanaan program TKPM dengan menyediakan pelan perancangan pembangunan jangka panjang bagi memastikan objektif asal program tercapai.
- 2.5.2.** Memastikan pokok kelapa sawit asal ditebang terlebih dahulu sebelum kawasan TKPM diagihkan kepada peserta yang baru.
- 2.5.3.** Memastikan surat perjanjian disediakan dengan lengkap dan mengkaji semula syarat perjanjian dengan memasukkan syarat berkaitan pencapaian ternakan, tempoh peserta perlu memulakan penternakan serta menjelaskan sewa.

# MAJLIS BANDAR RAYA JOHOR BAHRU

## MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGGAM

### 3. PENGURUSAN PEROLEHAN

#### 3.1. LATAR BELAKANG

**3.1.1.** Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dan Majlis Daerah Simpang Renggam (MDSR) merupakan 2 daripada 15 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Johor yang diwujudkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Setiap PBT bertanggungjawab terhadap pentadbiran, perancangan dan pembangunan kawasan operasi di bawah pentadbirannya. Pengurusan perolehan di Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dan Majlis Daerah Simpang Renggam (MDSR) diuruskan oleh Jabatan Kewangan masing-masing yang bertindak sebagai urus setia untuk memastikan pengurusan kewangan dan perakaunan dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selaras dengan Arahan Perbendaharaan dan peraturan kewangan yang ditetapkan.

**3.1.2.** MBJB telah dinaikkan taraf daripada Majlis Perbandaran pada tahun 1994 dan bertanggungjawab terhadap perancangan dan pembangunan Bandaraya Johor Bahru yang merangkumi kawasan seluas 220 kilometer persegi. MDSR pula yang sebelum ini dikenali sebagai Majlis Daerah Kluang Selatan ditubuhkan pada 1 Januari 2001 dan merangkumi kawasan seluas 879 kilometer persegi.

**3.1.3.** Bagi tahun 2011 hingga 2013, MBJB telah membelanjakan sejumlah RM275.52 juta manakala MDSR telah membelanjakan sejumlah RM40.93 juta bagi pembelian terus, sebut harga dan tender dengan menggunakan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Majlis sendiri. Butiran pecahan mengikut peruntukan dan kaedah perolehan adalah seperti di **Jadual 3.1** dan **Jadual 3.2** pula menunjukkan jumlah perbelanjaan untuk tujuan perolehan berbanding dengan jumlah peruntukan keseluruhan bagi tahun 2011 hingga 2013 untuk kedua-dua Majlis. Manakala pecahan perolehan mengikut kaedah perolehan iaitu pembelian terus, sebut harga dan tender bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 3.3**.

**Jadual 3.1**  
**Pecahan Perolehan Mengikut Peruntukan Di MBJB Dan MDSR Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

Bil.	Kaedah Perolehan	PBT	Pecahan Peruntukan			Jumlah (RM Juta)
			Persekutuan	Negeri	Majlis	
1.	Pembelian Terus	MBJB	-	14.84	54.51	69.35
		MDSR	2.20	1.41	2.41	6.02
2.	Sebut Harga	MBJB	16.56	49.40	58.76	124.72
		MDSR	8.50	20.28	0.06	28.84
3.	Tender	MBJB	9.05	36.22	36.18	81.45
		MDSR	3.0	2.0	1.07	6.07
Jumlah			39.31	124.15	152.99	316.45

Sumber: MBJB Dan MDSR

**Jadual 3.2**  
**Perbandingan Perbelanjaan Keseluruhan Dan Perbelanjaan Untuk Perolehan Di MBJB Dan MDSR Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

PBT	Tahun	Perbelanjaan Keseluruhan (RM Juta)	Perbelanjaan Perolehan (RM Juta)	Peratus (%)
MBJB	2011	211.57	81.95	38.7
	2012	228.88	78.96	34.5
	2013	255.88	114.61	44.8
<b>Jumlah</b>		<b>696.33</b>	<b>275.52</b>	<b>39.6</b>
MDSR	2011	26.63	8.52	40.0
	2012	30.89	19.77	64.0
	2013	28.68	12.64	44.1
<b>Jumlah</b>		<b>86.20</b>	<b>40.93</b>	<b>47.5</b>

Sumber: MBJB Dan MDSR

**Jadual 3.3**  
**Pecahan Mengikut Kaedah Perolehan Di MBJB Dan MDSR Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

PBT	Tahun	Pembelian Terus		Sebut Harga		Tender		Jumlah Bilangan Perolehan	Jumlah (RM Juta)
		Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)		
MBJB	2011	2,084	23.14	119	30.76	25	28.05	2,228	81.95
	2012	2,171	19.84	215	43.63	15	15.49	2,401	78.96
	2013	2,092	26.37	213	50.33	28	37.91	2,333	114.61
<b>Jumlah</b>		<b>6,347</b>	<b>69.35</b>	<b>547</b>	<b>124.72</b>	<b>68</b>	<b>81.45</b>	<b>6,962</b>	<b>275.52</b>
MDSR	2011	105	1.76	46	6.76	-	-	151	8.52
	2012	132	2.26	76	11.44	1	6.07	209	19.77
	2013	100	2.00	65	10.64	-	-	165	12.64
<b>Jumlah</b>		<b>337</b>	<b>6.02</b>	<b>187</b>	<b>28.84</b>	<b>1</b>	<b>6.07</b>	<b>525</b>	<b>40.93</b>

Sumber: MBJB Dan MDSR

### 3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan perolehan bekalan/perkhidmatan telah dirancang dan diuruskan dengan teratur, cekap dan berhemah bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

### 3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perolehan yang dilakukan dari tahun 2011 sehingga tahun 2013. Bagaimanapun, semakan bagi tahun terdahulu juga telah dilakukan bagi mendapatkan maklumat perolehan yang berkaitan dengan pengauditan. Pemeriksaan dijalankan terhadap rekod dan dokumen perolehan yang berkaitan serta aset yang diperoleh. Selain itu, lawatan ke tapak projek juga dilaksanakan dengan kerjasama pegawai dari MBJB dan MDSR. Temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab dan penduduk setempat telah dilakukan bagi mendapatkan maklum balas dan pengesahan.

### **3.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dilaksanakan antara bulan November 2013 hingga Februari 2014 mendapati tatacara perolehan secara sebut harga serta tender yang dilaksanakan di MBJB dan MDSR adalah memuaskan di mana perolehan telah dibuat mengikut kehendak Arahan Perbendaharaan, Akta Kerajaan Tempatan 1976, Pekeliling serta Surat Pekeliling berkaitan. Bagaimanapun, berlaku beberapa kelemahan di MBJB dan MDSR berkaitan pelaksanaan perolehan bangunan, gerai, serta pasar tidak digunakan sepenuhnya dan disenggara dengan sempurna. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- Kerja disiapkan melebihi tempoh yang ditetapkan.
- Kerja dilaksanakan tidak mengikut spesifikasi.
- Kualiti kerja pembinaan kurang memuaskan.
- Perolehan ditempatkan di lokasi yang kurang sesuai.
- Pembangunan Taman Ekologi terbiar dan tidak digunakan serta gerai dan pasar tiada penyewa.

#### **3.4.1. Prestasi Pelaksanaan Perolehan**

##### **3.4.1.1. Pemilihan Sebut Harga Dan Tender**

- a. Pelaksanaan perolehan oleh PBT dibuat berdasarkan peruntukan perbelanjaan tahunan mengikut keutamaan selain permohonan daripada orang awam dan Ahli Majlis. Arahan Perbendaharaan 193 dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 mengenai Had Nilai, Kuasa Dan Tanggungjawab Lembaga Perolehan Agensi telah menggariskan beberapa peraturan yang perlu dipatuhi semasa pemilihan kontraktor melalui tender, sebut harga atau perolehan terus. Antaranya perolehan hendaklah yang paling menguntungkan kerajaan berdasarkan faktor harga, perkhidmatan atau kegunaan barang, kualiti, kuantiti, tempoh siap-serahan, kos penyenggaraan dan faktor lain yang berkaitan. Bagi pemilihan kontraktor pula ianya hendaklah mengambil kira rekod kerja terdahulu, keupayaan teknikal dan kewangan, kerja semasa dalam tangan dan perlu berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).
- b. Semakan Audit terhadap 60 sampel sebut harga dengan kos projek berjumlah RM12.26 juta dan 10 sampel tender dengan kos projek berjumlah RM16.07 juta di MBJB mendapati peraturan pemilihan kontraktor bagi perolehan yang dibuat telah mematuhi kehendak dan peraturan ditetapkan. Laporan Siap Kerja dan Penilaian Kerja Kontraktor telah dilengkapkan dan difailkan dalam setiap fail mengikut projek perolehan yang dilaksanakan.
- c. Semakan Audit terhadap 56 sampel sebut harga dengan kos projek berjumlah RM10.04 juta dan satu tender dengan kos projek berjumlah RM6.07 juta di MDSR

pula mendapati secara umumnya peraturan pemilihan kontraktor bagi perolehan yang dibuat telah mematuhi kehendak dan peraturan ditetapkan. Bagaimanapun, pihak MDSR tidak membuat ulasan mengenai keupayaan teknikal dan kewangan kontraktor serta kedudukan kerja dalam tangan semasa membuat penilaian sebut harga. Asas pemilihan kontraktor yang berjaya hanya dinyatakan secara ringkas sahaja. Selain itu, MDSR hanya menyediakan Laporan Prestasi Kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor bagi sesetengah projek sahaja dan bukan bagi setiap projek yang dilaksanakan di MDSR. Laporan Prestasi Kerja perlu diselenggarakan bagi memudahkan pemantauan dan penilaian bagi pemilihan kontraktor pada masa hadapan.

**Pada pendapat Audit tatacara perolehan secara sebut harga serta tender di MBJB dan MDSR adalah memuaskan kerana telah mematuhi kehendak dan peraturan yang ditetapkan. Bagaimanapun, MDSR perlu mengambil kira keupayaan teknikal dan kedudukan kewangan kontraktor semasa membuat penilaian sebut harga dan tender.**

#### **3.4.1.2. Pelaksanaan Perolehan**

- a. Perancangan setiap perolehan hendaklah dibuat dengan teliti dan pelaksanaan projek oleh Majlis perlu disempurnakan mengikut tempoh yang telah ditetapkan serta mengikut syarat-syarat lain yang terkandung dalam dokumen kontrak. Klausu mengenai denda (LAD) dan cara Kerajaan memperolehnya hendaklah dinyatakan dalam dokumen kontrak jika kontraktor gagal memenuhi obligasi kontrak.
- b. Semakan Audit mendapati sebanyak 17 atau 18.3% daripada 93 projek MBJB disiapkan dengan lanjutan masa yang diluluskan. Manakala di MDSR sebanyak 10 atau 6.2% projek siap selepas tempoh lanjutan masa diluluskan dan sebanyak 80 atau 49.4% daripada 162 projek disiapkan lewat daripada tarikh yang ditetapkan dan tanpa memohon lanjutan masa. Tempoh kelewatan kerja disiapkan melebihi lanjutan masa yang dibenarkan adalah antara 9 hingga 167 hari dengan kos projek berjumlah RM2.22 juta manakala tempoh kelewatan kerja disiapkan melebihi masa yang ditetapkan tanpa memohon lanjutan masa adalah antara 4 hingga 276 hari dengan kos projek berjumlah RM8.99 juta. Semakan Audit juga mendapati MDSR tidak memasukkan klausu mengenai LAD dalam kontrak kerja yang dilaksanakan menyebabkan tiada denda boleh dikutip daripada kontraktor yang lewat menyiapkan projek. Prestasi pelaksanaan projek di MBJB dan MDSR adalah seperti di **Jadual 3.4.**

**Jadual 3.4****Prestasi Pelaksanaan Projek Di MBJB Dan MDSR Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

Bil.	PBT	Bilangan Sampel Projek	Jumlah Kos (RM Juta)	Status Projek (Bilangan)			
				Siap Dalam Tempoh	Siap Dengan Lanjutan Masa	Siap Kerja Melebihi Lanjutan Masa	Siap Melebihi Tempoh Yang Ditetapkan*
1.	MBJB	93	23.53	76	17	-	-
2.	MDSR	162	19.14	70	2	10	80
<b>Jumlah</b>		<b>255</b>	<b>42.67</b>	<b>146</b>	<b>19</b>	<b>10</b>	<b>80</b>

Sumber: MBJB Dan MDSR

Nota: \* - Tiada Lanjutan Masa

- c. Tempoh Tanggungan Kecacatan yang ditetapkan dalam Sijil Perakuan Siap Kerja hendaklah bermula daripada tarikh sebenar kerja disiapkan. Sebarang kerosakan atau kecacatan terhadap kerja yang telah disiapkan perlu dipertanggungjawabkan kepada pihak kontraktor. Semakan Audit terhadap dokumen pembayaran bagi projek kerja yang dilaksanakan di MDSR mendapati Tarikh Tanggungan Kecacatan ditetapkan bermula daripada tarikh jangkaan kerja sepatutnya siap sedangkan dalam beberapa kes tarikh sebenar kerja disiapkan adalah melewati tarikh jangkaan siap. Kelewatan berlaku antara 5 hari hingga 275 hari melibatkan 49 kerja dengan kos berjumlah RM5.07 juta. Oleh itu MDSR akan terpaksa mengeluarkan perbelanjaan sendiri untuk membaiki kerosakan, jika berlaku kerosakan/kecacatan setelah projek siap kerana tempoh tanggungan kecacatan telah tamat lebih awal.
- d. MDSR sedang melaksanakan projek pembinaan sebuah Dewan Serbaguna Simpang Renggam di sebahagian Lot 9130, Mukim Renggam, Daerah Kluang dengan kos berjumlah RM6.07 juta. Pembinaan dijangka mengambil masa 16 bulan dan telah dimulakan sejak 17 Disember 2012 serta dijangka siap pada 16 April 2014. Semakan Audit mendapati sehingga 10 April 2014 projek ini telah lewat 32% atau sebanyak 132 hari daripada jadual yang ditetapkan. Kerja memasang bumbung seharusnya dilaksanakan pada 9 Februari 2014 tetapi sehingga 10 April 2014 kerja yang telah dilaksanakan masih di peringkat pemasangan rangka bumbung seperti di **Gambar 3.1**. Pemantauan pelaksanaan kerja hendaklah dilakukan dengan teliti oleh Pegawai Penguasa atau wakilnya supaya kemudahan yang disediakan dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan penduduk dapat menggunakanannya dengan segera. **Maklum balas MDSR bertarikh 30 Mac 2014, menyatakan arahan secara bertulis kepada kontraktor telah dikeluarkan pada 26 Mac 2014 untuk menyegerakan kerja di tapak bagi memastikan kerja dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.**



**Gambar 3.1  
Pemasangan Kerangka Bumbung Di  
Dewan Serbaguna**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 9130, Mukim Renggam, Kluang  
Tarikh: 10 April 2014

Pada pendapat Audit prestasi pelaksanaan perolehan kerja bagi MBJB adalah memuaskan kerana hanya 18.3% daripada 93 projek disiapkan dengan lanjutan masa manakala selebihnya disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, bagi MDSR prestasi pelaksanaan perolehan adalah kurang memuaskan kerana 6.2% projek siap melebihi lanjutan masa manakala sebanyak 80 atau 49.4% projek yang disiapkan lewat daripada tarikh yang ditetapkan tanpa memohon lanjutan masa.

### **3.4.2. Kualiti Kerja Pembinaan, Pembekalan Dan Pemasangan**

Pelaksanaan kontrak kerja hendaklah mengikut butiran kerja dan spesifikasi yang telah ditetapkan dalam dokumen kontrak dan sebarang perubahan kerja/bekalan perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Pegawai Pengguna. Harga yang ditetapkan mestilah munasabah berbanding dengan kualiti yang dikehendaki dan pegawai pemantau mestilah mencukupi dan mempunyai kepakaran serta pengetahuan berhubung projek yang dilaksanakan.

#### **3.4.2.1. Kerja Pembinaan, Pembekalan Dan Pemasangan Tidak Mengikut Spesifikasi Di MDSR**

Laporan dan Perakuan Siap Kerja hendaklah disediakan dengan pengesahan bahawa semua kerja dan spesifikasi kontrak telah dipenuhi sebelum bayaran dijelaskan kepada kontraktor. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

##### **a. Membina Parit Simen Jenis U Di Taman Ria, Simpang Renggam**

Kerja membina parit simen U di Taman Ria telah dilaksanakan pada tahun 2011 menggunakan peruntukan Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Antara spesifikasi kerja yang ditetapkan adalah membina tembok batu bata sebelah kiri dan kanan parit di Jalan Jaya sepanjang 140 meter dengan kadar harga RM100 semeter manakala harga membina tangga baharu di pintu belakang 12 buah rumah di Jalan Melor berharga RM6,000. Semakan Audit mendapati pemasangan batu bata di sebelah kiri dan kanan parit di Jalan Jaya hanya dibina sepanjang 19 meter manakala baki sepanjang 121 meter yang bernilai RM12,100 tidak dibina.

Selain itu, pemasangan tangga baharu bagi pintu belakang 12 buah rumah juga tidak dibina. Pegawai MDSR memaklumkan kerja bagi membina tangga telah diganti dengan pembinaan tembok di rumah yang terlibat kerana mengalami hakisan yang teruk semasa kerja pengorekan membuang parit lama. Bagaimanapun, Arahan Perubahan Kerja tidak disediakan bagi membuktikan kerja tersebut dilaksanakan. Semakan lanjut Audit mendapati pembayaran bagi keseluruhan kerja membina parit simen jenis U di Taman Ria berjumlah RM95,985 belum dijelaskan walaupun invois bertarikh 15 Disember 2011 telah dihantar ke MDSR. Pihak Audit dimaklumkan kerja tersebut telah lewat disiapkan iaitu melangkaui tahun 2012 dan peruntukan tersebut telah ditarik balik oleh KPKT. MDSR telah menghantar surat kepada KPKT bertarikh 1 Februari 2012 memohon semula peruntukan yang tidak dapat dibelanjakan pada tahun 2011 dikeluarkan waran yang baharu. Bagaimanapun, surat tersebut tidak menyatakan dengan jelas sama ada semua kerja tersebut telah dilaksanakan dan perlu dibayar kepada kontraktor yang terlibat. Sehingga pengauditan dilaksanakan, tiada surat susulan dibuat oleh pihak MDSR dan tiada maklum balas diperoleh daripada KPKT.

- b. Semakan Audit juga mendapati sebanyak 13 jenis kerja di MDSR yang tidak mengikut spesifikasi kontrak bernilai RM0.15 juta tetapi telah dibayar kepada kontraktor pelaksana tanpa disediakan Arahan Perubahan Kerja seperti di **Jadual 3.5**. Perkara ini berlaku disebabkan kurang pemantauan oleh pegawai penguasa terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dan tiada Arahan Perubahan Kerja dibuat bagi mengesahkan perubahan kuantiti dan spesifikasi.

**Jadual 3.5**  
**Senarai Kerja Di MDSR Yang Tidak Mengikut Spesifikasi Kontrak**

Bil.	Jenis Projek	Spesifikasi Bekalan/Kerja	Kuantiti (Unit)	Harga Seunit (RM)	Kuantiti Diterima (Unit)	Kos Yang Tidak Dibekalkan (RM)
1.	Kerja menaik taraf pembetung kekotak di Jalan Permata 5, Taman Sri Jaya Simpang Renggam	Kerja pembinaan <i>sump</i> berukuran 1.5m x 1.5m	2	500	0	1,000
2.	Kerja membina semula pondok menunggu bas di hadapan Kg Paya Palembang, Jalan Air Hitam Johor Bahru	Kerja membina dan menyiapkan lorong bas dari <i>crusher run</i> dan <i>premix</i>	Pukal	5,000	0	5,000
3.	Kerja membina parit longkang U di Jalan Melati 8, Taman Layang-Layang	• Kerja pembinaan longkang jenis U berukuran 450mm x 450mm	75 meter	180	64.3 meter	1,926
		• Memasang tembok bata kiri dan kanan parit U	150 meter	30	75 meter	2,250
		• Membina <i>sump</i> berukuran 1.0m x 1.0m	2	1000	1	500
4.	Kerja membekal dan memasang perabot jalan di kawasan pentadbiran Simpang Renggam	Kerja memasang papan tanda bonggol dengan menggunakan <i>sticker prismatic</i> 3M berserta tiang besi	20	375	8	4,500

Bil.	Jenis Projek	Spesifikasi Bekalan/Kerja	Kuantiti (Unit)	Harga Seunit (RM)	Kuantiti Diterima (Unit)	Kos Yang Tidak Dibekalkan (RM)
		<i>galvanised</i>				
5.	Kerja membina laluan pejalan kaki dan memasang rel pengadang di Jalan Pasar, Simpang Renggam	Memasang <i>mild steel grating</i> saiz 500mm x 500mm berengsel	11	120	5	720
6.	Menaik taraf jalan tar di Kampung Chokro, Simpang Renggam	• Mengecat garisan berhenti	Pukal	500	0	500
		• Memasang papan tanda berhenti	2	350	0	700
7.	Membekal dan memasang pagar keselamatan laluan pejalan kaki di Jalan Protokol Simpang Renggam	Memasang pagar keselamatan sepanjang 532 meter.	532 meter	321.65	503.8 meter	9,071
8.	Membina dan menyiapkan tembok penahan di Jalan Bintang Ria	Memasang tembok batu bata di kiri dan kanan parit.	206 meter	40	0	8,240
9.	Menaik taraf jalan di Kampung Ibrahim Majid Simpang Renggam	Menyediakan dan mengecat garisan tengah dan garisan berhenti	6 tempat	406	1 tempat	2,030
10.	Menaik taraf sistem perparitan Di Taman Purnama, Simpang Renggam	Membekal dan memasang longkang jenis U bersaiz 900mm x 900mm berserta <i>sump</i> 1.2m x 1.2m	126 meter	300	46 meter	24,000
11.	Menaik taraf Sistem Perparitan Di Kampung Paya Mas, Simpang Renggam	Membekal dan memasang pembetung kekotak, menambak serta memadat <i>crusher run</i> dan <i>premix</i>	31 meter	900	0	27,900
12.	Membina sistem perparitan	Menjalankan kerja penentuan batu sempadan bagi lot rumah bagi tujuan penajaran semula rizab parit oleh juruukur yang bertauliah	17 kerja	-	0	53,580
13.	Kerja membina balai raya di Taman Renggam Jaya, Simpang Renggam	Membina pembetung kekotak berukuran 900mm x 600mm	6	600	0	3,600
<b>Jumlah</b>						<b>145,517</b>

Sumber: MDSR Dan Lawatan Audit

### 3.4.2.2. Kualiti Kerja Pembinaan Kurang Memuaskan Di MDSR

Setiap perolehan kerja hendaklah dilaksanakan secara ekonomik dan dipantau dengan teliti bagi memastikan kualiti pembinaan yang dibuat adalah sebagaimana yang dikehendaki. MDSR juga perlu memastikan semua kerja dan bahan yang digunakan adalah berkualiti bagi memastikan kemudahan yang disediakan dapat digunakan dalam tempoh yang lama. Semakan Audit mendapati sebanyak 9 projek bernilai RM1.14 juta didapati kurang berkualiti kerana terdapat kerja perparitan yang tidak dilepa dengan sempurna dan terdapat kemudahan yang baru disiapkan antara bulan Disember 2011 hingga Disember 2013 telah mengalami kerosakan. Butiran lengkap projek yang terlibat dan kerosakan yang berlaku adalah seperti di **Jadual 3.6**.

**Jadual 3.6**  
Senarai Kerja Di MDSR Yang Kualiti Pembinaannya Kurang Memuaskan

Bil.	Jenis Projek	Tarikh Kerja Siap	Kos (RM)	Penemuan Audit
1.	Membina parit simen jenis U di Jalan Station, Renggam	Disember 2011	94,865	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pemasangan parit tidak sekata dan sambungan parit ke pembetung yang sedia ada tidak bercantum seperti di <b>Gambar 3.2</b></li> </ul>
2.	Kerja membina dan menaik taraf longkang sedia ada di Jalan Duku, Rumah Murah Fasa 1, Layang-Layang	Mac 2012	19,332	<ul style="list-style-type: none"> <li>Longkang yang dibina tidak bersambung dengan longkang yang sedia ada ataupun <i>sump</i> seperti di <b>Gambar 3.3</b></li> </ul>
3.	Kerja membina balai raya Taman Renggam Jaya, Simpang Renggam	Ogos 2012	189,667	<ul style="list-style-type: none"> <li>Siling gantung yang dipasang tertanggal seperti di <b>Gambar 3.4</b></li> </ul>
4.	Kerja membina longkang baharu di Lot 152, Taman Bahtera, Simpang Renggam	September 2012	19,990	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penyambung antara longkang tidak disimen dan kemasan konkrit tidak dilakukan.</li> <li><i>Sump</i> tidak dilepa dengan sempurna seperti di <b>Gambar 3.5</b></li> </ul>
5.	Kerja menurap semula jalan di Kampung Tengah, Renggam	November 2012	94,950	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sebahagian jalan yang telah diturap mengalami retakan seperti di <b>Gambar 3.6</b></li> </ul>
6.	Membina Dewan Komuniti di Taman Layang-Layang, Layang-Layang	November 2013	199,255	<ul style="list-style-type: none"> <li>Siling gantung telah tertanggal.</li> </ul>
7.	Kerja menaik taraf pembetung kekotak di Jalan Permata 5 Taman Sri Jaya, Simpang Renggam	Disember 2013	19,045	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lepaan simen pada tembok kurang berkualiti dan tidak kemas seperti di <b>Gambar 3.7</b></li> </ul>
8.	Kerja membina semula longkang jenis V 450mx 450m di kawasan Jalan Damai, Layang-Layang	Disember 2013	18,600	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lepaan simen pada <i>sump</i> kurang berkualiti dan tidak kemas seperti di <b>Gambar 3.8</b></li> </ul>
9.	Menaik taraf sistem perparitan di Kampung Paya Mas, Simpang Renggam	Disember 2013	483,503	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerja pemasangan pembetung kekotak serta kerja <i>premix</i> tidak berkualiti dan kurang kemas seperti di <b>Gambar 3.9</b></li> </ul>
<b>Jumlah</b>			<b>1,139,207</b>	

Sumber: MDSR Dan Lawatan Audit

**Gambar 3.2**  
**Parit Yang Dibina Tidak Bercantum  
Dengan Pembetung Yang Sedia Ada**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Station, Renggam  
Tarikh: 11 Februari 2014

**Gambar 3.3**  
**Longkang Baharu Tidak Bersambung  
Dengan Longkang Yang Sedia Ada**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Duku, Rumah Murah Fasa 1,  
Layang-Layang  
Tarikh: 11 Februari 2014

**Gambar 3.4**  
**Siling Gantung Telah Tertanggal**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Renggam Jaya, Simpang  
Renggam  
Tarikh: 13 Februari 2014

**Gambar 3.5**  
**Sump Tidak Dilepa Dengan Sempurna**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 152, Taman Bahtera, Simpang  
Renggam  
Tarikh: 13 Februari 2014

**Gambar 3.6**  
**Jalan Mengalami Retakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Tengah, Simpang Renggam  
Tarikh: 11 Februari 2014

**Gambar 3.7**  
**Lepaan Pada Tembok Tidak Kemas**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Sri Jaya, Simpang Renggam  
Tarikh: 11 Februari 2014

**Gambar 3.8**  
**Lepaan Simen Pada Sump Tidak Kemas**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Damai, Layang-Layang  
Tarikh: 11 Februari 2014

**Gambar 3.9**  
**Sump Yang Dibina Telah Retak Dan Tidak Dilepa Dengan Sempurna**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Paya Mas, Simpang Renggam  
Tarikh: 12 Februari 2014

### **3.4.2.3. Perolehan Dilaksanakan Di Lokasi Yang Kurang Sesuai**

Perancangan kerja perolehan mesti dirancang dengan teliti dan mengambil kira keadaan persekitaran serta keperluan semasa agar sesuatu perolehan dapat digunakan dan dimanfaatkan oleh pengguna.

#### **a. Tiang Elektrik Menghalang Laluan Pejalan Kaki Orang Kurang Upaya (OKU) Di Jalan Sagu 21 (Hadapan Masjid), Taman Daya, Johor Bahru**

Kerja pengadang jalan bagi pengasingan laluan pejalan kaki di laluan bermotor di Jalan Sagu 21 (Hadapan Masjid) di Taman Daya, Johor Bahru telah siap dilaksanakan pada bulan November 2013 dengan kos berjumlah RM0.12 juta. Antara kerja yang perlu dilaksanakan adalah pembinaan laluan pejalan kaki yang dilengkapi dengan kemudahan laluan bertekstur bagi pengguna Orang Kurang Upaya (OKU) berjumlah RM30,639. Lawatan Audit mendapati sebatang tiang elektrik berada terlalu hampir dengan laluan OKU yang dibina dan tidak dialihkan semasa kerja pembinaan dilaksanakan. Keadaan ini boleh membahayakan pengguna OKU yang melalui laluan tersebut seperti di **Gambar 3.10**. Selepas teguran Audit, MBJB telah mengambil tindakan dengan mengalihkan tiang elektrik yang terletak berhampiran dengan laluan pejalan kaki OKU ke dalam kawasan masjid seperti di **Gambar 3.11**.

**Gambar 3.10**  
**Tiang Elektrik Berhampiran Dengan Laluan OKU**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Daya, Johor Bahru  
Tarikh: 15 Januari 2014

**Gambar 3.11**  
**Tiang Elektrik Yang Telah Dialihkan Ke Dalam Kawasan Masjid**



Sumber: MBJB  
Lokasi: Taman Daya, Johor Bahru  
Tarikh: 8 April 2014

**b. Papan Tanda Jalan Mengadang Laluan Pejalan Kaki Di Jalan Protokol Simpang Renggam**

Kerja membekal dan memasang pagar keselamatan dari jenis *wrought iron* di laluan pejalan kaki sepanjang 125 meter telah dilaksanakan di Jalan Protokol (Taman Mohd Yassin), Simpang Renggam dengan kos berjumlah RM40,206. Lawatan Audit mendapati sebatang papan tanda jalan di tengah laluan pejalan kaki tidak dialihkan semasa kerja pembinaan pagar keselamatan tersebut dilaksanakan. Papan tanda jalan yang tidak dialihkan adalah seperti di **Gambar 3.12**. Keadaan ini menyebabkan ketidakselesaan dan boleh membahayakan pengguna yang menggunakan laluan pejalan kaki tersebut. Selepas teguran Audit, MDSR telah mengambil tindakan dengan mengalihkan papan tanda jalan yang mengadang laluan pejalan kaki seperti di **Gambar 3.13**.

**Gambar 3.12**  
**Papan Tanda Jalan Di Tengah Laluan Pejalan Kaki**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Mohd Yasin, Simpang Renggam  
Tarikh: 13 Februari 2014

**Gambar 3.13**  
**Papan Tanda Jalan Yang Telah Dialihkan**



Sumber: MDSR  
Lokasi: Taman Mohd Yasin, Simpang Renggam  
Tarikh: 27 Mac 2014

### c. *Guardrail* Dipasang Di Atas Jalan Raya

Kerja membina tembok penahan bagi mengelakkan tanah runtuh di lorong belakang Taman Jaya 2, Simpang Renggam telah siap dilaksanakan pada bulan Julai 2013 dengan kos berjumlah RM0.32 juta. Lawatan Audit mendapati *guardrail* yang sepatutnya dipasang di bahu jalan telah dipasang di atas jalan di lorong belakang taman seperti di **Gambar 3.14**. Pemasangan *guardrail* di atas jalan telah merosakkan struktur jalan dan menyebabkan jalan menjadi semakin sempit. **Berdasarkan maklum balas MDSR bertarikh 30 Mac 2014, arahan bagi mengalihkan *guardrail* telah dikeluarkan dan wang tahanan masih belum dilepaskan kepada kontraktor sehingga kerja pengalihan dilaksanakan.**



**Gambar 3.14  
*Guardrail* Yang Dipasang Di Atas Jalan Raya**

Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Lorong Belakang, Taman Jaya 2, Simpang Renggam

Tarikh: 10 Februari 2014

Pada pendapat Audit, kualiti kerja pembinaan, pembekalan dan pemasangan kurang memuaskan kerana terdapat kerja yang kurang berkualiti dan tidak mengikuti spesifikasi.

#### 3.4.3. Kemudahan Yang Disediakan Tidak Digunakan Sepenuhnya

Pegawai Pengawal perlu memastikan pengurusan perolehan diuruskan mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan serta digunakan secara optimum. Adalah menjadi amalan pengurusan yang baik untuk memastikan perolehan yang dibuat mempunyai *value for money*. Lawatan Audit ke MBJB dan MDSR mendapati Taman Ekologi Hutan Bandar, Johor Bahru, 81 gerai dan 140 unit petak berniaga di pasar yang tidak digunakan sebagaimana objektif perolehan. Maklumat lanjut adalah seperti berikut:

##### 3.4.3.1. Taman Ekologi Hutan Bandar, Johor Bahru

MBJB telah melaksanakan projek pembangunan Taman Ekologi dengan menggunakan peruntukan Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia berjumlah RM2.89 juta dan telah siap dibina pada tahun 2010. Lawatan Audit pada bulan Oktober 2012 mendapati bangunan tersebut terbiar dan tidak digunakan seperti di **Gambar 3.15**. Ini menyebabkan sebahagian bumbung bocor dan berlumut, air bertakung dan tidak mengalir di kolam yang disediakan dan jaring *stainless steel* di Laman Serangga telah rosak dan tercabut seperti di **Gambar 3.16** dan **Gambar 3.17**. Semakan lanjut Audit mendapati

bangunan di Taman Ekologi yang tidak digunakan dan terbiar telah menjadi tajuk Akhbar Kosmo bertarikh 24 Januari 2012 dan terdapat juga aduan orang awam dan pertanyaan daripada Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia. Pengisian bagi aktiviti dalam bangunan seperti peralatan permainan bunyian, audio visual, spesimen serangga dan tumbuhan, akuarium dan papan informasi masih belum dibuat kerana tiada peruntukan kewangan yang dapat disalurkan bagi menjayakan pengisian tersebut.

**Berdasarkan maklum balas MBJB bertarikh 1 April 2014, terdapat permohonan bagi pengurusan dan membaik pulih Taman Ekologi daripada pihak luar. Bagaimanapun, Jawatankuasa Penswastaan Majlis telah menolak cadangan tersebut kerana tiada pulangan keuntungan kepada MBJB dan tidak selaras dengan konsep asal pembinaan Taman Ekologi. MBJB juga telah berhubung dengan pihak/agensi luar untuk bekerjasama daripada segi pelaksanaan program pengisian aktiviti di Taman Ekologi dan sehingga kini tiada maklum balas daripada pihak yang terlibat diterima. Selain itu, Unit Penyenggaraan Taman Ekologi telah ditubuhkan di mana 2 orang anggota telah ditempatkan secara tetap untuk melaksanakan penyenggaraan harian meliputi kerja pembersihan dan pemberian kerosakan kecil.**



**Gambar 3.15**  
**Bangunan Di Taman Ekologi Terbiar Tidak Digunakan**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Hutan Bandar, Johor Bahru  
Tarikh: 28 Oktober 2013

**Gambar 3.16**  
**Bumbung Bocor Dan Berlumut**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Hutan Bandar, Johor Bahru  
Tarikh: 28 Oktober 2013

**Gambar 3.17**  
**Jaring Stainless Steel Telah Tercabut**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Hutan Bandar, Johor Bahru  
Tarikh: 28 Oktober 2013

### 3.4.3.2. Gerai, Medan Selera Dan Pasar Awam

Semakan Audit terhadap 9 buah gerai dan medan selera dalam kawasan MBJB mendapati sebanyak 60.9% atau 81 unit gerai kosong antara 14 hingga 44 bulan. Kebanyakan kemudahan yang disediakan telah terbiar, usang dan rosak serta tidak disenggarakan dengan sempurna. Anggaran hasil yang tidak dapat dikutip kerana tiada penyewaan ke atas gerai dan medan selera tersebut adalah sebanyak RM0.43 juta seperti di **Jadual 3.7**. Selain itu, sebanyak 51 unit ruang niaga daripada 69 unit yang terdapat di sebuah pasar di MBJB dan 89 unit daripada 191 unit yang terdapat di 3 buah pasar awam di MDSR didapati tiada penyewa. Anggaran kutipan hasil yang tidak dapat dikutip akibat tiada penyewaan ke atas pasar awam tersebut adalah berjumlah RM0.63 juta seperti di **Jadual 3.8**.

**Jadual 3.7**

Gerai Dan Medan Selera Di MBJB Terbiar Dan Tiada Penyewa

Bil.	Premis Perniagaan	Kos Perolehan (RM Juta)	Tahun Perolehan	Bilangan (Unit)		Kadar Sewa Bulanan (RM)	Tempoh Kosong (Bulan)	Jumlah (RM)
				Disediakan	Tiada Penyewa			
1.	Medan Selera Intan, Jalan Ayer Molek	-	1986	24	7	250	44	77,000
2.	Medan Selera Taman Rinting, Jalan Meranti 5	0.44	2000	18	16	50	44	35,200
3.	Medan Selera Taman Desa Harmoni, Jalan Harmoni 3/6	0.77	2000	19	18	80	44	63,360
4.	Medan Selera Anjung Damai Jotic, Jalan Ayer Molek Gerai No. 3 Gerai No. 4 Gerai No. 5 Gerai No. 8 Gerai No. 10	6.5	2009	10	5	445 370 325 685 285	32 24 24 14 44	14,240 8,880 7,800 9,590 12,540
5.	Medan Selera Taman Cempaka	0.65	2007	44	21	350	20	147,000
6.	Gerai Jalan Firma 1/5 Blok D, Kawasan Perindustrian Tebrau 1	-	2006	3	2	100	44	5,300
7.	Gerai Firma 2/3, Kawasan Perindustrian Tebrau 1	0.04	2006	3	3	100	44	9,300
8.	Gerai Jalan Mawar 6, Taman Tamboi Indah	*	2003	8	8	100	44	31,700
9.	Gerai Buah Jalan Bertam, Taman Daya	0.03	2003	4	1	100	44	4,400
<b>Jumlah</b>		<b>8.43</b>		<b>133</b>	<b>81</b>	<b>3,240</b>		<b>426,310</b>

Sumber: MBJB

Nota: \* - Pulangan Penswastaan

**Jadual 3.8**  
**Pasar Awam Terbiar Dan Tiada Penyewa Di MBJB Dan MDSR**

Bil.	Premis Perniagaan	Kos Perolehan (RM Juta)	Tahun Perolehan	Bilangan (Unit)		Kadar Sewa Bulanan (RM)	Tempoh Kosong (Bulan)	Jumlah (RM)
				Disediakan	Tiada Penyewa			
<b>MBJB</b>								
1.	Pasar Taman Molek	1.68	1998	69	51	162	44	363,528
<b>MDSR</b>								
1.	Pasar Awam Layang-Layang	0.31	2002	40	25	20	108	54,000
2.	Pasar Awam Renggam	0.45	2002	34	22	25	156	85,800
3.	Pasar Awam Machap	0.40	2000	48	42	20	156	131,040
<b>Jumlah</b>		<b>2.84</b>		<b>191</b>	<b>140</b>			<b>634,368</b>

Sumber: MBJB Dan MDSR

**3.4.3.3.** Pemerhatian Audit mendapati antara faktor yang menyebabkan premis perniagaan yang disediakan oleh MBJB dan MDSR masih kosong dan tidak menarik minat penyewa adalah kerana lokasi gerai dan pasar kurang strategik serta persaingan gerai/kedai persendirian seperti di **Gambar 3.18** dan **Gambar 3.19**. Selain itu, saiz ruang niaga yang kecil dan tiada kemudahan asas seperti air dan elektrik juga antara penyebab medan selera tidak disewa seperti di **Gambar 3.20** dan **Gambar 3.21**.

**Gambar 3.18**  
**Medan Selera Taman Desa Harmoni Terletak Di Belakang Bangunan Lain**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Desa Harmoni, Johor Bahru  
Tarikh: 29 Oktober 2013

**Gambar 3.19**  
**Pasar Awam Layang-Layang Terletak Jauh Dari Jalan Utama**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pasar Awam Layang-Layang  
Tarikh: 11 Februari 2014

**Gambar 3.20**  
**Saiz Medan Selera Taman Rinting Yang Kecil**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Medan Selera Taman Rinting, Johor Bahru  
Tarikh: 29 Oktober 2013

**Gambar 3.21**  
**Gerai Jalan Firma 1/5 Yang Tiada Bekalan Elektrik Dan Air**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kawasan Perindustrian Tebrau 1, Johor Bahru  
Tarikh: 29 Oktober 2013

**3.4.3.4. Maklum balas MBJB bertarikh 1 April 2014, lokasi gerai yang berkaitan diberi oleh pihak pemaju. Pada masa sekarang, MBJB tidak lagi mensyaratkan tapak pembinaan gerai semasa Kebenaran Merancang memandangkan tapak yang diberikan oleh pemaju tidak strategik. Selain itu, Bahagian Pengurusan Harta telah mewujudkan Unit Promosi bagi memastikan aktiviti promosi dapat dilaksanakan dengan lebih giat lagi seperti mewujudkan papan iklan, membuat risalah dan mengiklankan kekosongan gerai dan medan selera di laman sesawang MBJB.**

**3.4.3.5. Maklum balas MDSR bertarikh 30 Mac 2014, menyatakan lokasi pembinaan pasar awam bergantung pada tanah yang telah dirizabkan dan ia berjauhan daripada jalan utama dan kurang strategik. Sekiranya pasar awam ingin dibangunkan di kawasan yang strategik, pengambilan tanah perlu dilakukan dan memerlukan kos yang tinggi. MDSR juga telah menerima permohonan daripada pihak swasta untuk membangunkan Pasar Awam Machap sebagai pusat Halal-Hub dan perkara tersebut masih lagi dalam peringkat perbincangan.**

Pada pendapat Audit, pembinaan kemudahan yang bernilai tinggi tetapi akhirnya tidak digunakan telah menyebabkan berlaku pembaziran.

### **3.5. SYOR AUDIT**

Bagi menambah baik pelaksanaan perolehan dan memastikan pengurusan perolehan dapat dilaksanakan dengan teratur dan berhemat serta Majlis mendapat *value for money* bagi perbelanjaan wang awam yang dibelanjakan, MBJB dan MDSR disyorkan mempertimbangkan perkara berikut:

**3.5.1. Membuat pemantauan secara berterusan semasa pelaksanaan projek sedang berjalan bagi memastikan pihak kontraktor melaksanakan kerja mengikut spesifikasi kontrak.**

**3.5.2.** Memastikan pelarasan harga dibuat terhadap kerja yang tidak dilaksanakan sebelum pembayaran dijelaskan.

**3.5.3.** Memastikan kemudahan dan bangunan yang dibina tidak terbiar sebaliknya boleh dimanfaatkan oleh orang awam.

## MAJLIS PERBANDARAN KLUANG MAJLIS DAERAH PONTIAN

### 4. PENGURUSAN PUNGUTAN CUKAI TAKSIRAN

#### 4.1. LATAR BELAKANG

**4.1.1.** Majlis Perbandaran Kluang (MPK) dan Majlis Daerah Pontian (MDP) merupakan 2 daripada 15 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Johor yang diwujudkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Hasil utama setiap PBT adalah daripada terimaan cukai taksiran, pelesenan dan sewaan. Bagaimanapun, cukai taksiran merupakan terimaan hasil yang tertinggi di setiap PBT.

**4.1.2.** Cukai taksiran yang juga dikenali dengan cukai harta atau cukai pintu ialah cukai yang dikenakan terhadap semua harta tanah di dalam kawasan PBT. Semua pemilik harta tanah seperti rumah kediaman, kedai, harta perniagaan, perusahaan, hotel, kilang, tanah kosong dan semua premis yang didirikan di dalam kawasan pentadbiran PBT perlu membayar cukai taksiran. Kadar cukai taksiran yang dikenakan adalah berbeza mengikut jenis harta pegangan dan lokasi harta pegangan.

**4.1.3.** Seksyen 130(1) Akta Kerajaan Tempatan menetapkan cukai harta boleh ditaksirkan atas asas nilai tahunan pegangan atau atas nilai tambah pegangan sebagaimana yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Nilai tahunan pegangan ialah anggaran kasar sewa tahunan yang dijangka akan diperolehi jika pegangan disewakan dan pemilik tanah menanggung belanja bagi pembaikan, insurans, penyenggaraan atau pemeliharaan dan lain-lain cukai. Manakala nilai tambah pegangan pula adalah nilai harta yang berdasarkan kepada harga pasaran harta tersebut.

**4.1.4.** Semua PBT di Negeri Johor menggunakan kaedah asas kadar nilai tambah bagi pengiraan kenaan cukai taksiran. Penggunaan asas kadaran nilai tambah ini adalah lebih baik kerana jumlah cukai taksiran yang dikenakan lebih tinggi disebabkan perubahan berdasarkan nilai pasaran tanah semasa. Bagi PBT di negeri selain dari Johor, asas kadaran yang digunakan adalah berdasarkan nilai tahunan bagi pengiraan kenaan cukai taksiran.

**4.1.5.** Bahagian yang bertanggungjawab melaksanakan aktiviti pengurusan cukai taksiran di PBT adalah Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta, Jabatan Kewangan, Jabatan Perancang Bandar Dan Landskap, Bahagian Kawalan Bangunan dan Unit Undang-undang.

**4.1.6.** Bagi tahun 2011 hingga 2013, cukai taksiran semasa yang telah dipungut adalah berjumlah RM48.75 juta bagi MPK dan RM32.25 juta bagi MDP. Manakala bilangan pegangan yang telah dikenakan cukai taksiran pada tahun 2013 adalah sebanyak 64,614 bagi MPK dan 27,962 bagi MDP. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 4.1**.

**Jadual 4.1**  
**Jumlah Pungutan Cukai Taksiran Semasa Dan**  
**Bilangan Pegangan MPK Dan MDP**  
**Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

<b>PBT</b>	<b>Jumlah Pungutan Cukai Taksiran Semasa (RM Juta)</b>				<b>Bilangan Pegangan 2013</b>
	<b>2011</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>	<b>Jumlah</b>	
MPK	15.25	16.40	17.10	48.75	64,614
MDP	10.74	10.78	10.73	32.25	27,962

Sumber: MPK Dan MDP

## 4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan pungutan cukai taksiran telah dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan serta mencapai matlamat memaksimumkan pungutan hasil.

## 4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi aktiviti pengurusan pungutan cukai taksiran yang merangkumi proses pengeluaran bil, pungutan cukai taksiran, penilaian, penguatkuasaan dan penggunaan sistem pungutan di MPK dan MDP bagi tahun 2011 sehingga 2013. Kaedah pengauditan adalah melalui penyemakan, pemeriksaan dan analisis Audit terhadap rekod dan dokumen berkaitan seperti senarai nilai, minit mesyuarat, fail pegangan individu, daftar dan dokumen berkaitan dengan aktiviti pengurusan cukai taksiran dan aktiviti penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh MPK dan MDP. Perbincangan dan temu bual telah diadakan dengan pegawai yang terlibat di MPK dan MDP bagi mendapatkan maklumat tambahan. Lawatan ke beberapa pegangan seperti pegangan kediaman, perdagangan dan perindustrian dalam kawasan pentadbiran MPK dan MDP juga dilakukan bersama pegawai MPK dan MDP.

## 4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dilaksanakan pada bulan Mei hingga September 2013 mendapati pelaksanaan pengurusan pungutan cukai taksiran di MPK dan MDP adalah memuaskan dari segi pencapaian pungutan cukai taksiran semasa, kaedah pembayaran cukai yang disediakan dan kelulusan senarai nilai. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Jumlah tunggakan cukai taksiran semakin meningkat.
- Rekod dan sistem pungutan cukai taksiran tidak lengkap dan tidak tepat.
- Senarai kadar cukai taksiran berbeza dan peluasan kawasan baru lewat dikenakan cukai.

#### **4.4.1. Prestasi Pungutan Cukai Taksiran Semasa**

Setiap tahun MPK dan MDP akan menetapkan anggaran hasil bagi pungutan semasa dan pungutan tunggakan cukai taksiran. Anggaran ini merupakan petunjuk prestasi pelaksanaan pungutan semasa dan tunggakan cukai taksiran. Semakan Audit mengenai prestasi pungutan cukai taksiran adalah seperti berikut:

##### **4.4.1.1. Pungutan Cukai Taksiran Sebenar Berbanding Anggaran**

- a. MPK dan MDP telah menyediakan anggaran dan mensasarkan pungutan cukai taksiran sebenar meningkat pada setiap tahun. Peningkatan anggaran bagi pungutan cukai taksiran semasa adalah disebabkan meningkatnya bilangan taman perumahan dan penilaian semula harta dalam kawasan pentadbiran MPK dan MDP. Butiran lanjut mengenai prestasi pungutan cukai taksiran sebenar berbanding anggaran bagi MPK dan MDP adalah seperti di **Jadual 4.2**.

**Jadual 4.2**

**Perbandingan Pungutan Cukai Taksiran Sebenar Dengan Anggaran MPK Dan MDP Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

Tahun	Majlis Perbandaran Kluang			Majlis Daerah Pontian		
	Anggaran (RM Juta)	Cukai Semasa (RM Juta)	Peratus Pungutan (%)	Anggaran (RM Juta)	Cukai Semasa (RM Juta)	Peratus Pungutan (%)
2011	18.68	15.25	81.6	10.80	10.74	99.4
2012	19.15	16.40	85.6	10.83	10.78	99.5
2013	21.06	17.10	81.2	11.82	10.73	90.8
<b>Jumlah</b>	<b>58.89</b>	<b>48.75</b>		<b>33.45</b>	<b>32.25</b>	

Sumber: MPK Dan MDP

Nota: Pungutan Cukai Taksiran Sebenar Tidak Termasuk Pungutan Tunggakan Cukai

- b. Hasil analisis Audit mendapati prestasi pungutan cukai taksiran sebenar tahun 2011 hingga 2013 bagi MPK dan MDP adalah baik kerana peratusan pungutan cukai taksiran MPK dan MDP telah melebihi 80%. Peratus pencapaian pungutan cukai taksiran semasa sebenar berbanding anggaran yang telah ditetapkan untuk tempoh 3 tahun bagi MPK ialah antara 81.2% hingga 85.6% manakala MDP ialah antara 90.8% hingga 99.5%.

#### **4.4.2. Jumlah Tunggakan Cukai Taksiran Semakin Meningkat**

- 4.4.2.1. Semakan Audit mendapati jumlah tunggakan cukai pada tahun 2011 bagi MPK dan MDP masing-masing ialah RM12.24 juta dan RM3.17 juta. Jumlah pungutan tunggakan yang berjaya dipungut pada akhir tahun 2011 bagi MPK ialah RM3.38 juta atau 27.6% daripada jumlah tunggakan manakala bagi MDP ialah RM0.95 juta atau 30.0%. Bagaimanapun pada tahun 2012 jumlah tunggakan cukai taksiran meningkat kepada RM13.07 juta bagi MPK dan RM3.40 juta bagi MDP. Manakala jumlah pungutan tunggakan cukai taksiran pada tahun 2012 telah menurun berbanding jumlah tunggakan

iaitu RM2.53 juta atau 19.4% bagi MPK dan RM0.86 juta atau 25.3% bagi MDP. Pada tahun 2013 jumlah pungutan tunggakan bagi kedua-dua PBT telah meningkat kepada RM2.84 juta bagi MPK dan RM1.19 juta bagi MDP. Butiran lanjut mengenai prestasi pungutan tunggakan pada tahun semasa berbanding jumlah tunggakan cukai taksiran adalah seperti di **Jadual 4.3**.

**Jadual 4.3**

**Prestasi Pungutan Tunggakan Berbanding Jumlah Tunggakan MPK Dan MDP  
Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

Tahun	Majlis Perbandaran Kluang			Majlis Daerah Pontian		
	Jumlah Tunggakan (RM Juta)	Pungutan Tunggakan Sebenar (RM Juta)	Peratus Pungutan Tunggakan (%)	Jumlah Tunggakan (RM Juta)	Pungutan Tunggakan Sebenar (RM Juta)	Peratus Pungutan Tunggakan (%)
2011	12.24	3.38	27.6	3.17	0.95	30.0
2012	13.07	2.53	19.4	3.40	0.86	25.3
2013	11.46	2.84	24.8	4.82	1.19	24.7
<b>Jumlah</b>		<b>8.75</b>			<b>3.00</b>	

Sumber: MPK Dan MDP

**4.4.2.2.** Berdasarkan **Jadual 4.3** walaupun pada tahun 2013 jumlah pungutan tunggakan cukai taksiran telah meningkat berjumlah RM0.31 juta bagi MPK dan RM0.33 juta bagi MDP berbanding tahun 2012, peratusan pungutan tunggakan cukai taksiran adalah kecil berbanding keseluruhan tunggakan bagi tahun 2011 hingga 2013 iaitu antara 19.4% hingga 27.6% bagi MPK dan 24.7% hingga 30% bagi MDP. Antara sebab perkara ini berlaku adalah seperti yang dijelaskan di perenggan berikut:

**4.4.2.3. Tiada Tindakan Susulan Terhadap Bil Cukai Taksiran Dan Borang E Yang Dikembalikan Semula**

- Sasaran MPK dan MDP ialah menyerahkan bil cukai taksiran kepada setiap pegangan bercukai sebelum atau pada akhir bulan Februari untuk penggal pertama dan akhir bulan Ogos untuk penggal kedua. Akta Kerajaan Tempatan 176(171) Seksyen 148 pula menetapkan setiap PBT perlu mengeluarkan Borang E iaitu notis membayar tunggakan kepada pemilik yang gagal membuat bayaran tunggakan cukai taksiran.
- Semakan Audit mendapati sebanyak 787 Bil Cukai Taksiran dan Borang E dengan nilai berjumlah RM195,045 bagi MPK dan 134 bil cukai taksiran dengan nilai berjumlah RM26,719 bagi MDP telah dikembalikan. Kesemua bil cukai taksiran dan Borang E ini dikembalikan kerana tidak dapat diserahkan atas pelbagai sebab seperti pemilik pegangan telah berpindah, alamat tidak lengkap dan lain-lain. Pihak Audit mendapati tiada tindakan susulan dan pemantauan dibuat oleh MPK dan MDP terhadap Bil Cukai Taksiran dan Borang E yang dikembalikan. Daftar mengenai Bil Cukai Taksiran dan Borang E yang dikembalikan pula hanya disediakan mulai penggal kedua tahun 2012 bagi MPK manakala bagi MDP mulai penggal pertama tahun 2013. Butiran adalah seperti di **Jadual 4.4**.

**Jadual 4.4****Bilangan Bil Cukai Taksiran Yang Dikembalikan Semula Di MPK Dan MDP**

Butiran Bil	Sebab Bil Cukai Dan Borang E Dikembalikan						Jumlah	
	Sudah Pindah		Alamat Tidak Lengkap Dan Tidak Dikenalpasti		Lain-lain			
	Bil Cukai	Borang E	Bil Cukai	Borang E	Bil Cukai	Borang E		
<b>Majlis Perbandaran Kluang</b>								
Kuantiti	144	131	280	142	56	34	787	
Nilai Bil (RM)	14,686	47,821	21,472	72,702	24,724	13,640	195,045	
<b>Majlis Daerah Pontian</b>								
Kuantiti	45	33	24	15	11	6	134	
Nilai Bil (RM)	16,836	2,629	1,879	3,466	1,109	800	26,719	

Sumber: MPK Dan MDP

- c. Berdasarkan **Jadual 4.4**, bilangan bil cukai tertinggi dan Borang E yang dikembalikan adalah disebabkan alamat tidak lengkap dan tidak dikenalpasti bagi MPK iaitu 280 bil cukai taksiran berjumlah RM21,472 dan 142 Borang E berjumlah RM72,702. Manakala bagi MDP pula bilangan bil cukai tertinggi dan Borang E yang dikembalikan adalah disebabkan pemilik pegangan telah berpindah iaitu 45 bil cukai taksiran berjumlah RM16,836 dan 33 Borang E berjumlah RM2,629.
- d. Bilangan bil cukai terendah dan Borang E yang dikembalikan adalah untuk kes lain-lain iaitu 56 bil cukai taksiran berjumlah RM24,724 dan 34 Borang E berjumlah RM13,640 bagi MPK dan 11 bil cukai taksiran berjumlah RM1,109 dan 6 Borang E berjumlah RM800 bagi MDP. Antara kes lain-lain untuk bil cukai taksiran dan Borang E yang dikembalikan ini adalah terdiri daripada pembayar cukai yang meninggal dunia, tidak dapat dikesan kerana tiada nama jalan, rumah kosong dan roboh serta penyewa rumah sewa yang enggan menerima bil tersebut.
- e. **Berdasarkan maklum balas MPK pada 20 Februari 2014, bil cukai taksiran dan Borang E yang telah dipos dikembalikan kerana pihak pos tidak dapat menyerahkan kepada pemilik harta. Bagaimanapun mulai tahun 2014, MPK telah mengambil tindakan untuk menghantar sendiri bil dan notis cukai taksiran yang telah dikembalikan.**
- f. **Berdasarkan maklum balas MDP pada 17 Februari 2014, pihaknya akan mengambil tindakan susulan terhadap bil cukai taksiran dan Borang E yang dikembalikan. Selain itu, MDP akan membuat carian maklumat mengenai pemilikan sama ada di Pejabat Tanah, Jabatan Pendaftaran Negara, Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Lembaga Hasil Dalam Negeri dan lain-lain agensi bagi memastikan alamat terbaru pemilik dapat dikenal pasti. MDP juga akan memastikan rekod bil cukai taksiran dan Borang E yang dikembalikan akan dipantau dan dikemaskini agar punca ia dikembalikan dapat dikenalpasti.**

#### **4.4.2.4. Harta Alih Pemilik Tidak Disita Bagi MPK**

- a. Mengikut Seksyen 148 Akta Kerajaan Tempatan 1976, tunggakan cukai taksiran boleh dituntut melalui perintah waran tahanan iaitu dengan menggunakan Borang F dan boleh membuat sitaan dan rampasan serta lelongan harta alih kepada pemilik yang gagal membuat bayaran tunggakan cukai taksiran. Bagaimanapun, setiap PBT perlu menyerahkan Borang E selama 15 hari terlebih dahulu sebelum Borang F dikeluarkan. Perintah Waran Tahanan itu hendaklah dilaksanakan oleh seorang pegawai pihak berkuasa tempatan yang telah dilantik dan dikenali sebagai Bailif.
- b. Semakan Audit di MPK mendapati sebelum bulan Oktober 2012, perintah waran tahanan telah dilaksanakan oleh Bailif yang dilantik oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (SUK) Cawangan Kerajaan Tempatan. Pihak Audit mendapati sepanjang tempoh lantikan Bailif tersebut tiada tindakan penyitaan harta alih terhadap pembayar cukai yang mempunyai tunggakan dilakukan. Mulai 1 Oktober 2012 seramai 2 orang pegawai penguatkuasa MPK telah dilantik sebagai Bailif. Semakan lanjut mendapati sehingga Mac 2013, MPK telah mengambil tindakan agresif dengan mengedarkan sebanyak 222 perintah waran tahanan yang berjumlah RM0.61 juta kepada pembayar cukai yang tertunggak untuk tujuan penyitaan. Bagaimanapun semasa edaran Borang F dibuat tiada tindakan penyitaan harta alih dilakukan. Mengikut amalan, MPK hanya mengambil gambar terhadap harta alih pemilik yang ingkar menjelaskan tunggakan cukai dengan memberi peringatan mengenai tunggakan cukai tersebut. Melalui tindakan tersebut sebanyak 37 pembayar cukai telah membayar tunggakan cukai taksiran yang berjumlah RM0.07 juta atau 11.5% daripada jumlah perintah waran tahanan yang dikeluarkan. Ini bermakna masih ada RM0.54 juta atau 88.5% lagi pembayar cukai yang masih belum membayar tunggakan cukai taksiran. Sehingga tarikh pengauditan dijalankan tiada penyitaan dilakukan kerana tiada tindakan susulan dilakukan selepas waran tahanan diserahkan kepada pemilik pegangan.
- c. **Berdasarkan maklum balas MPK bertarikh 20 Februari 2014, pihak MPK telah mengeluarkan surat tawaran pada 12 Januari 2014 untuk melantik Panel Peguam bagi mengeluarkan notis (*Notice Of Demand*) pada tahun 2014 kepada pemilik yang ingkar dalam menjelaskan tunggakan cukai harta. Tindakan mahkamah akan dilaksanakan jika notis tersebut diabaikan.**
- d. Semakan Audit di MDP pula mendapati pada setiap tahun Bailif dengan kerjasama Bahagian Penguatkuasaan dan Bahagian Kewangan akan melaksanakan operasi sitaan kepada pegangan yang gagal membayar cukai dalam tempoh yang ditetapkan setelah Borang E diserahkan. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati pada tahun 2011 hingga 2013 tiada harta pegangan yang telah disita oleh MDP kerana hampir setiap pegangan telah membayar cukai pada masa operasi sitaan dilakukan.

#### **4.4.2.5. Projek Perumahan Di MDP Yang Tidak Mendapat Sijil Layak Menduduki**

- a. Semakan Audit mendapati satu projek perumahan di MDP tidak mendapat Sijil Layak Menduduki yang melibatkan 134 pegangan. Tunggakan cukai taksiran yang masih belum dibayar adalah berjumlah RM0.12 juta bagi tempoh antara 9 hingga 12 tahun. Pelan projek perumahan ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis pada 31 Mei 2000 tetapi sehingga kini projek tersebut yang telah siap masih belum mendapat kelulusan daripada MDP. Ini disebabkan pemaju perumahan telah menjual syarikat tetapi belum menjelaskan bayaran kelulusan pelan kerja tanah, jalan dan perparitan serta pelan bangunan dan surat sokongan daripada Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) belum diterima. Sehingga kini pihak MDP telah mengemukakan surat tuntutan bayaran sebanyak 4 kali, bagaimanapun tiada maklum balas diterima daripada pemaju perumahan tersebut.
- b. **Berdasarkan maklum balas MDP pada 17 Februari 2014, cukai taksiran yang dikenakan kepada projek perumahan tersebut adalah di atas status tanah kosong. Pihak MDP telah mengadakan mesyuarat pada 10 Disember 2013 yang melibatkan ADUN Kukup, pemaju perumahan dan perunding untuk membincangkan perkara ini. Pihak pemaju telah memaklumkan kepada MDP bahawa kehendak IWK masih belum dapat diselesaikan dan berjanji akan menyelesaiannya pada akhir Januari 2014. Bagaimanapun, MDP akan mengambil tindakan mahkamah bagi menuntut tunggakan cukai tersebut.**

#### **4.4.2.6. Tiada Kaedah Untuk Pengurangan Tunggakan Cukai Taksiran**

- a. Semakan lanjut juga mendapati MPK dan MDP tidak menyediakan peruntukan khusus untuk perbelanjaan promosi bagi tujuan pungutan cukai taksiran dalam bajet masing-masing. Bagaimanapun, dalam tempoh 3 tahun iaitu sepanjang tahun 2011 hingga 2013 MPK ada memasang *bunting* iklan dengan kos berjumlah RM144 manakala MDP telah membelanjakan sejumlah RM50,560 untuk memasang *billboard* dan *banner* iklan bagi tujuan promosi cukai taksiran.
- b. **Berdasarkan maklum balas MPK pada 20 Februari 2014, Mesyuarat Jawatankuasa Bil 1/2014 telah meluluskan cadangan untuk memberi diskaun kepada denda lewat cukai taksiran sehingga 80% bagi tahun 2014 bermula 1 Januari 2014 sehingga 31 Mac 2014.**
- c. **Berdasarkan maklum balas MDP pada 17 Februari 2014, pihaknya akan meminta pandangan dan kebenaran daripada Kerajaan Negeri bagi mengadakan peruntukan khusus untuk perbelanjaan promosi. Antara cadangan promosi yang akan diadakan adalah seperti cabutan bertuah, kempen membayar cukai harta dengan pengecualian kepada bayaran denda dan notis lewat bayar terhadap tunggakan, promosi melalui media cetak atau elektronik dan memberi cenderahati seperti kalender.**

**4.4.2.7.** Impak daripada tiada pemantauan terhadap tunggakan cukai taksiran yang tidak dapat dipungut adalah seperti berikut:

**a. Pertambahan Tunggakan Cukai Taksiran Terkumpul**

Analisis Audit terhadap senarai 5,343 pegangan di MDP mendapati jumlah tunggakan cukai taksiran sehingga tahun 2013 adalah RM4.82 juta. Umur tunggakan cukai paling tinggi adalah antara 1 tahun hingga 3 tahun iaitu berjumlah RM2.98 juta. Manakala umur tunggakan yang selebihnya adalah antara 4 tahun hingga melebihi 20 tahun yang berjumlah RM1.84 juta. Pihak Audit mendapati ringkasan pengumuran bagi MPK tidak dikemukakan disebabkan Sistem Kutipan Cukai e-PBT di MPK tidak dapat menjana ringkasan pengumuran mengikut umur tunggakan yang dikehendaki sehingga tahun 2013. Ringkasan pengumuran mengikut umur tunggakan bagi MDP adalah seperti di **Jadual 4.5**.

**Jadual 4.5**  
**Ringkasan Pengumuran Mengikut Tempoh Tunggakan**  
**Hingga 2013 Bagi MDP**

Umur Tunggakan (Tahun)	Pegangan		Tunggakan (RM Juta)
	Bilangan (Unit)	Peratus (%)	
1 hingga 3	3,967	74.2	2.98
4 hingga 5	587	11.0	0.61
6 hingga 10	438	8.2	0.42
11 hingga 20	198	3.7	0.40
Melebihi 20	153	2.9	0.41
<b>Jumlah</b>	<b>5,343</b>	<b>100</b>	<b>4.82</b>

Sumber: MDP

**b. Pungutan Cukai Taksiran Tidak Dapat Menampung Perbelanjaan Sebenar**


i. Peningkatan tunggakan cukai taksiran memberi kesan terhadap prestasi kewangan MPK dan MDP. Cukai taksiran tahun semasa yang tidak dapat dikutip akan menyebabkan hasil MPK dan MDP berkurangan untuk menampung perbelanjaan mengurus dan pembangunan MPK dan MDP bagi tahun semasa. Hasil cukai taksiran MPK dan MDP merupakan penyumbang utama berbanding jumlah pungutan hasil termasuk caruman bantuan kadar dan hasil bukan cukai. Perbandingan antara jumlah hasil dengan perbelanjaan MPK dan MDP bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 4.6**. Analisis jumlah hasil berbanding perbelanjaan MPK dan MDP bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Carta 4.1**.

**Jadual 4.6**  
**Perbandingan Antara Jumlah Hasil Dengan Jumlah Perbelanjaan MPK Dan MDP**  
**Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

Tahun	Hasil (RM Juta)				Perbelanjaan (RM Juta)			Perbandingan Jumlah Hasil Dengan Jumlah Perbelanjaan
	Cukai Taksiran	Caruman Bantuan Kadar	Hasil Bukan Cukai	Jumlah	Mengurus	Pembangunan	Jumlah	
<b>Majlis Perbandaran Kluang</b>								(RM Juta) (%)
2011	18.91	1.93	6.23	27.07	28.90	3.74	32.64	(5.57) 82.9
2012	19.62	2.06	6.75	28.43	30.03	3.61	33.64	(5.21) 84.5
2013	19.94	0.31	6.67	26.92	27.61	1.76	29.37	(2.45) 91.7
<b>Majlis Daerah Pontian</b>								
2011	11.61	0.28	4.85	16.74	23.33	3.51	26.84	(10.10) 62.4
2012	11.85	0.74	4.74	17.33	30.47	7.89	38.36	(21.03) 45.2
2013	13.51	0.53	5.43	19.47	18.22	4.72	22.94	(3.47) 84.9

Sumber: MPK Dan MDP

**Carta 4.1**  
**Perbandingan Jumlah Hasil Dan Perbelanjaan Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**



Sumber: MPK Dan MDP

- ii. Berdasarkan **Carta 4.1** di atas, peratusan jumlah hasil berbanding perbelanjaan sebenar bagi MPK adalah antara 82.9% hingga 91.7% dan bagi MDP antara 45.2% hingga 84.9% untuk tahun 2011 hingga 2013. Ini menunjukkan hasil daripada pungutan cukai taksiran MPK dan MDP tidak mampu untuk menampung kos perbelanjaan tahunannya. Oleh itu, MPK dan MDP memerlukan bantuan daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan untuk menampung defisit perbelanjaan operasinya. Bagi tahun 2011 hingga 2013, MPK dan MDP telah menerima bantuan dalam bentuk geran yang berjumlah RM8.33 juta dan

RM7.91 juta masing-masing. Ini bermakna, MPK dan MDP masih bergantung kepada bantuan daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan bagi menampung jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang tinggi kerana jumlah pungutan cukai taksiran yang rendah.

Pada pendapat Audit, pungutan cukai taksiran bagi tempoh 3 tahun MPK dan MDP adalah memuaskan kerana pungutan sebenar melebihi 80% daripada yang disasarkan. Bagaimanapun prestasi pungutan tunggakan cukai taksiran bagi tempoh 3 tahun adalah tidak memuaskan kerana pencapaian pungutan antara RM2.53 juta hingga RM3.38 juta dapat dipungut berbanding jumlah tunggakan berjumlah RM11.46 juta hingga tahun 2013 bagi MPK. Manakala pencapaian pungutan tunggakan MDP pula antara RM0.86 juta sehingga RM1.19 juta dapat dipungut berbanding jumlah tunggakan berjumlah RM4.82 juta hingga tahun 2013.

#### **4.4.3. Rekod Dan Sistem Cukai Taksiran Tidak Lengkap Dan Tidak Tepat**

Rekod yang disimpan oleh MPK dan MDP berkenaan dengan harta pegangan bercukai taksiran ialah fail individu pegangan dan data dalam sistem e-PBT bagi MPK dan *Tiny Term* bagi MDP. Semakan Audit terhadap penyelenggaraan rekod tersebut mendapati seperti berikut:

##### **4.4.3.1. Maklumat Pemilik Tanah Dan Bangunan Kosong Tidak Dikemaskini**

- Pemilik harta bagi 398 bidang tanah dan 313 bangunan kosong di kawasan pentadbiran MPK dan MDP telah dikenalpasti tidak membayar tunggakan cukai taksiran berjumlah RM1.71 juta setakat tahun 2013. Kebanyakan pemilik bagi tanah dan bangunan kosong ini tidak dapat dihubungi dan menyukarkan MPK dan MDP untuk memungut cukai yang tertunggak kerana maklumat pemilik seperti nombor telefon yang tidak dikemaskini. Pihak Audit difahamkan, MPK dan MDP masih membuat semakan di jabatan dan agensi yang berkaitan seperti Pejabat Tanah, Jabatan Pendaftaran Negara dan Pemaju Perumahan untuk mendapatkan maklumat lanjut. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.7**.

**Jadual 4.7**

**Bilangan Pegangan Bagi Tanah Dan Bangunan Kosong Di MPK Dan MDP Pada Tahun 2013**

PBT	Tanah Kosong		Bangunan Kosong		Jumlah Keseluruhan Tunggakan Tanah Dan Bangunan Kosong (RM Juta)
	Bilangan Pegangan	Tunggakan (RM Juta)	Bilangan Pegangan	Tunggakan (RM Juta)	
MPK	13	0.05	60	0.13	0.18
MDP	385	1.11	253	0.42	1.53
<b>Jumlah</b>	<b>398</b>	<b>1.16</b>	<b>313</b>	<b>0.55</b>	<b>1.71</b>

Sumber: MPK Dan MDP

- Bilangan tanah dan bangunan kosong di **Jadual 4.7** bagi MPK dan MDP mempunyai tempoh tunggakan antara satu hingga 68 tahun. Semakan Audit juga mendapati

bilangan pegangan dan jumlah tunggakan bagi tanah dan bangunan kosong setakat 2013 di MDP adalah lebih tinggi berbanding MPK. Ini adalah kerana usaha untuk mengumpulkan data tanah dan bangunan kosong bagi MDP telah dilaksanakan semenjak tahun 2001. Manakala bagi MPK pula usaha pengumpulan data tanah dan bangunan kosong hanya dimulakan pada tahun 2013 dan masih banyak lagi maklumat yang belum dikumpulkan. Keadaan tanah dan bangunan yang kosong semasa lawatan fizikal diadakan adalah seperti di **Gambar 4.1** hingga **Gambar 4.4**.

**Gambar 4.1**  
**Tanah Kosong Dengan**  
**Tempoh Tunggakan 27 Tahun**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg Abd Rahman Yassin, Kluang  
Tarikh: 18 Jun 2013

**Gambar 4.2**  
**Tanah Kosong Dengan**  
**Tempoh Tunggakan 68 Tahun**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Parit Semerah, Pontian  
Tarikh: 8 Julai 2013

**Gambar 4.3**  
**Bangunan Kosong Dengan**  
**Tempoh Tunggakan 17 Tahun**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Perindustrian Wawasan, Kluang  
Tarikh: 18 Jun 2013

**Gambar 4.4**  
**Bangunan Kosong Dengan**  
**Tempoh Tunggakan 10 Tahun**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Seri Makmur, Pontian  
Tarikh: 8 Julai 2013

- c. Berdasarkan maklum balas MPK pada 5 Februari 2014, terdapat tanah yang telah dirampas atau pertukaran hak milikan oleh Pejabat Tanah tetapi perkara ini tidak dimaklumkan kepada pihak MPK yang mana tindakan *data cleaning* dan pembatalan akaun pegangan tersebut tidak dilakukan di peringkat MPK.
- d. Berdasarkan maklum balas MDP pada 17 Februari 2014, peratusan pungutan tunggakan dijangka akan meningkat sekiranya terdapat transaksi jualan

lelongan bagi projek perumahan yang tidak mendapat sambutan daripada pembeli. Selain itu, peningkatan tunggakan ini adalah berpunca daripada penambahan nilai bagi lot/tanah kosong bagi taman perumahan baru dan pindaan nilai dari lot kosong kepada nilai tanah dan bangunan yang berkuat kuasa 1 Julai 2007.

#### **4.4.3.2. Maklumat Pegangan Tunggakan Cukai Taksiran MDP Tidak Lengkap Dan Tidak Dapat Dikenal Pasti**

- a. Semakan Audit terhadap senarai tunggakan cukai taksiran yang dijana dari sistem cukai taksiran *Tiny Term* di MDP mendapati sebanyak 336 pegangan dengan cukai taksiran berjumlah RM0.36 juta tidak mengandungi maklumat yang lengkap. Antara maklumat yang tidak lengkap adalah berkaitan jumlah cukai taksiran tahunan, nombor akaun, nama pegangan, nombor rumah alamat yang salah, alamat tidak lengkap, nombor telefon tidak aktif dan jenis pegangan yang tidak dapat dikenalpasti. Pihak Audit juga telah memilih sebanyak 36 daripada 336 sampel fail pegangan bagi membuat pengesahan mengenai perkara ini. Bagaimanapun hanya 14 fail pegangan sahaja dapat dikemukakan untuk tujuan pengauditan manakala 22 fail pegangan tidak dapat dikemukakan kerana tiada dalam simpanan MDP. Hasil semakan terhadap 14 fail pegangan, pihak Audit mendapati kesemua fail tersebut tidak mempunyai maklumat lengkap seperti yang dinyatakan. Ini menyebabkan lawatan fizikal tidak dapat dilakukan di lokasi yang telah dipilih sebagai sampel lawatan walaupun telah dikenalpasti tunggakan cukainya adalah tinggi.
- b. **Berdasarkan maklum balas MDP pada 17 Februari 2014, terdapat tunggakan cukai taksiran bagi 500 akaun cukai harta yang dikenakan ke atas tanah tidak mempunyai data yang lengkap dan diletakkan di dalam senarai peruntukan hutang rugu. Bagaimanapun sebanyak 164 pegangan telah dikeluarkan daripada senarai tersebut. Bagi menyelesaikan masalah ini, pihak MDP telah melantik juruperunding penilai swasta pada bulan Februari 2014 bagi melaksanakan penilaian semula dan seterusnya mengemaskini data yang berkaitan.**

#### **4.4.3.3. Fail Individu Pegangan Tidak Diselenggara Dengan Memuaskan**

- a. Semakan Audit terhadap 191 dan 174 fail individu pegangan yang dikemukakan oleh MPK dan MDP masing-masing mendapati penyelenggaraan fail tersebut kurang memuaskan. Bagi MPK, daripada jumlah fail individu pegangan tersebut sebanyak 15 fail tidak mengandungi dokumen Notis Taksiran Harta, 135 fail tidak mengandungi Geran Tanah, 20 fail tidak mengandungi Laporan Nilaian dan 3 fail tidak mengandungi dokumen langsung. Manakala bagi MDP sebanyak 160 fail tidak mengandungi dokumen Notis Taksiran Harta, 114 fail tidak mengandungi Geran Tanah dan 63 fail tidak mengandungi Laporan Nilaian. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 4.8**.

**Jadual 4.8****Bilangan Dokumen Tiada Dalam Fail Pegangan**

Jumlah Sampel Pegangan	Bilangan Dokumen Tiada Dalam Fail Pegangan			
	Notis Taksiran Harta	Geran Tanah	Laporan Nilaian	Tiada Dokumen
<b>Majlis Perbandaran Kluang</b>				
191	15	135	20	3
<b>Majlis Daerah Pontian</b>				
174	160	114	63	-

Sumber: MPK Dan MDP

- b. Pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada nilaian cukai tahunan yang dikenakan adalah tepat tanpa dokumen tersebut. Notis Taksiran Harta juga tidak dapat ditentukan sama ada telah dihantar kepada pemilik pegangan kerana tiada rekod lain diselenggarakan bagi maksud tersebut.
- c. **Berdasarkan maklum balas MPK pada 5 Februari 2014, pihaknya memaklumkan semasa penilaian cukai taksiran bagi tujuan perumahan dibuat, amalan pemaju adalah hanya mengemukakan senarai nama pembeli sahaja dan tidak melampirkan geran tanah. Selain itu, setiap penilaian yang memerlukan kelulusan akan dibentang di mesyuarat jawatankuasa terlebih dahulu sebelum fail dibuka. Oleh itu, kemungkinan berlaku dokumen berkaitan tidak dimasukkan ke dalam fail. Pihak MPK akan memastikan perkara ini tidak berulang.**
- d. **Berdasarkan maklum balas MDP pada 17 Februari 2014, pihaknya mengakui bahawa kebanyakan fail-fail tersebut dibuka sejak tahun 1983 iaitu peringkat pertama penilaian semula yang diluluskan dan tidak dikemaskini. Pihak MDP dalam usaha melengkapkan semua dokumen dan proses ini telah dimulakan sejak tahun 2013.**

#### 4.4.3.4. Data Antara Kadar Cukai Taksiran Dengan Jenis Pegangan Tidak Sepadan

- a. Semakan Audit di setiap sistem e-PBT dan *Tiny Term* mendapati data pegangan bagi 302 daripada 54,910 di MPK dan 233 daripada 15,208 di MDP mempunyai maklumat yang tidak sepadan antara kadar cukai taksiran dengan jenis pegangan. Maklumat lanjut adalah sebagaimana di **Jadual 4.9**.

**Jadual 4.9**  
**Maklumat Kadar Cukai Taksiran Jenis Pegangan MPK Dan MDP**  
**Tidak Sepadan Di Sistem**

Bil	Jenis Perbezaan Maklumat	Bilangan Pegangan	
		MPK	MDP
1.	Data Kadar Cukai Perniagaan Direkod Sebagai Pegangan Kediaman	292	26
2.	Data Kadar Cukai Kediaman Direkod Sebagai Pegangan Perniagaan	9	161
3.	Data Kadar Cukai Pertanian Direkod Sebagai Pegangan Kediaman	1	33
4.	Data Kadar Cukai Kediaman Direkod Sebagai Pegangan Perindustrian	TB	13
<b>Jumlah</b>		<b>302</b>	<b>233</b>

Sumber: MPK Dan MDP

Nota: TB - Tidak Berkenaan

- b. Berdasarkan **Jadual 4.9**, terdapat 4 jenis data yang tidak sepadan antara kadar cukai taksiran yang dikenakan dengan setiap jenis pegangan. Bagi memastikan sama ada data tersebut berpadanan, pihak Audit telah membuat semakan lanjut dengan Notis Taksiran Harta dan Bil Cukai Harta yang dikeluarkan. Sebanyak 191 sampel fail pemegang cukai bagi MPK dan 174 sampel fail pemegang cukai bagi MDP telah disemak. Hasil daripada semakan tersebut pihak Audit mendapati berlaku kesilapan kemasukan data mengenai jenis pegangan di setiap sistem e-PBT dan *Tiny Term* sedangkan kadar cukai taksiran yang direkodkan mengikut jenis pegangan yang dinyatakan dalam Notis Taksiran Harta dan Bil Cukai Harta adalah betul. Pihak Audit dimaklumkan, kesilapan berlaku semasa kemasukan data yang dilakukan secara manual ke dalam sistem berkomputer di peringkat awal pembangunan sistem cukai taksiran dan tiada semakan selepas data dimasukkan. Contoh kesilapan rekod data jenis pegangan semasa lawatan Audit seperti di **Gambar 4.5** hingga **Gambar 4.11**.

**Gambar 4.5**  
**Data Jenis Pegangan Perdagangan Direkodkan Sebagai Kediaman**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Desa, Kluang  
Tarikh: 19 Jun 2013

**Gambar 4.6**  
**Data Jenis Pegangan Perindustrian Direkodkan Sebagai Kediaman**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Perindustrian Sinaran, Kluang  
Tarikh: 19 Jun 2013

**Gambar 4.7**  
**Data Jenis Pegangan Perdagangan Direkodkan Sebagai Perindustrian**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kawasan Perindustrian Mengkibol, Kluang  
Tarikh: 19 Jun 2013

**Gambar 4.8**  
**Data Jenis Pegangan Perindustrian Direkodkan Sebagai Perdagangan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Berlian, Kluang  
Tarikh: 19 Jun 2013

**Gambar 4.9**  
**Kategori Kod Pegangan Perdagangan Direkod Sebagai Perindustrian**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Parit Mesjid, Pontian  
Tarikh: 8 Julai 2013

**Gambar 4.10**  
**Kategori Kod Pegangan Kediaman Direkod Sebagai Perindustrian**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Parit Mesjid, Pontian  
Tarikh: 8 Julai 2013



**Gambar 4.11**  
**Jenis Pegangan Direkod Sebagai Kilang Sesebuah Tingkat Tetapi Status Geran Dinyatakan Sebagai Kediaman**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Parit Mesjid, Pontian  
Tarikh: 8 Julai 2013

- c. **Berdasarkan maklum balas MPK pada 5 Februari 2014, terdapat kesilapan pengisian maklumat semasa peringkat migrasi data pada kategori harta sebenar, bagaimanapun kadar yang digunakan adalah betul mengikut kategori harta sebenar. Berdasarkan maklum balas MDP bertarikh 17 Februari 2014,**

penilaian semula adalah jalan terbaik kerana data akan dikumpul dan seterusnya akan dikemas kini di setiap akaun pegangan tersebut.

#### 4.4.3.5. Data Jenis Pegangan Akaun Pembayar Cukai Di MPK Direkodkan Sebagai ‘Tidak Dikenalpasti’

Semakan Audit di sistem e-PBT mendapati 285 daripada 54,910 akaun pemilik pegangan cukai taksiran bagi MPK yang mempunyai nilai bangunan berjumlah RM60.91 juta telah direkodkan sebagai ‘Tidak Dikenalpasti’. Semakan lanjut terhadap 30 daripada 285 fail pegangan pembayar cukai mendapati kadar cukai taksiran yang dikenakan adalah berpadanan dengan Notis Taksiran Harta dan Geran Tanah. **Berdasarkan maklum balas MPK bertarikh 5 Februari 2014, pihaknya akan menyemak semula dan mengemaskini maklumat tersebut dan memastikan ia tidak berlaku pada masa akan datang.**

4.4.3.6. Impak daripada data pembayar cukai yang tidak diselenggara dengan sempurna menyebabkan data yang dijana tidak tepat dan tidak sahih. Selain itu, kesilapan boleh menyebabkan berlaku lebih atau kurangan cukai yang dikenakan kepada setiap pembayar cukai. Lawatan fizikal Audit mendapati sebanyak 19 pegangan di MPK dan 4 pegangan di MDP tidak dikenakan kadar cukai taksiran yang sebenar mengikut jenis pegangan yang sepatutnya iaitu terkurang pungut sejumlah RM626 dan terlebih pungut sejumlah RM3,549 di MPK. Bagi MDP pula telah terkurang pungut berjumlah RM2,759. Contoh jenis pegangan yang tidak dikenakan kadar cukai taksiran sebenar sebagaimana di **Gambar 4.12** hingga **Gambar 4.18**.

**Gambar 4.12**  
**Pegangan Perniagaan (0.32%) Dikenakan Kadar Cukai Taksiran Kediaman (0.23%)**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Seri Kluang, Kluang  
Tarikh: 19 Jun 2013

**Gambar 4.13**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Delima, Kluang  
Tarikh: 19 Jun 2013

**Gambar 4.14**

**Pegangan Kediaman (0.23%) Dikenakan Kadar Cukai Taksiran Perniagaan (0.32%)**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Saujana, Kluang  
Tarikh: 19 Jun 2013

**Gambar 4.15**

**Pegangan Perniagaan (0.50%) Dikenakan Kadar Cukai Taksiran Kediaman (0.35%)**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Bakek, Pontian  
Tarikh: 8 Julai 2013

**Gambar 4.16**

**Pegangan Kediaman (0.35%) Dikenakan Kadar Cukai Taksiran Pertanian (0.10%)**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Parit Mesjid, Pontian  
Tarikh: 8 Julai 2013

**Gambar 4.17**

**Kadar Cukai Taksiran Pertanian (0.10%)**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Parit Mesjid, Pontian  
Tarikh: 8 Julai 2013



**Gambar 4.18**

**Pegangan Perdagangan (0.50%)  
Dikenakan Kadar Cukai Taksiran Kediaman (0.35%)**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Alsagoff, Pontian  
Tarikh: 8 Julai 2013

Pada pendapat Audit, rekod mengenai harta pegangan bercukai taksiran di MPK dan MDP kurang memuaskan disebabkan dokumen fail pegangan yang tidak lengkap dan terdapat kesalahan sistem pungutan cukai taksiran pada data pemilik pegangan. Ini menyebabkan terdapat kadar cukai taksiran yang dikenakan tidak sepadan dengan

jenis pegangan dan boleh berkemungkinan berlaku terkurang dan terlebih pungut cukai taksiran.

#### 4.4.4. Senarai Nilaian Dan Kadar

**4.4.4.1.** Mengikut Akta Kerajaan Tempatan Seksyen 137, setiap PBT perlu menyedia dan menyiapkan Senarai Nilaian bagi segala pegangan yang tidak dikecualikan daripada pembayaran kadar seperti nama jalan atau tempat di mana pegangan itu terletak, perihal pegangan itu sama ada dengan nama atau nombor yang cukup untuk mengenalinya, nama pemunya dan penduduknya jika diketahui dan nilai tahunan atau nilai tambah pegangan itu. Manakala Seksyen 137(2) dan (3) pula menyatakan senarai nilaian bersama dengan pindaan yang dibuat di bawah Seksyen 144 hendaklah terus berkuatkuasa sehingga ia diganti dengan Senarai Nilaian Baru. Senarai Nilaian Baru hendaklah disedia dan disiapkan setiap 5 tahun sekali atau dalam tempoh yang dilanjutkan sebagaimana ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Semakan Audit mengenai senarai nilaian dan kadar adalah seperti berikut:

#### 4.4.4.2. Kadar Cukai Taksiran Berbeza Bagi Pegangan Yang Sama Di MDP

a. Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor bertarikh 14 Disember 2005 telah meluluskan kadar cukai taksiran yang baru bagi MDP untuk diguna pakai dan telah dikuatkuasakan mulai Julai 2006. Semakan Audit terhadap data sistem cukai taksiran mendapati sebanyak 10,809 pegangan kediaman dan perindustrian daripada 16,308 sampel pegangan bagi Bandar Pontian yang disemak menggunakan 2 kadar cukai taksiran yang berbeza untuk jenis pegangan yang sama. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 4.10**.

**Jadual 4.10**

Perbandingan Antara Kadar Lama Dan Kadar Baru Cukai Taksiran Mengikut Pegangan Di MDP

Jenis Pegangan	Kadar Lama (Tarikh Kuatkuasa Januari 1983)			Kadar Baru (Tarikh Kuatkuasa Julai 2006)		
	Kadar Cukai Taksiran (%)	Bilangan Pegangan	Jumlah Nilaian Harta (RM Juta)	Kadar Cukai Taksiran (%)	Bilangan Pegangan	Jumlah Nilaian Harta (RM Juta)
Kediaman	0.35	10,196	599.24	0.28	491	28.85
Perindustrian	0.60	117	102.02	0.57	5	3.56
<b>Jumlah</b>		<b>10,313</b>	<b>701.26</b>		<b>496</b>	<b>32.41</b>

Sumber: Data Pegangan Dari Sistem Cukai Taksiran Bagi Zon Bandar Pontian MDP

b. Berdasarkan **Jadual 4.10**, sebanyak 10,313 bilangan pegangan kediaman dan perindustrian masih menggunakan kadar lama dan 496 bilangan pegangan bagi MDP yang sama telah menggunakan kadar baru. Pihak Audit dimaklumkan, kadar cukai taksiran baru yang dikenakan oleh MDP adalah sekadar untuk rekod sahaja dan masih belum dikuatkuasakan walaupun kelulusan kadar cukai taksiran baru tersebut telah dikuatkuasakan pada Julai 2006. Penggunaan kadar baru ini tidak diselaraskan kepada semua pegangan cukai MDP oleh kerana kelulusan hanya diberikan kepada kadar cukai taksiran sahaja tetapi tidak kepada nilai taksiran. Penggunaan kadar

cukai taksiran yang baru ini hanya akan digunakan selepas MDP mendapat kelulusan untuk nilai taksiran daripada PBN.

- c. Bagaimanapun bagi mendapatkan pengesahan, pihak Audit telah membuat semakan lanjut terhadap 60 fail pegangan MDP dan mendapati 10 daripadanya telah diberi kelulusan melalui Mesyuarat Majlis Bil. 7 dan 8 pada tahun 2006 untuk mengguna pakai kadar cukai taksiran baru yang telah dikuatkuasakan pada Julai 2006. Ini menunjukkan terdapat ketidakseragaman terhadap penggunaan kadar cukai taksiran tersebut. Butiran lanjut pembayar cukai yang diluluskan menggunakan kadar cukai taksiran baru adalah seperti di **Jadual 4.11**.

**Jadual 4.11**  
**Senarai Pembayar Cukai MDP Yang Telah Diberi Kelulusan Dengan Kadar Baru**

Bil.	No. Akaun	Nilai Harta (RM)	Kadar Cukai Taksiran (%)	Nilai Cukai Taksiran (RM)
1.	A0406715	305,000	0.28	854
2.	A0406716	255,000	0.28	714
3.	A0406717	255,000	0.28	714
4.	A0406723	255,000	0.28	714
5.	A0406724	255,000	0.28	714
6.	A0406725	255,000	0.28	714
7.	A0406726	255,000	0.28	714
8.	A0406728	299,000	0.28	837
9.	A0401777	201,000	0.28	562
10.	A0401832	202,000	0.28	566
<b>Jumlah</b>		<b>2,537,000</b>		<b>7,103</b>

Sumber: MDP

#### **4.4.4.3. Maklumat Cukai Taksiran Berbeza Antara Bil Cukai Harta Dan Notis Taksiran Harta Di MPK**

Semakan Audit mendapati 40 daripada 54,910 akaun pegangan cukai taksiran bagi MPK yang mempunyai nilai bangunan berjumlah RM32.92 juta telah dikenalpasti mempunyai 3 jenis kadar cukai taksiran iaitu 0.55%, 0.5% dan 0.2%. Kategori kadar cukai taksiran ini tidak dapat dipastikan kerana kadar yang dinyatakan di akaun pegangan tersebut tidak termasuk di dalam senarai kadar cukai yang masih berkuatkuasa. Semakan lanjut antara Notis Taksiran Harta dan Bil Cukai Taksiran setiap pegangan juga mendapati kadar cukai taksiran dan nilai taksiran yang dikenakan juga berbeza iaitu jumlah nilai taksiran di Bil Cukai Taksiran ialah berjumlah RM2.93 juta manakala jumlah nilai taksiran di Notis Taksiran Harta adalah berjumlah RM5.61 juta. Bagi cukai tahunan pula, jumlah yang dinyatakan di Bil Cukai Taksiran ialah RM15,135 manakala jumlah cukai tahunan yang dinyatakan di Notis Taksiran ialah RM15,420. **Berdasarkan maklum balas MPK pada 20 Februari 2014, kadar-kadar tersebut telah dikemaskini mengikut tarikh kelulusan Senarai Nilai Dan Kadar baru yang dikuatkuasakan pada 1 Januari 2014.**

#### **4.4.4.4. Peluasan Kawasan Baru Di MDP Lewat Dikenakan Cukai**

- a. Pada tahun 2003, Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor rujukan R/M Bil. 2251/2003 telah membuat keputusan dan bersetuju terhadap cadangan perluasan kawasan Pulau Kukup, Tanjung Piai, Serkat dan kawasan sekitar sehingga ke Sungai Pulai ke dalam kawasan pentadbiran MDP. Peluasan kawasan ini telah pun dikuatkuasakan melalui Warta Kerajaan No. 9 Jilid 48 pada 22 April 2004. Tujuan peluasan kawasan ini dibuat adalah untuk mendapatkan hasil cukai taksiran serta mengawal pembangunan di kawasan sekitarnya agar mengikut garis panduan yang ditetapkan dan dapat meluaskan sektor pelancongan agar lebih dikenali sebagai Penghujung Benua Asia.
- b. Semakan Audit mendapati MDP telah memulakan semakan dan pengemaskinian data kepada penduduk di kawasan Serkat hanya pada tahun 2013. Proses ini mengambil masa selama 10 tahun sedangkan pihak Audit dimaklumkan pengenaan cukai taksiran di kawasan Serkat sepatutnya boleh dipungut mulai tahun 2005 atau 2006. Pihak MDP difahamkan melakukan kerja-kerja pengiraan dan pengenaan cukai taksiran di kawasan Tanjung Piai dan Pulau Kukup terlebih dahulu memandangkan keluasan kawasan tersebut adalah lebih kecil iaitu 2,069 hektar berbanding kawasan Serkat iaitu 6,234 hektar. Antara sebab lain proses pengenaan cukai taksiran di kawasan Serkat mengambil masa yang lama kerana penduduk kawasan tersebut tidak bersetuju dikenakan bayaran cukai taksiran atas alasan membebankan mereka walaupun MDP telah memberi perkhidmatan kebersihan dan lain-lain kemudahan asas. Pihak Audit telah berpeluang bersama-sama dengan pegawai MDP untuk melihat proses semakan dan pengemaskinian data penduduk di kawasan tersebut pada 25 Jun 2013. Bagaimanapun dari jam 9 pagi hingga 4 petang hanya 20 orang penduduk sahaja yang keluar untuk mengemaskinikan data berbanding populasi penduduk yang sebenar iaitu 9,550 orang.
- c. Semakan Audit juga mendapati anggaran jumlah pungutan cukai taksiran yang akan dipungut di kawasan ini berjumlah RM11,308 yang melibatkan 169 bangunan. Kadar cukai taksiran yang boleh dikenakan adalah ke atas pegangan kediaman iaitu 0.35%. Bagaimanapun bagi meringankan beban penduduk kawasan tersebut, Mesyuarat Majlis Bil. 9/2013 pada September 2013 telah memutuskan agar cukai taksiran yang dikenakan adalah pada kadar 0.1%. Kadar ini juga dikenakan hanya ke atas nilai bangunan pegangan sahaja yang mana nilai harga tanah tidak diambilkira. Penurunan kadar dan nilai pegangan ini menyebabkan hasil pungutan cukai taksiran MDP berkurangan.
- d. **Berdasarkan maklum balas MDP bertarikh 17 Februari 2014, pihaknya telah membuat roadshow beberapa kali semenjak tahun 2007 setelah hartanah di kawasan Serkat itu dinilaikan untuk memberi penerangan tentang tanggungjawab penduduk menjelaskan cukai taksiran. Bagaimanapun, penduduk Serkat masih membuat bantahan dan menyebabkan pengenaan cukai taksiran di kawasan itu tertangguh. Bagaimanapun setelah kadar cukai**

**taksiran pegangan kediaman telah dikurangkan kepada 0.1%, sebanyak 63 pegangan berjumlah RM1,318 telah membuat bayaran cukai taksiran masing-masing.**

Pada pendapat Audit, senarai nilai dan kadar adalah memuaskan kerana kadar cukai taksiran telah dikemaskini mengikut senarai nilai dan kadar yang baru dan bagi peluasan kawasan baru bayaran cukai taksiran telah dibuat oleh pemilik harta pegangan.

#### **4.5. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan matlamat perkhidmatan yang akan diberi tidak terjejas dan mempertingkatkan hasil pungutan cukai taksiran yang menjadi sumber utama, MPK dan MDP perlu mempergiatkan usaha memungut hasil cukai taksiran dan mengurangkan tunggakannya serta meningkatkan pengurusan rekod berkomputer sistem cukai taksiran. Untuk tujuan itu, syor berikut boleh dipertimbangkan oleh pihak MPK dan MDP:

**4.5.1.** Menyelaras peranan setiap bahagian melalui Jawatankuasa Khas Tuggakan Cukai Taksiran dan mengambil tindakan tegas seperti penyitaan terhadap pemilik harta pegangan yang gagal menyelesaikan tunggakan cukai taksiran.

**4.5.2.** Mengemaskini maklumat pemilik pegangan dalam sistem komputer terutama alamat penuh pemilik harta pegangan, kadar cukai taksiran, jenis pegangan dan status pemilikan sebenar harta.

## **PERBADANAN JOHOR**

### **5. JOHOR FOODS SDN. BHD.**

#### **5.1. LATAR BELAKANG**

**5.1.1.** Johor Foods Sdn. Bhd. (JFSB) atau pada awal penubuhannya dikenali sebagai Palong Cocoa Sdn. Bhd. telah ditubuhkan pada 31 Mac 1980 di bawah Seksyen 16(4) Akta Syarikat 1965 dan merupakan anak syarikat 100% milik Perbadanan Johor. Aktiviti utama Syarikat JFSB adalah dalam bidang perniagaan pemilikan pelaburan, perladangan dan pengilangan kelapa sawit. Sehingga 31 Disember 2012, modal saham dibenarkan dan modal saham berbayar JFSB masing-masing berjumlah RM26 juta.

**5.1.2.** JFSB mempunyai 5 orang Ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada Naib Presiden Divisyen Kewangan dan Undang-undang Perbadanan Johor sebagai Pengerusi, Pengurus Besar Johor Land Bhd., Pengurus Kanan Jabatan Pembangunan Projek Perbadanan Johor, Pengurus Kanan Bahagian Pentadbiran Khas Perbadanan Johor dan Pengurus Pelaburan Johor Bhd.. JFSB tidak mempunyai kakitangan sokongan lain kerana aktiviti ladang dan kilang kelapa sawit diuruskan sepenuhnya oleh pihak agen yang dilantik.

**5.1.3.** Sebagai syarikat yang dimiliki oleh Perbadanan Johor, JFSB perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan peraturan lain yang dikeluarkan oleh Kerajaan berkaitan syarikat dari semasa ke semasa serta peraturan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah JFSB.

#### **5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan JFSB adalah memuaskan dan pengurusan aktiviti serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

#### **5.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Skop pengauditan meliputi aspek kewangan dan aktiviti utama syarikat dengan tujuan untuk menentukan sama ada wang yang disumbangkan oleh Kerajaan/Agenzi Kerajaan telah diurus dan digunakan dengan teratur selaras dengan objektif yang ditetapkan. Aspek yang ditekankan ialah Prestasi Kewangan, Pengurusan Aktiviti dan Tadbir Urus Korporat. Semakan dilakukan terhadap dokumen, fail, rekod yang berkaitan bagi tahun 2010 hingga 2013. Temu bual dan perbincangan berkaitan syarikat juga telah diadakan dengan pegawai daripada JFSB dan pihak-pihak lain yang terlibat dengan pengurusan ladang dan penyediaan penyata kewangan. Pemeriksaan fizikal peralatan dan aset turut dilakukan.

Analisis kewangan merangkumi nisbah dan trend yang dilakukan secara perbandingan dengan indeks prestasi syarikat.

#### **5.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara Julai hingga Oktober 2013 mendapati prestasi kewangan JFSB adalah memuaskan di mana JFSB mencatat keuntungan sebelum cukai bagi tahun 2010 hingga 2012. Keuntungan terkumpul JFSB pada akhir tahun 2012 adalah berjumlah RM205.51 juta. Pengurusan aktiviti utama iaitu perladangan dan kilang kelapa sawit adalah memuaskan manakala aktiviti pengurusan pemilikan pelaburan didapati kurang memuaskan. Selain itu, tadbir urus korporat bagi tahun 2010 hingga 2012 juga adalah memuaskan. Sungguhpun begitu, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat seperti berikut:

- Pulangan yang rendah bagi perniagaan pemilikan pelaburan yang disebabkan oleh prestasi kewangan syarikat-syarikat yang dilabur tidak memuaskan. Rosot nilai pelaburan serta hutang syarikat yang ketara telah diperuntukkan.
- Tiada rancangan jangka pendek dan panjang untuk memajukan tanah di Metro Larkin 1 dan Bukit Resam yang diambil alih pada tahun 2004. Perolehan harta tanah tanpa perancangan pembangunan adalah kurang memuaskan.
- Tidak menyediakan perancangan strategik bagi menentukan hala tuju syarikat untuk menjana keuntungan seterusnya setelah penjualan ladang dan kilang kelapa sawit.
- Bayaran dividen tidak diisyiharkan walaupun JFSB telah mencatat keuntungan selepas cukai bagi 3 tahun berturut-turut.

##### **5.4.1. Prestasi Kewangan**

###### **5.4.1.1. Analisis Trend**

- a. Bagi tahun 2010 hingga 2012, prestasi kewangan JFSB adalah memuaskan. JFSB memperoleh keuntungan sebelum cukai berjumlah RM4.75 juta pada tahun 2010. Keuntungan tersebut meningkat sejumlah RM0.02 juta kepada RM4.77 juta atau 0.4% pada tahun 2011. Manakala bagi tahun 2012, terdapat peningkatan ketara sejumlah RM173.13 juta atau 3,629.6% menjadi RM177.90 juta berbanding tahun 2011. Keuntungan sebelum cukai melonjak kepada RM177.90 juta disebabkan tindakan JFSB menjual kesemua ladang dan kilang kelapa sawit kepada Syarikat Mahamurni Plantations Sdn. Bhd..
- b. Pendapatan JFSB adalah dari 2 komponen iaitu perolehan operasi dan lain-lain pendapatan operasi. Perolehan operasi merupakan pendapatan utama syarikat yang terdiri daripada jualan minyak sawit mentah, isirung kelapa sawit dan *bio compost*. Perolehan bagi tahun 2011 telah meningkat kepada RM117.20 juta atau 27.6%



berbanding RM91.82 juta pada tahun 2010. Bagi tahun 2012 pula, perolehan JFSB menurun dengan mendadak kepada RM38.27 juta berbanding tahun 2011 iaitu penurunan sejumlah RM78.93 juta atau 67.3% disebabkan penjualan ketiga-tiga ladang dan kilang pada tahun 2012. Manakala, lain-lain pendapatan operasi terdiri daripada sewa kedai, lain-lain sewaan, jualan besi buruk dihapus kira, jualan tempurung kelapa sawit, hutang lapuk dipungut, insentif penanaman semula, rosot nilai pelaburan serta hutang ragu dipulihkan semula, keuntungan atas jualan aset bukan semasa dan pelbagai pendapatan lain. Pada tahun 2010, lain-lain pendapatan operasi JFSB adalah berjumlah RM4.54 juta dan menurun sejumlah RM2.17 juta atau 47.8% kepada RM2.37 juta pada tahun 2011. Penurunan signifikan lain-lain pendapatan operasi adalah disebabkan ketidaaan rosot nilai pelaburan serta hutang ragu dipulihkan semula, insentif penanaman semula dan hutang lapuk dipungut. Manakala bagi tahun 2012, jumlah lain-lain pendapatan operasi meningkat sejumlah RM180.78 juta atau 7,627.8% kepada RM183.15 juta disebabkan oleh keuntungan atas jualan aset bukan semasa iaitu tanah pajakan pertanian, kilang, loji dan jentera.

- c. Perbelanjaan JFSB adalah terdiri daripada kos jualan, belanja jualan dan pengedaran, belanja pentadbiran, lain-lain belanja operasi serta kos kewangan. Pada tahun 2011, jumlah perbelanjaan telah meningkat kepada RM114.80 juta atau 25.3% berbanding RM91.61 juta pada tahun 2010. Sebab utama peningkatan perbelanjaan adalah kerugian dalam penjualan hartanah, loji dan peralatan, caj bank serta perbelanjaan mesyuarat. Pada tahun 2012, jumlah perbelanjaan menurun sejumlah RM71.28 juta atau 62.1% kepada RM43.52 juta disebabkan penurunan kos jualan, belanja jualan dan pengedaran serta caj bank.
- d. Kedudukan kewangan JFSB bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 5.1, Carta 5.1 dan Carta 5.2**.

**Jadual 5.1  
Kedudukan Penyata Pendapatan Komprehensif JFSB  
Bagi Tahun Kewangan 2010 Hingga 2012**

Butiran	Tahun Kewangan		
	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
Perolehan	91.82	117.20	38.27
Lain-Lain Pendapatan	4.54	2.37	183.15
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>96.36</b>	<b>119.57</b>	<b>221.42</b>
Perbelanjaan	-91.61	-114.80	-43.52
<b>Keuntungan Sebelum Cukai</b>	<b>4.75</b>	<b>4.77</b>	<b>177.90</b>
Cukai/Lebihan Cukai	-1.34	-2.72	12.04
<b>Keuntungan Selepas Cukai</b>	<b>3.41</b>	<b>2.05</b>	<b>189.94</b>
<b>Keuntungan Terkumpul</b>	<b>13.52</b>	<b>15.57</b>	<b>205.51</b>

Sumber: Penyata Kewangan JFSB



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit JFSB

#### 5.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan JFSB, analisis nisbah kewangan telah dibuat terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan serta Penyata Pendapatan Komprehensif JFSB bagi tahun 2010 hingga 2012. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 5.2**.

**Jadual 5.2**  
**Analisis Nisbah Kewangan JFSB**  
**Bagi Tahun Kewangan 2010 Hingga 2012**

Butiran	Tahun Kewangan		
	2010	2011	2012
Nisbah Semasa	0.33:1	1.10:1	4.77:1
Margin Untung Bersih	5.2%	4.1%	464.9%
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.03:1	0.03:1	0.60:1
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.12:1	0.11:1	0.77:1

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit JFSB

- Nisbah Semasa** digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat boleh ditukar dengan kadar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Nisbah semasa pada kadar 2:1 dan ke atas dianggap memuaskan dan semakin teguh kemampuan syarikat menanggung liabiliti jangka pendek. Analisis Audit mendapati kadar nisbah semasa JFSB bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012 adalah semakin meningkat iaitu 0.33 hingga 4.77. Tahap kecairan yang semakin meningkat menunjukkan kedudukan kewangan JFSB adalah semakin baik dan mempunyai kecairan yang tinggi iaitu setiap ringgit tanggungan semasa adalah dibiayai oleh aset semasa.
- Margin Untung Bersih** digunakan untuk mengukur keupayaan syarikat dalam memperoleh untung bersih daripada setiap ringgit hasil yang dikutip. Peningkatan margin ini menunjukkan meningkatnya kecekapan syarikat di mana bagi setiap

kenaikan hasil, ia memberi nilai tambah kepada peningkatan kadar keuntungan syarikat. Analisis Audit mendapati bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012, margin untung bersih JFSB telah menunjukkan penurunan iaitu 5.2% pada tahun 2010 kepada 4.1% pada tahun 2011 dan meningkat semula kepada 464.9% pada tahun 2012. Peningkatan margin untung bersih pada tahun 2012 menunjukkan prestasi yang luar biasa dan ianya disebabkan oleh keuntungan ke atas pelupusan aset tetap.

- c. **Nisbah Pulangan Ke Atas Aset** bertujuan mengukur kecekapan syarikat dalam menggunakan aset yang dimiliki untuk menghasilkan keuntungan. Semakin tinggi pendapatan yang diperoleh daripada setiap ringgit yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. Analisis Audit mendapati bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012, nisbah pulangan atas aset yang diperoleh JFSB adalah kurang memuaskan. Bagaimanapun, kedudukan prestasi nisbah pulangan atas aset semakin meningkat di mana berjumlah 0.03 sen pada tahun 2010 dan 2011, seterusnya meningkat kepada 0.60 sen pada tahun 2012. Nisbah pulangan atas aset yang meningkat pada tahun 2012 disebabkan oleh lain-lain pendapatan semakin tinggi dan perbelanjaan yang semakin berkurang.
- d. **Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti** bertujuan mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi pendapatan yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Analisis Audit mendapati nisbah pulangan atas ekuiti JFSB adalah kurang memuaskan namun memberi pulangan kepada pemegang saham iaitu sejumlah 0.12 sen pada tahun 2010, 0.11 sen pada tahun 2011 dan 0.77 sen pada tahun 2012. Ini menunjukkan JFSB berupaya menghasilkan keuntungan kepada pemegang saham.

**Pada pendapat Audit, prestasi kewangan JFSB adalah memuaskan. JFSB berjaya memperoleh keuntungan sebelum cukai bagi 3 tahun berturut-turut berjumlah RM4.75 juta dan RM4.77 juta pada tahun 2010 dan 2011 seterusnya melonjak kepada RM177.90 juta pada tahun 2012. Bagi analisis nisbah kewangan, JFSB mempunyai tahap kecairan yang tinggi dan berupaya memberi nilai tambah kepada peningkatan kadar keuntungan syarikat.**

#### **5.4.2. Pengurusan Aktiviti**

Aktiviti utama syarikat JFSB adalah dalam bidang perladangan, pengilangan kelapa sawit dan perniagaan pemilikan pelaburan. Secara amnya, aktiviti dalam mengusahakan ladang dan kilang kelapa sawit JFSB adalah memuaskan. Bagi perniagaan pemilikan pelaburan pula, tidak ada sumbangan kepada keuntungan sebelum cukai walaupun JFSB memegang ekuiti dalam 4 syarikat subsidiari bagi tahun 2010 hingga 2012. Selain itu, JFSB juga masih belum mempunyai rancangan jangka pendek dan jangka panjang bagi hartanah yang diambil alih daripada Syarikat Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd. melainkan meneruskan pungutan sewa sepanjang tempoh 2010 hingga 2012.

#### **5.4.2.1. Aktiviti Perladangan Kelapa Sawit**

Aktiviti perladangan kelapa sawit JFSB dijalankan di 3 buah ladang iaitu Ladang Mungka, Kemedak dan Palong di Mukim Buloh Kasap. Selain itu, JFSB juga memiliki Kilang Kelapa Sawit Palong Cocoa yang beroperasi di kawasan Ladang Mungka. Bagi tahun 2010 hingga 2012, aktiviti perladangan kelapa sawit adalah memuaskan dan telah menjadi penyumbang utama keuntungan syarikat. Bagaimanapun, bermula Mei 2012 JFSB tidak lagi menerima sumbangan perolehan daripada sumber utama ini kerana kesemua milikan ladang dan kilang telah dijual kepada Syarikat Mahamurni Plantations Sdn. Bhd. dengan nilai jualan RM253.32 juta. Kesemua dana yang dijana daripada jualan tersebut telah disalurkan kepada syarikat induk. Sehingga pengauditan selesai dijalankan, JFSB masih belum mencebur perniagaan baru dalam usaha untuk mengganti sumber perolehan utama itu. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 11 Mac 2014, pihak JFSB memaklumkan penjualan ladang dan kilang diputuskan oleh Perbadanan Johor selaku pemilik saham utama JFSB. Bagaimanapun, JFSB akan berusaha meningkatkan perolehan syarikat pada masa akan datang. Antara aktiviti yang dirancang ialah penglibatan dalam perniagaan berdasarkan makanan.**

#### **5.4.2.2. Aktiviti Pemilikan Pelaburan**

Dalam bidang pemilikan pelaburan, JFSB memegang ekuiti dalam beberapa syarikat subsidiari, pelaburan lain dan harta tanah pelaburan sepanjang tahun 2010 hingga 2012. Semakan Audit terhadap aktiviti pemilikan pelaburan JFSB mendapati perkara seperti berikut:

##### **a. Prestasi Kewangan Syarikat Subsidiari Tidak Memuaskan**

- i. Pelaburan JFSB dalam syarikat subsidiari hanya melibatkan 4 syarikat kerana JFSB telah menjual 3 syarikat subsidiarinya iaitu Johor Tropical Products Sdn. Bhd., Johor Deer Farm Sdn. Bhd. dan Saujana Jaya Sdn. Bhd.. Kepentingan ekuiti dalam 4 syarikat subsidiari yang lain iaitu Rajaudang Sdn. Bhd., Kilang Air Batu Perintis Sdn. Bhd., Meatpackers Sdn. Bhd. dan Asia Pacific Food Traders Sdn. Bhd. tidak berubah bagi tahun 2010 hingga 2012. Kedudukan pegangan ekuiti dalam syarikat subsidiari bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 5.3**. Pada tahun 2010, kepentingan JFSB dalam 4 syarikat subsidiari bernilai RM2.21 juta. Bagaimanapun, pada tahun 2011 dan 2012 kepentingan JFSB telah menurun sejumlah RM1.97 juta atau 89.1% kepada RM0.24 juta setelah rosot nilai pelaburan diperuntukkan. Kepentingan dalam subsidiari bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 5.4**.

**Jadual 5.3****Pegangan Ekuiti JFSB Dalam Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2010 Hingga 2012**

Bil.	Syarikat Subsidiari JFSB	Tahun (%)			Aktiviti Utama
		2010	2011	2012	
1.	Rajaudang Sdn. Bhd.	100	100	100	Pemilikan pelaburan dan penyewaan kolam ternakan marin serta aktiviti berkaitan
2.	Kilang Air Batu Perintis Sdn. Bhd.	88.22	88.22	88.22	Sewaan tanah dan kemudahan bilik sejuk
3.	Meatpackers Sdn. Bhd.	81.75	81.75	81.75	Tidak aktif
4.	Asia Pacific Food Traders Sdn. Bhd.	51	51	51	Tidak aktif

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit JFSB

**Jadual 5.4****Kepentingan JFSB Dalam Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2010 Hingga 2012**

Kepentingan Dalam Syarikat Subsidiari	Tahun Kewangan		
	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
Saham Biasa	13.21	13.21	13.21
Tolak: Kemerosotan Nilai	(11.00)	(12.97)	(12.97)
	<b>2.21</b>	<b>0.24</b>	<b>0.24</b>
<b>Jumlah Kepentingan</b>	<b>2.21</b>	<b>0.24</b>	<b>0.24</b>

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit JFSB

- ii. Analisis Audit mendapati prestasi kewangan syarikat subsidiari JFSB adalah tidak memuaskan bagi tempoh 2010 hingga 2012. Berdasarkan penyata kewangan beraudit bagi tahun 2012, daripada 4 syarikat di mana JFSB masih mempunyai kepentingan, hanya 2 masih beroperasi manakala 2 yang lain adalah tidak aktif. Tiga daripada 4 subsidiari iaitu Kilang Air Batu Perintis Sdn. Bhd., Meatpackers Sdn. Bhd. dan Asia Pacific Food Traders Sdn. Bhd. telah memperoleh keuntungan semasa berjumlah RM30,072 bagi tahun 2012. Dua daripada syarikat tersebut berstatus tidak aktif namun masih mampu mencatatkan keuntungan semasa berjumlah RM1,145 dan RM345 hasil daripada pelepasan hutang oleh syarikat induk. Seterusnya, Syarikat Rajaudang Sdn. Bhd. telah mengalami kerugian semasa berjumlah RM649,697 walaupun syarikat tersebut mencatat keuntungan bagi tahun 2010 dan 2011. Prestasi kewangan untuk kesemua 4 syarikat bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 5.5** dengan kerugian terkumpul syarikat pada akhir tahun 2012 adalah antara RM0.5 juta hingga RM24.18 juta. Tiada pembayaran dividen dibuat bagi tahun 2010 hingga 2012 oleh keempat-empat syarikat.
- iii. Kedudukan kewangan Syarikat Rajaudang Sdn. Bhd. yang mengalami defisit dalam dana pemegang saham berjumlah RM14.23 juta dan liabiliti bersih berjumlah RM15.06 juta telah ditegur dan dilaporkan oleh Juruaudit Bertauliah JFSB bagi tahun 2012 sebagai perkara yang perlu diberi penekanan (*emphasis of matter*) terhadap Syarikat Rajaudang Sdn. Bhd.

**Jadual 5.5****Prestasi Kewangan Syarikat Subsidiari JFSB Bagi Tahun Kewangan 2010 Hingga 2012**

Bil.	Syarikat Subsidiari	2010		2011		2012	
		Untung/Rugi (RM)					
		Semasa	Terkumpul	Semasa	Terkumpul	Semasa	Terkumpul
1.	Rajaudang Sdn. Bhd.	48,003	-26,794,934	3,528,076	-23,266,858	-649,697	-24,179,687
2.	Kilang Air Batu Perintis Sdn. Bhd.	506,356	-588,546	-709,302	-1,323,253	28,582	-1,322,354
3.	Meatpackers Sdn. Bhd.	-345	-1,002,045	0.00	-1,002,045	1,145	-1,000,900
4.	Asia Pacific Food Traders Sdn. Bhd.	-345	-501,245	0.00	-501,245	345	-500,900

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Syarikat Subsidiari JFSB

**Berdasarkan maklum balas bertarikh 30 Januari 2014, pihak JFSB memaklumkan Perbadanan Johor telah menubuhkan Bahagian Pentadbiran Khas bagi mengkaji semula prestasi syarikat yang memerlukan perhatian untuk tindakan selanjutnya termasuk syarikat-syarikat yang dinyatakan.**

**b. Hartanah Yang Tidak Dibangunkan**

- i. JFSB bersetuju untuk mengambil alih sepenuhnya pinjaman Syarikat Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd. (KPRJ) daripada Affin Bank Bhd. berserta 4 lot harta tanah di Metro Larkin 1, Mukim Johor Bahru dan 1 lot di Bukit Resam, Mukim Pulai pada tahun 2004. Kedudukan harta tanah pelaburan JFSB yang diambil daripada Syarikat KPRJ adalah seperti di **Jadual 5.6**. Hartanah tersebut dikelaskan sebagai harta tanah pelaburan dengan nilai RM67.96 juta dalam penyata kewangan 2010. Nilai harta tanah tersebut dinyatakan mengikut nilai saksama berjumlah RM67.96 juta pada tahun 2011 dan 2012. Berdasarkan lawatan pada 28 Ogos 2013, 5 September 2013 dan 8 September 2013, pihak Audit mendapati tiada pembangunan yang dijalankan di atas tanah-tanah tersebut. JFSB masih belum mempunyai rancangan jangka pendek dan jangka panjang untuk harta tanah yang diambil alih. Pihak Audit juga mendapati kawasan di Tanah Metro Larkin 1 masih disewakan menjadi tapak pasar tani, pasar malam, akademi memandu, kafeteria, tempat cuci kereta, padang latihan dan pejabat FAMA. Keadaan di kawasan Tanah Metro Larkin 1 dan di Bukit Resam adalah seperti di **Gambar 5.1** hingga **Gambar 5.10**.

**Jadual 5.6****Harta Tanah Pelaburan JFSB Melalui Pengambilalihan Daripada KPRJ**

Bil.	Hakmilik	Kawasan
1.	HS(D) 260234, PTB 17819	Tanah Metro Larkin 1, Mukim Johor Bahru
2.	HS(D) 260235, PTB 18145	
3.	HS(D) 267780, PTB 20479	
4.	HS(D) 260233, PTB 20785	
5.	HS(D) 268606, PTD 79167	

Sumber: Peta Tanah Metro Larkin 1 Dan Tanah Bukit Resam

**Gambar 5.1**

**Keadaan Di Tanah Metro Larkin 1**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Akademik Memandu Mewah, Larkin  
Tarikh: 28 Ogos 2013

**Gambar 5.2**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lapang Sasar Memanah dan Kafeteria (HS(D) 260235, PTB 18145), Larkin  
Tarikh: 28 Ogos 2013

**Gambar 5.3**

**Penyewa-Penyewa Di Tanah Metro Larkin 1**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Gerai Makan Miasal Enterprise,  
Tempat Letak Kereta Stadium Larkin  
Tarikh: 28 Ogos 2013

**Gambar 5.4**

**Penyewa-Penyewa Di Tanah Metro Larkin 1**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pusat Cuci Kereta, Tempat Letak Kereta  
Stadium Larkin  
Tarikh: 28 Ogos 2013

**Gambar 5.5**

**Penyewa-Penyewa Di Tanah Metro Larkin 1**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pasar Pagi, Tempat Letak Kereta  
Stadium Larkin  
Tarikh: 8 September 2013

**Gambar 5.6**

**Penyewa-Penyewa Di Tanah Metro Larkin 1**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pasar Pagi, Tempat Letak Kereta  
Stadium Larkin  
Tarikh: 8 September 2013

**Gambar 5.7**  
**Keadaan Di Tanah Bukit Resam, Mukim Pulai Yang Belum Dibangunkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tanah Bukit Resam (PTD 79167),  
Mukim Pulai  
Tarikh: 5 September 2013



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tanah Bukit Resam (PTD 79167),  
Mukim Pulai  
Tarikh: 5 September 2013

**Gambar 5.9**  
**Keadaan Di Tanah Bukit Resam, Mukim Pulai Yang Belum Dibangunkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tanah Bukit Resam (PTD 79167),  
Mukim Pulai  
Tarikh: 5 September 2013



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tanah Bukit Resam (PTD 79167),  
Mukim Pulai  
Tarikh: 5 September 2013

ii. Berdasarkan maklum balas bertarikh 30 Januari 2014, pihak JFSB memaklumkan Perbadanan Johor menerusi anak syarikatnya iaitu Johor Land Berhad telah melantik pihak konsultan untuk menyediakan rancangan pembangunan ke atas tanah di Metro Larkin 1. Sehingga kini, ianya masih dalam proses penyediaan *Development Concept* dan reka bentuk. JFSB turut menyatakan Kerajaan Negeri Johor dan Perbadanan Johor juga telah mengenal pasti untuk melaksanakan pertukaran aset (*asset swapping*) ke atas tanah ini, bagaimanapun ianya masih di peringkat perbincangan lagi. Seterusnya, JFSB memaklumkan tanah di Bukit Resam telah disenaraikan untuk dilupuskan atau dijual kepada pihak ketiga selewat-lewatnya pada tahun 2015. Kedudukan tanah ini yang curam menyebabkan ianya tidak ekonomik untuk dibangunkan.

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti pelaburan JFSB adalah kurang memuaskan. Walaupun Perbadanan Johor sebagai syarikat induk telah menubuhkan Bahagian

**Pentadbiran Khas khusus untuk mengkaji prestasi syarikat-syarikat yang memerlukan perhatian bagi tindakan selanjutnya, impaknya masih belum dapat dilihat lagi. Manakala, perolehan harta tanah di Metro Larkin 1 dan Bukit Resam oleh JFSB sejak tahun 2004 masih belum dibangunkan.**

#### **5.4.3. Tadbir Urus Korporat**

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah memperkenalkan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (2007) yang menekankan elemen penting seperti pematuhan undang-undang dan peraturan, struktur organisasi, keanggotaan, peranan dan tanggungjawab lembaga pengarah kepada pemegang saham, penetapan dan pendedahan ganjaran yang diterima oleh lembaga pengarah, polisi dan prosedur, penubuhan jawatankuasa lain dan peranan Jawatankuasa Audit terhadap akauntabiliti syarikat. Tadbir urus korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mengurus dan mengawal aktiviti/program dan kebijakan syarikat ke arah meningkatkan prestasi dan akauntabiliti korporat dengan objektif utamanya adalah untuk memastikan kepentingan *stakeholders* dipertahankan. Tadbir urus korporat penting sebagai peraturan yang berkesan bagi menyumbang kepada perkembangan perniagaan. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat JFSB adalah seperti berikut:

##### **5.4.3.1. Undang-Undang Dan Peraturan**

- a. Sebagai sebuah syarikat milik Perbadanan Johor, JFSB adalah tertakluk kepada peraturan Kementerian Kewangan dan Kerajaan Negeri Johor serta Surat/Pekeliling Berkaitan Syarikat Kerajaan. Ia bertujuan memelihara kepentingan agensi Kerajaan Negeri yang menjadi pemegang utama saham syarikat. Melalui Persidangan Menteri-Menteri Besar Dan Ketua Menteri Ke-69 pada 10 Jun 1993, semua Kerajaan Negeri bersetuju mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Jemaah Menteri Mengenai Perusahaan Awam Bukan Kewangan terhadap syarikat kerajaan.
- b. Semakan Audit mendapati JFSB tidak mengguna pakai pekeliling-pekeliling kerajaan berkaitan pengurusan syarikat kerajaan dalam pembayaran bonus, dividen, arahan-arahan bagi meningkatkan kualiti perancangan dan kawalan ke atas pengurusan syarikat Kerajaan dan garis panduan mengenai penubuhan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan bagi syarikat Kerajaan. Sebaliknya, JFSB mengguna pakai Tatacara Peraturan Kewangan Perbadanan Johor dalam menguruskan kewangan syarikat. Sungguhpun demikian, pihak JFSB hendaklah sentiasa memastikan penggunaan Tatacara Peraturan Kewangan ini selaras dengan pekeliling Kerajaan.

##### **5.4.3.2. Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah**

- a. Merujuk Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia, Ahli Lembaga Pengarah digalakkan kerap bermesyuarat dan segala isu yang dibincangkan direkodkan dengan lengkap supaya ia boleh dirujuk semula bagi memahami keputusan yang telah diambil. Seksyen 156 dan 157 Akta Syarikat menyatakan semua minit mesyuarat perlu

disimpan oleh syarikat di pejabat pendaftar, ditandatangani dan dibukukan bagi tujuan pemeriksaan. Semakan Audit mendapati Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah JFSB telah diadakan 2 kali pada tahun 2009 dan tiada mesyuarat diadakan pada tahun 2010 hingga 2012. Perkara ini menyebabkan keputusan penting tadbir urus syarikat dan keluar masuk Ahli Lembaga Pengarah dibuat melalui ketetapan beredar.

- b. Berdasarkan maklum balas bertarikh 30 Januari 2014, pihak JFSB memaklumkan bahawa mulai tahun 2014, Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah akan bermesyuarat pada setiap suku tahun iaitu pada bulan Mac, Jun, September dan Disember. Syarikat juga akan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan bagi Tahun Kewangan 2013 pada bulan Jun 2014.

#### **5.4.3.3. Unit Audit Dalam Serta Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menetapkan bahawa Jawatankuasa Audit perlu diwujudkan untuk memelihara kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham melalui kawalan dan pengawasan ke atas pengurusan syarikat serta mengawasi semua fungsi Unit Audit Dalam. Jawatankuasa ini juga perlu bermesyuarat sekali dalam tempoh 3 bulan atau 4 kali setahun. JFSB tidak menggunakan garis panduan mengenai penubuhan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan bagi syarikat Kerajaan. Sebaliknya, Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan yang ditubuhkan di peringkat Perbadanan Johor menggunakan khidmat JCIA Services Sdn. Bhd. juga bertindak sebagai Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan JFSB. Manakala, akaun ladang pula diaudit oleh Audit Dalam Syarikat EPA Management Sdn. Bhd. (EPA).

#### **5.4.3.4. Perancangan Strategik, Rancangan Korporat Dan Key Performance Indicator**

- a. Syarikat Kerajaan perlu menyediakan *Key Performance Indicator* (KPI) selaras dengan strategi syarikat dan sasaran yang ditetapkan bagi syarikat dan KPI untuk Unit Perniagaan setiap 6 bulan/setahun sekali. Mengikut *Intensifying Performance Management*, Buku Biru Versi 2, syarikat Kerajaan perlu menyediakan *Key Performance Indicator* (KPI) bagi mengukur prestasi syarikat. KPI yang disediakan perlulah berkait rapat dengan strategi syarikat yang melibatkan semua peringkat dalam organisasi iaitu KPI bagi Ketua Eksekutif dan syarikat keseluruhannya dan KPI untuk seksyen/unit perniagaan. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menyatakan bahawa setiap syarikat perlu menyediakan rancangan korporat serta menetapkan strateginya bagi menentukan hala tuju syarikat dan merangka strategi pelaksanaannya. Rancangan korporat dan KPI perlu dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat Induk selaras dengan objektif penubuhan syarikat, menjurus kepada misi, objektif dan strategi serta diikuti dengan analisis kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman.

- b. Semakan Audit mendapati JFSB tidak menyediakan perancangan strategik dan KPI syarikat secara keseluruhan. Perancangan strategik, KPI dan bajet hanya disediakan di peringkat ladang kelapa sawit yang disediakan oleh EPA dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Perancangan Strategik Perbadanan Johor pada setiap tahun untuk kelulusan. Oleh kerana ketiadaan perancangan strategik yang menyeluruh, JFSB tidak dapat menentukan hala tuju syarikat selepas menjual kesemua ladang dan kilang kelapa sawit pada tahun 2012 yang menjadi penyumbang utama keuntungan syarikat sebelum ini.
- c. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 30 Januari 2014, pihak JFSB memaklumkan perkara ini akan dibincangkan di dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah yang akan datang.**

#### **5.4.3.5. Pembayaran Dividen**

- a. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 menetapkan dasar dan garis panduan mengenai bayaran dividen oleh syarikat Kerajaan. Syarikat Kerajaan dikehendaki membayar dividen sekurang-kurangnya 10% setahun sebagai pulangan modal kepada Kerajaan/Agensi sebagai pemegang saham. Sekiranya keuntungan tahun semasa melebihi jangkaan, peratusan dividen kepada pemegang saham perlu ditingkatkan tanpa menjaskankan kedudukan kewangan syarikat. Cadangan bayaran dividen perlu dikemukakan secara serentak dengan cadangan bayaran bonus untuk kelulusan Lembaga Pengarah Agensi Kerajaan dan Pihak Berkuasa Negeri. Semakan Audit mendapati JFSB tidak mengisyiharkan dividen kepada Perbadanan Johor pada tahun 2010 hingga 2012 walaupun memperoleh keuntungan selepas cukai.
- b. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 30 Januari 2014, pihak JFSB memaklumkan dividen tidak dibayar kepada Perbadanan Johor disebabkan JFSB tidak mempunyai aliran tunai yang mencukupi untuk membayar dividen. JFSB mempunyai modal berbayar RM26 juta dan sekiranya 10% dividen dibayar, ianya melibatkan sejumlah RM2.6 juta yang perlu disediakan. Jumlah ini tidak mencukupi untuk dibayar oleh JFSB kerana aliran tunai yang sedia ada kurang daripada RM0.5 juta.**

Pada pendapat Audit, Tadbir Urus Korporat JFSB adalah memuaskan. Bagaimanapun, masih terdapat kelemahan yang perlu diperbaiki seperti Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah tidak diadakan mengikut ketetapan, tiada perancangan strategik bagi menentukan hala tuju syarikat selepas penjualan ladang dan kilang.

## **5.5. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan objektif penubuhan Johor Foods Sdn. Bhd. (JFSB) dicapai dan Perbadanan Johor sebagai pemegang ekuiti mendapat *value for money*, beberapa aspek pengurusan syarikat perlu dipertingkatkan dengan memberi pertimbangan kepada syor-syor berikut:

**5.5.1.** Mengadakan Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah mengikut ketetapan bagi memantau perjalanan JFSB.

**5.5.2.** Menceburi bidang perniagaan alternatif supaya JFSB mempunyai landasan untuk terus menjana keuntungan memandangkan ladang serta kilang kelapa sawit telah dijual.



---

## PENUTUP



## **PENUTUP**

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya latihan kepada pegawai terlibat serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjelaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjelaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agenzi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di aktiviti/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

**Jabatan Audit Negara**

**Putrajaya**  
**30 April 2014**







**JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA**

No. 15, Aras 1-5  
Persiaran Perdana, Presint 2  
62518 Wilayah Persekutuan Putrajaya

[www.audit.gov.my](http://www.audit.gov.my)